

# JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

## JILID 15, 2020

<b>Pembinaan Instrumen Pentaksiran Bilik Darjah Untuk Penilaian Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina</b>	1
Wong Shiat Lu, Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah, Soon Chiow Thai	
<b>Kesan Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) Terhadap Pencapaian Pemahaman Konsep Membuat Pakaian Tingkatan Empat</b>	13
Baity Bujeng, PhD	
<b>Problems In Learning Mathematics? Fret Not! EzMATH@IPGKS3.0 To The Rescue: An Innovation To Help Year 2 Pupils In Malaysia</b>	22
Norsarihan Ahmad, PhD, Hu Laey Nee, PhD	
<b>FOP: Penentuan Isi Padu Kubus Dan Kuboid</b>	31
Liow Xin Ying, Hu Laey Nee, PhD	
<b>Buli Siber: Hubungannya Dengan Kemurungan, Kebimbangan, Tekanan Dan Pengaruhnya Ke Atas Pencapaian Akademik Murid</b>	44
Yatiman Karsodikromo, Mohd.Razimi Hussin, Hazalizah Hamzah	
<b>Pembangunan Modul Latihan Imajinasi Saintifik-Proses Reka Bentuk Kejuruteraan (Modul IS-REKA) Bagi Pembelajaran Berasaskan Projek Bertema Teknologi Hijau</b>	58
Nur Zuraimi Zam Jamar, Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah	
<b>Persepsi Pensyarah Rakan Elit Terhadap Pencerapan <i>Coaching</i> Pensyarah Semasa Penyeliaan Praktikum Semester 7</b>	71
Mohamad Zailani Jaya	
<b>Student – Teacher Motivation Towards Teaching And Learning In The Classroom: A Case Study</b>	84
Selvaraj Grapragasem	
<b>The Impact Of Thinking Aloud Strategy On The Learning Of Listening Skills In MUET</b>	95
Brenda Bangi Jin	
<b>Keberkesanan Strategi Pengajaran Terhadap Pemikiran Kritis Dan Kreatif Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Cina</b>	106
Lim Lee Ching, PhD	
<b>通过儿歌教学法帮助三年级国小生识记汉字</b>	113
<b><i>Penggunaan Kaedah Nyanyian Lagu Kanak-Kanak Untuk Membantu Murid Tahun Tiga Dalam Mengenali Dan Mengingati Karakter Cina</i></b>	
Koay Chian Wen, Hoon Swee Kim	

*Jurnal Penelitian Pendidikan*  
Jilid 15, 2020



Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri  
*Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri*

**PENASIHAT (ADVISOR)**

MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

**PENYELARAS (COORDINATOR)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD

Dr HU LAEY NEE

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

**Panel Editor (Panel of Editors)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD, Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

Dr Hu LAEY NEE, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

KHOO KIN PENG, Jabatan Bahasa

**Editor Grafik (Graphic Editor)**

Dr HU LAEY NEE, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

---

**Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak** menerbitkan hasil-hasil penyelidikan pendidikan staf akademik, bekas staf akademik, para peserta kursus dalam perkhidmatan, dan para pelatih guru pra dan dalam perkhidmatan di IPG Kampus Sarawak. Satu salinan manuskrip mengikut gaya yang dispesifikasikan dalam Publication Manual of the American Psychological Association (APA) boleh dialamatkan ke Sidang Editor, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.

*The IPG Kampus Sarawak Journal of Education Research publishes educational research works of the academic staff, ex-academic staff, in-service course participants, and pre-service teacher trainees of IPG Kampus Sarawak. A copy of each manuscript conforming to the style specified by the Publication Manual of the American Psychological Association (APA) can be addressed to the Editorial Board, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.*

---

Hak Cipta Terpelihara © 2020 oleh IPG Kampus Sarawak, Miri

Copyright © 2020 by IPG Kampus Sarawak, Miri

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah, IPG Kampus Sarawak.

*Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Director, Teacher Education Institut Sarawak Campus, Miri.*

Segala surat-menyurat boleh dialamatkan kepada:

*All correspondence can be addressed to:*

Sidang Editor

Jurnal Penyelidikan Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri

Sarawak, Malaysia

**SEMADAH KATA, SEMANIS PEMBUKA BICARA  
PENGARAH IPG KAMPUS SARAWAK**


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 15, Tahun 2020 berjaya diterbitkan. Tahniah dan syabas kepada semua penulis, penyelaras, sidang editor IPG Kampus Sarawak.

Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini merupakan jurnal ke-15 yang memuatkan pelbagai artikel berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran pendidikan, pentaksiran pendidikan, Matematik, Bahasa serta Pendidikan Vokasional dan Teknikal. 11 artikel ini telah dipilih dari artikel-artikel yang menyertai e-Seminar Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan 2020 (e-SPeDIP2020) Peringkat Kebangsaan pada 24 – 25 Jun 2020. Jurnal seperti ini sesungguhnya akan dapat dijadikan wadah penting untuk para pendidik menyumbang dan berkongsi maklumat berkaitan dunia pendidikan yang semakin berkembang pesat. Segala idea dunia pendidikan dapat dikongsikan bersama agar dapat membantu warga pendidik sebagai sumber rujukan dan bacaan ilmiah serta memupuk budaya penyelidikan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI), IPG Kampus Sarawak di atas usaha mereka dalam menyediakan Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 15 ini. Semoga jurnal ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua.

Sekian, terima kasih.



(MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA)

Pengarah,  
IPG Kampus Sarawak

## **Prakata**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji ke Hadrat Illahi atas penerbitan Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 15, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) pada tahun ini. Tahniah kepada pasukan panel editor dan Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI), IPGKS yang telah mengembleng tenaga bagi menjayakan Jurnal ini.

Penyelidikan adalah nadi kepada penjana ilmu yang lebih luas dan bermanfaat. Jurnal Jilid 15 yang diterbitkan ini adalah satu koleksi kajian yang telah dibuat oleh pensyarah, guru, pegawai pendidikan dan juga guru pelatih. Hasil kajian seharusnya dikongsi agar dapat memberi manfaat kepada semua pihak berkenaan agar dapat memberi panduan kepada pelaksanaan kajian yang dapat digunakan oleh semua warga pendidik dalam melaksanakan kajian mereka.

Kajian yang dilaksanakan diperingkat awal boleh dijadikan satu transformasi kepada satu kajian yang lebih besar jika penyelidik dapat berkongsi kajian mereka di dalam satu platform penyelidikan yang lebih besar. Oleh itu, Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini adalah satu platform yang memberi ruang kepada penyelidik untuk terus menghasilkan karya penyelidikan yang dapat membantu semua pihak dari pelbagai aspek keilmuan.

Akhir kalam, adalah diharapkan agar Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 15 ini akan dapat menjadi inspirasi kepada dunia pendidikan. Semoga penghasilan jurnal ini akan dapat memacu kearah pembudayaan ilmu dan pembangunan kecemerlangan pendidikan.

Sidang Editor,  
Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 15, 2020

## PEMBINAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH UNTUK PENILAIAN KEPUASAN PEMBELAJARAN LITERASI KARAKTER CINA

WONG SHIAT LU<sup>1</sup>, SIEW NYET MOI @ SOPIAH ABDULLAH<sup>2</sup>,  
SOON CHIEW THAI<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

<sup>3</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,  
Kampus Antarabangsa Labuan, Jalan Sungai Pagar, 87000 Labuan.

<sup>1</sup>wongshiatlu@gmail.com, <sup>2</sup>sopiah@ums.edu.my, <sup>3</sup>soon@ums.edu.my

### ABSTRAK

‘Kepuasan pembelajaran’ bukanlah satu istilah yang baru, namun penilaian terhadap kepuasan pembelajaran jarang diaplikasikan ke atas murid sekolah rendah. Kajian ini bertujuan menentusahkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC) yang berbentuk penilaian sendiri supaya dapat digunakan sebagai alat Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Instrumen penilaian KPLKC terdiri daripada 3 konstruk dan 12 item telah mendapat kesahan kandungan daripada empat orang panel pakar yang bertauliah dengan indeks kesahan kandungan yang sangat tinggi (0.97). Instrumen KPLKC ditadbirkan ke atas 44 orang murid Tahun Dua daripada SJKC daerah Kota Kinabalu, Sabah. Peratus varians 63.43% dalam analisis muatan faktor menunjukkan konstruk item dalam KPLKC adalah sesuai dan relatif bagi menilai tahap kepuasan pembelajaran murid. Hasil dapatan faktor analisis utama (PCA) menunjukkan konstruk KPLKC mempunyai magnitud kolerasi yang tinggi antara nilai 0.705 hingga 0.853, dan komponen KPLKC dapat diekstrak serta dipadatkan menjadi satu faktor, iaitu kepuasan pembelajaran literasi karakter Cina. Nilai *Cronbach Alpha* 0.845 dan koefisien kebolehpercayaan dalam julat 0.63 – 0.68 bagi setiap bahagian dimensi menunjukkan KPLKC mempunyai kebolehpercayaan iaitu ketekalan dalaman yang sangat memuaskan. Maka, dapat ditentukan KPLKC boleh digunakan sebagai alat ukur kepuasan pembelajaran bagi Pentaksiran Bilik Darjah subjek Bahasa Cina untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran murid di samping sebagai maklum balas pengajaran guru.

Kata kunci: kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina, Pentaksiran Bilik Darjah

### ABSTRACT

*The assessment in learning satisfaction has been well researched but there are limited reports about instruments to investigate learning satisfaction among primary school pupils. This study described the validity and reliability of a self-evaluation instrument on Chinese Character Literacy Learning Satisfaction (CCLLS) for primary school pupils in the classroom assessment. CCLLS consisted twelve items which were developed through three dimensions, validated through questionnaire response data of 44 Year Two pupils from Chinese National Type Primary Schools (SJKC) in the district of Kota Kinabalu, Sabah. The study was conducted to check on face validity, content validity, construct related validity, and internal consistency in Cronbach's coefficient alpha. The content validation of CCLLS was gauged by four experts who had shown a content validity index of 0.97, which was considered very high. Principal Component Analysis showed the item constructs loaded from 0.705 to 0.853 on one factor which explained 63.43% in total variance. This result indicated CCLLS has good construct related validity, measuring only one factor i.e. Chinese character learning satisfaction. Cronbach's alpha was found to be 0.845, with reliability of each construct ranging from 0.63 to 0.68 indicating CCLLS could*

*be reliable in assessing learning satisfaction of Year Two pupils. Henceforth, CCLLS can be used by primary school educators to measure the level of learning satisfaction, specifically in Chinese subject for classroom assessment, as well as to get an overview for learning and teaching outcomes.*

*Keywords: validity and reliability of instrument, Chinese Character Literacy Learning Satisfaction, classroom assessment*

## PENGENALAN

Kepuasan pembelajaran merupakan petunjuk yang sering digunakan oleh pendidik dalam penilaian program pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan akan memberi kesan terhadap kepuasan murid, khususnya murid sekolah rendah yang berumur antara 7 hingga 12 tahun. Menurut Anderson, Fornell dan Lehmann (1994), kepuasan boleh dijadikan indikator penting terhadap prestasi masa lepas, semasa dan masa hadapan. Ini adalah kerana ia merupakan penilaian selepas penggunaan suatu produk atau perkhidmatan yang berlaku pada akhir proses dalam psikologi pengguna. Dalam konteks pendidikan pula, kepuasan pembelajaran murid dipengaruhi oleh kualiti kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan ataupun kesesuaian kaedah yang dipakai oleh guru (Guolla, 1999). Kesenambungan daripada itu, jika persekitaran bilik darjah ataupun alat bantu belajar yang digunakan baik, kepuasan murid terhadap pembelajaran akan terbentuk dan ianya akan memberi kesan terhadap pembentukan sikap murid (Kim, Fisher, & Fraser, 2000).

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) melibatkan penentuan tahap penguasaan bagi setiap murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi (SP). Tahap Penguasaan (TP) dinyatakan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP) bagi setiap mata pelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2019). Menurut BPK (2019), TP dalam KSSR merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam TP mempamerkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki digunakan sebagai petunjuk pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Ia juga dapat dikategorikan mengikut taksonomi Bloom yang merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Domain-domain tersebut adalah konsep yang lazim dipakai dalam asas pembinaan tahap penguasaan bagi SP yang ditetapkan (BPK, 2019).

Kerangka konsep yang terbentuk daripada pembelajaran literasi karakter Cina adalah selaras dengan asas pembangunan tahap penguasaan dalam PBD. Menurut 董蓓菲 [Dong, (2017), pembelajaran karakter Cina adalah satu proses pembinaan skema kognitif yang membolehkan murid mengenali struktur karakter Cina (domain kognitif). Kecekapan psikomotor juga diperlukan untuk memindahkan ingatan dan pemahaman murid tentang suatu struktur karakter Cina ke dalam bentuk tulisan. Proses ini hanya dapat berlaku dengan menguasai kemahiran menulis yang melibatkan koordinasi otot kecil dengan mata, dikenali sebagai *fine-motor skill* (domain psikomotor). Sehubungan itu, murid perlu mempunyai minat, ketabahan dan keinginan belajar dalam proses pembelajaran literasi karakter Cina yang boleh diklasifikasikan sebagai domain afektif.

Kepuasan murid dalam kajian ini merujuk kepada persetujuan murid Tahun Dua SJKC terhadap hasil satu unit pembelajaran literasi karakter Cina dalam tiga dimensi selidik yang dikategorikan kepada tiga domain, iaitu i) Domain psikomotor merujuk kepada kepuasan murid terhadap pembelajaran daripada aktiviti latihan menulis, ii) Domain kognitif merujuk kepada kepuasan murid terhadap hasil pembelajaran mengenali


karakter Cina, iii) Domain afektif merujuk kepada kepuasan murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan literasi karakter Cina di bilik darjah. Pembinaan item instrumen penilaian sendiri terhadap Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC) adalah berpandukan klasifikasi objektif pembelajaran taksonomi Bloom seperti dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Rangka Pembinaan Konstruk Instrumen KPLKC

Konstruk : Item	Dimensi Selidik	Capaian domain		
		Psikomotor	Kognitif	Afektif
A : A1 – A4	Kepuasan murid terhadap aktiviti latihan menulis karakter Cina.	√		√
B : B5 – B9	Kepuasan murid terhadap hasil pembelajaran mengenali karakter Cina.		√	√
C : C10 – C12	Kepuasan murid terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan literasi karakter Cina di bilik darjah.			√

Kurikulum kebangsaan di Malaysia ialah suatu program pendidikan yang berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Ciri-ciri yang dibentuk dalam individu yang menerima pendidikan haruslah berpaksikan kepada falsafah yang jelas, khususnya falsafah yang menjadi teras pendidikan negara (Syed & Hasnan, 2001). Kesenambungan daripada itu, penilaian pembelajaran literasi karakter Cina dalam kajian ini adalah dibentuk berasaskan kepada kurikulum yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, norma, nilai dan unsur untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan (Kurikulum Kebangsaan, 1997). Hasil pembelajaran literasi karakter Cina selepas pengajaran suatu unit pembelajaran daripada buku teks KSSR akan dinilai dengan menggunakan instrumen penilaian Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC), di mana ia merangkumi komponen rohani, mental dan emosi. Komponen jasmani dikeluarkan daripada kerangka konsep penilaian KPLKC dengan mengambil kira pembelajaran literasi karakter Cina tiada kaitan dengan unsur jasmani. Rajah 1 mengilustrasikan konsep penilaian yang dimaksudkan.



Rajah 1. Kerangka Konsep Penilaian Kendiri Dalam Pembelajaran Literasi Karakter Cina

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan instrumen penilaian sendiri, iaitu Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC) bagi murid Tahun Dua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Seterusnya, instrumen ini perlu dikenal pasti kesahan dan kebolehpercayaannya dengan menjalankan analisis faktor EFA. Penentuan

kebolehpercayaan instrumen dilakukan dengan pemeriksaan ke atas pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*.

## SOALAN KAJIAN

- a. Apakah kesahan konstruk instrumen KPLKC dalam tiga dimensi selidik, iaitu kepuasan dalam penulisan, kepuasan terhadap hasil pembelajaran, kepuasan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bilik darjah mengikut i) Peratus varians dalam analisis muatan faktor, ii) Analisis faktor daripada matriks terputar, iii) Analisis komponen utama (PCA) dalam matriks komponen.
- b. Apakah nilai kebolehpercayaan tiga konstruk instrumen KPLKC bagi murid Tahun Dua mengikut i) Pekali koefisien *Cronbach Alpha*, ii) Nilai *Corrected Item-Total Correlation*, dan pekali alpha Cronbach jika item disingkir.

## SOROTAN LITERATUR

Penilaian adalah penting dalam pembelajaran literasi karakter Cina, khususnya terhadap hasil tulisan karakter Cina. Selain daripada penilaian yang dibuat oleh guru, murid juga boleh membuat penilaian terhadap hasil tulisan sendiri. Keberhasilan pembelajaran menulis karakter Cina dapat dicapai secara optimum melalui efikasi-diri yang diusulkan oleh Bandura (1997). Efikasi-diri adalah keyakinan individu ke atas kemampuan dirinya melakukan suatu tindakan untuk mencapai sesuatu dengan berhasil. Penilaian sendiri terhadap hasil tulisan karakter Cina merupakan satu bentuk efikasi-diri (王崇宝 【Wang, 2011; 李秀玲 【Li, 2019). Murid mempelajari tulisan karakter Cina berpandukan tunjuk-ajar guru dan usaha meneladani contoh penulisan yang baik dilengkapi dengan harapan sendiri untuk menghasilkan tulisan yang elok. Oleh itu, latihan menulis karakter Cina dapat membawa kepuasan pembelajaran bukan sahaja dari segi psikomotor dan kognitif, tetapi juga kepuasan domain afektif yang merangkumi nilai-nilai murni seperti kesabaran, ketabahan dan keyakinan diri. Dalam instrumen KPLKC, kepuasan afektif ini dinilai secara khusus dalam Dimensi Kepuasan PdPc Bilik Darjah. Domain afektif juga diletakkan sebagai komponen keseluruhan bagi semua dimensi kepuasan yang dikaji dalam instrumen KPLKC.

Penilaian sendiri dapat membantu murid mengesan kekuatan dan kekurangan diri serta tahap pencapaian diri dalam pelajaran. Mengikut BPK (2019), pentaksiran sendiri berlaku apabila murid menilai kerja sendiri berdasarkan bukti dan kriteria yang jelas untuk meningkatkan prestasi mereka. Kaedah penilaian sendiri menggalakkan murid melibatkan diri dan bertanggungjawab dalam pembelajaran sendiri, di samping memupuk minat mereka dalam pembelajaran. Kaedah pentaksiran sendiri dapat membantu murid untuk memikir dan menilai prestasi, tahap penguasaan, kemajuan, pencapaian, kekuatan dan kekurangan diri secara refleksi. Membuat refleksi merupakan salah satu dimensi daripada enam dimensi dalam Rubrik Pentaksiran Berasaskan Projek (BPK, 2019). Guru akan menetapkan tahap penguasaan keseluruhan berdasarkan pertimbangan profesional setelah mentaksir murid berdasarkan enam dimensi iaitu i) Mengumpul maklumat, ii) Merancang, iii) Mengaplikasi, iv) Membuat Refleksi, v) Berkomunikasi, vi) Etika dan Kerohanian. Mengikut dimensi Membuat Refleksi (penilaian sendiri), murid boleh mencatat refleksi sendiri dalam jurnal harian atau buku catatan. Dalam huraian Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (BPK, 2019), salah satu bentuk pentaksiran sendiri ialah menggunakan soal selidik. Penyelidik mencadangkan penggunaan instrumen KPLKC dalam penilaian pembelajaran literasi karakter Cina. Ini bertujuan untuk memudahkan proses pentaksiran

kendiri, khususnya bagi murid Tahap 1 di sekolah rendah yang menghadapi masalah kelemahan bahasa dalam penulisan refleksi.

Menurut Mun dan Dreyer (1990), kajian rintis berskala kecil (*small-scale piloting*) boleh menguji kebolehlaksanaan dan kebolehpercayaan soal selidik. Penilaian sendiri KPLKC adalah berbentuk soal selidik. Instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi akan membantu pendidik mengesan dengan lebih tepat tentang apa yang sebenarnya murid alami dan perolehi dalam suatu pengajaran dan pembelajaran. Namun dalam realiti, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pada masa kini masih dinilai dengan ujian yang berpusat kepada perkembangan pengetahuan atau kemahiran (kognitif) semata-mata. Unsur afektif seperti kepuasan pembelajaran biasanya dianggap sebagai hasil sampingan yang kurang penting. Salah satu sebab berlakunya keadaan ini ialah kekurangan instrumen yang sesuai untuk menilai kepuasan pembelajaran bagi murid sekolah rendah.

Dalam realiti, kebolehlaksanaan penilaian sendiri bagi murid sekolah rendah sering dipersoalkan atas isu umur dan pengalaman. Oleh hal yang demikian, instrumen yang sesuai dan berkualiti perlu diusahakan. Untuk mengatasi masalah yang dimaksudkan, instrumen yang dibangunkan haruslah bersifat mesra kanak-kanak, termasuk bahasa yang digunakan sebagai item adalah pendek, mudah dan senang difahami. Oleh itu, gambar emoji dijadikan sebagai skala Likert lima-poin dalam instrumen KPLKC bertujuan memudahkan responden berumur 7–8 tahun dalam pemilihan jawapan yang sesuai mengikut persepsi individu. Instrumen terhasil daripada semua pengubahsuaian yang dimaksudkan perlu ditentusahkan kebolehpercayaan bersama kesahan konstruksinya melalui kajian.

## METODOLOGI KAJIAN

### Instrumen

Kajian ini dijalankan melalui satu set soal selidik yang dinamakan sebagai instrumen penilaian sendiri Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC), dibina oleh penyelidik berdasarkan bacaan literatur dan perbincangan dengan penyelia. Sebelum instrumen penilaian sendiri KPLKC ditadbirkan, intervensi pengukuhan menulis karakter Cina telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran literasi karakter Cina yang memfokuskan kepada satu unit pembelajaran karakter Cina dipetik daripada buku teks KSSR, Kementerian Pendidikan Malaysia. Aktiviti PdPc disusuli dengan ujian mengenali dan menulis karakter Cina. Selepas itu, instrumen KPLKC ditadbirkan untuk menilai tahap kepuasan murid terhadap pembelajaran literasi karakter Cina dalam tempoh intervensi yang dijalankan selama enam minggu. Soal selidik dalam instrumen KPLKC adalah berbentuk penilaian sendiri ke atas hasil pembelajaran. Dapatkan penilaian akan dijadikan sebahagian daripada maklumat pencapaian murid yang dikumpul oleh guru untuk pentaksiran dalam bilik darjah (PBD).

### Sampel

Menurut Lincare (1994), pemilihan saiz sampel yang minimum (30) adalah cukup bagi menghasilkan data kajian yang tepat dan tekal dengan paras keyakinan 95%. Namun begitu, saiz sampel yang besar dapat meningkatkan ketekalan hasil dapatan kajian (Linacre, 1994). Ghazali dan Sufean (2018) menyarankan bahawa jika kajian bukan jenis tinjauan, adalah perlu menghuraikan lokasi atau kes dan konteksnya untuk penetapan saiz sampel. Dalam kajian ini, sebuah sekolah dipilih secara rawak daripada tiga sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SJKC) yang berada di kawasan Likas dalam daerah Kota Kinabalu, Sabah. Sampel kajian adalah '*intact group*' yang terlibat dalam intervensi pembelajaran

literasi karakter Cina di bawah Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Cina standard SJKC. Selepas intervensi, *intact group* yang terdiri daripada 44 sampel, iaitu 24 murid lelaki (55%) dan 20 murid perempuan (45%) menjadi responden untuk pentadbiran instrumen KPLKC. Tahap 1 merangkumi Tahun Satu, Dua dan Tiga, dan adalah teras dalam pembelajaran literasi karakter Cina. Penyelidik memilih murid Tahun Dua sebagai responden dalam kajian ini adalah berdasarkan justifikasi bahawa kumpulan murid ini telah menerima pendidikan literasi karakter Cina sekurang-kurangnya setahun. Dengan itu, murid Tahun Dua dianggap dapat memberi respons persepsi individu dengan lebih tepat berdasarkan pengalaman mereka dalam pembelajaran literasi karakter Cina.

### **Pengumpulan Data**

Sumber data kajian ini adalah daripada pentadbiran instrumen penilaian sendiri terhadap Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC) murid Tahun Dua SJKC. Instrumen KPLKC mengandungi 3 konstruk dan 12 item dinilai oleh 44 orang murid (responden). Dapatan penilaian digunakan untuk mengukur tahap kepuasan responden dalam pembelajaran literasi karakter Cina dalam tiga dimensi kepuasan iaitu (i) Kepuasan dalam penulisan (empat item), (ii) Kepuasan terhadap hasil pembelajaran (lima item), (iii) Kepuasan terhadap PdPc bilik darjah (tiga item). Skala Likert lima-poin yang bergambar emoji digunakan sebagai skala bagi penilaian setiap item oleh responden. Walaupun masa tidak dihadkan untuk menjawab soal selidik, tetapi responden dapat menyiapkan soal selidik dalam lingkungan masa setengah jam. Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS Statistics 22*.

### **DAPATAN ANALISIS**

#### **Kesahan Kandungan**

Bagi meningkatkan kesahan kandungan item-item instrumen kajian ini, penyelidik menggunakan khidmat empat orang panel penilai yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang pendidikan. Mengikut Kline (2005), semakan pakar adalah perlu bagi memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan isi kandungan. Dalam kajian ini, setiap panel penilai telah diberikan instrumen KPLKC untuk diuji kesahan muka dan kesahan kandungannya. Menurut Mullen (2003), sekumpulan pakar rujuk adalah mereka yang telah terlatih dalam bidang tertentu. Panel pakar dalam pengesahan kandungan KPLKC mempunyai sekurang-kurang salah satu ciri daripada kriteria berikut:

- i. bekerja dalam bidang profesional melebihi 5 tahun
- ii. mempunyai pengalaman yang spesifik
- iii. adalah individu yang terlibat secara langsung dalam kajian yang berkaitan.

Sehubungan itu, penyelidik merujuk kepada pensyarah Unit Pengajian Cina daripada Institut Pendidikan Guru, dan Ketua Panitia Bahasa Cina daripada sebuah SJKC dalam pengesahan kandungan serta kesesuaian bahasa item instrumen KPLKC. Penyelidik juga merujuk kepada panel penilai daripada fakulti pendidikan universiti yang pakar dalam pengukuran dan penilaian. Di samping itu, penyelidik juga berunding dengan Ketua Kaunselor daripada Pejabat Pendidikan Daerah yang pakar dalam kaunseling dan psikologi bagi kesesuaian kandungan instrumen KPLKC. Penyelidik mengambil kira semua komen dan teguran daripada panel pakar dan diguna pakai bagi tujuan memantapkan semua item serta menambah baik maksud, bahasa dan persembahan item instrumen KPLKC. Jadual 2 memaparkan ulasan keseluruhan panel penilai instrumen.

Jadual 2  
Ulasan Panel Pakar terhadap Instrumen KPLKC

Penilai	Jawatan	Kepakaran	Ulasan
Pakar A	Pensyarah Unit Pengajian Cina IPG	Linguistik	Menekankan penggunaan bahasa yang paling mudah bagi setiap item instrumen KPLKC, sesuai dengan umur responden 7 hingga 8 tahun.
Pakar B	Ketua Jabatan Fakulti Pendidikan Universiti	Pengukuran dan penilaian	Tambah persepsi 'Neutral' sebagai penengah bagi skala lima Likert dalam penilaian KPLKC.
Pakar C	Ketua Kaunselor PPD	Psikologi dan kaunseling	Ubahsuai penerangan respons skala "Tahap persetujuan" kepada "Tahap kebenaran".

Selain daripada ulasan, penyelidik juga memohon panel pakar menilai setiap item instrumen KPLKC. Hasil penilaian digunakan untuk penghitungan indeks kesahan kandungan (*Content Validity Index*). Indeks kesahan kandungan (CVI) merangkumi CVI mengikut item (i-CVI), dan CVI mengikut pakar (s-CVI) yang asalnya dimodifikasikan daripada statistik Kappa ( $K^*$ ) (Lyman, 1986). Pilot, Beck dan Owen (2007) meletakkan nilai i-CVI yang diterima adalah melebihi 0.78. Davies (1971), Grant dan Davis (1997), dan juga Pilot dan Beck (2007) mencadangkan nilai s-CVI yang diterima haruslah melebihi 0.80. Hasil penghitungan dalam kajian ini menunjukkan kedua-dua CVI (mengikut item dan pakar) adalah bernilai 0.97 (tahap persetujuan 97%). Ini menunjukkan instrumen penilaian KPLKC mempunyai indeks kesahan kandungan yang sangat tinggi seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3  
Indeks Kesahan Kandungan Instrumen KPLKC

<i>Content Validity Index</i> (CVI)	Nilai indeks
Mengikut pakar (s-CVI > 0.80)	0.97
Mengikut item (i-CVI > 0.78)	0.97
Tafsiran	Sangat tinggi

### Kesahan Konstruk

Kesahan instrumen KPLKC dibuat dengan menggunakan teknik analisis faktor pengesanan EFA (*Exploratory Factor Analysis*). EFA dipakai untuk kesahan instrumen ke atas item-item yang dibina sendiri melalui kajian literatur, di mana konstruk-konstruk bagi setiap item belum ditentukan lagi (Ghazali & Sufean, 2018). Item-item akan dilihat ke arah mana cenderung dalam konstraknya melalui EFA. Mengikut Ghazali dan Sufean (2018), nilai faktor muatan ( $r$ ) perlu memenuhi syarat  $r > .300$ . Item-item yang tidak melepasi nilai faktor muatan, iaitu  $r < .300$  hendaklah diganti atau disingkir. KMO (*Kaiser-Meyer-Olkin*) dan Ujian Barlett (*Barlett's Test of Sphericity*) dijalankan untuk mengenal pasti sifat kebolehfaktoran dapat diandaikan. Jadual 4 menunjukkan nilai KMO bagi instrumen penilaian KPLKC.

Menurut Kaiser (1974), nilai KMO yang melebihi 0.5 adalah boleh diterima. Manakala Coakes, Steed, dan Ong (2009) mencadangkan nilai KMO minimum adalah 0.6. Berdasarkan Jadual 4, instrumen KPLKC mempunyai nilai *Kaiser-Meyer-Olkin* 0.635 telah memenuhi kedua-dua syarat minimum tersebut. Nilai KMO 0.635 menunjukkan kecukupan sampel item, dengan nilai ujian *Bartlett's Test of Sphericity*, *Approx. Chi-Square* yang sesuai dan signifikan, iaitu  $X^2 = 19.429$ ,  $df = 3$ ,  $sig p < .000$ . Oleh kerana

nilai ujian *Barlett's* sesuai dan signifikan, maka sifat kebolehfaktorannya dapat diandaikan dan ujian boleh dilanjutkan. Seterusnya, nilai Eigen diperiksa melalui analisis komponen utama yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 4  
KMO Dan Ujian Barlett

	<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>	<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>		
		<i>Approx. Chi-Square</i>	<i>df</i>	<i>sig</i>
KPLKC	0.635	19.429	3	.000

Jadual 5  
Peratus Varians Dalam Analisis Komponen Utama  
*Total Variance Explained*

<i>Component</i>	<i>Initial Eigenvalues</i>			<i>Extraction Sums of Squared Loadings</i>		
	<i>Total</i>	<i>% of Variance</i>	<i>Cumulative %</i>	<i>Total</i>	<i>% of Variance</i>	<i>Cumulative %</i>
1	1.903	63.434	63.434	1.903	63.434	63.434
2	.687	22.893	86.326			
3	.410	13.674	100.000			

*Extraction Method: Principal Component Analysis.*

Merujuk kepada Jadual 5, hanya satu bacaan nilai Eigen (*Eigenvalue*) yang lebih besar daripada 1, maka satu komponen sahaja iaitu komponen utama yang bernilai 1.903 sebagai penyelesaian kepada jumlah ekstrak kuasa dua muatan (*Extraction Sums of Squared Loadings*). Jika nilai Eigen 1.903 dibahagi dengan 3 (bilangan komponen), nilai 0.6343 diperolehi menunjukkan bahawa 63.43% varians dapat diukur berpandukan nilai komponen utama. Oleh itu, item dalam instrumen penilaian KPLKC adalah sesuai bagi menilai tahap kepuasan pembelajaran murid dengan satu konstruk yang relatif, iaitu kepuasan pembelajaran literasi karakter Cina. Selain itu, analisis kolerasi item hasil putaran matriks kaedah *Varimax* menunjukkan hampir semua 12 item dalam instrumen KPLKC boleh diterima dengan nilai kolerasi yang tinggi (angka tebal dalam Jadual 6) dalam satu faktor sahaja seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6  
Analisis Kolerasi Item daripada Putaran Komponen Matriks  
*Rotated Component Matrix<sup>a</sup>*

<i>Item</i>	<i>Component</i>		
	1	2	3
A1	<b>.778</b>		.107
A2	-.201	.178	<b>.874</b>
A3	<b>.841</b>		.162
A4	.214	.278	.183
B5	.443		<b>.804</b>
B6	<b>.481</b>	<b>.528</b>	
B7	-.171	<b>.721</b>	.114
B8	.187	<b>.618</b>	
B9	<b>.744</b>		-.177

C10		<b>.571</b>	-.312
C11	<b>.667</b>	.269	
C12	.301	<b>.566</b>	.219

*Extraction Method: Principal Component Analysis.*

*Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.*

*a. Rotation converged in 5 iterations.*

Jadual 6 menunjukkan konstruk item instrumen KPLKC adalah padat dan tidak bertindih kerana kebanyakan nilai kolerasi bertumpu pada satu faktor sahaja. Walau bagaimanapun, pemeriksaan perlu dibuat pada item A4. A4 perlu disingkir atau diganti dengan item yang baru kerana nilai kolerasi semua faktor adalah kurang daripada 0.300 (Ghazali & Sufean, 2018). Item B6 juga boleh digugur kerana berkolerasi dalam dua faktor yang bernilai hampir setara.. Setelah merujuk kepada panel pakar, penyelidik membuat keputusan mengganti A4 dengan item baru setelah pengubahsuaian struktur ayat dibuat supaya bahasa item yang digunakan lebih mudah difahami murid. B6 dimurni dan dikekalkan untuk mencukupkan bilangan item. Penentusahan kualiti konstruk yang berikutnya ialah analisis komponen utama (PCA) dalam matriks komponen seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Merujuk Jadual 7, didapati konstruk KPLKC mempunyai magnitud kolerasi yang tinggi bagi ketiga-tiga dimensi selidik, dengan nilai 0.823, 0.853 dan 0.705 masing-masing. Komponen KPLKC juga dapat diekstrak dan dipadatkan dengan penyelesaian satu faktor, iaitu kepuasan murid dalam pembelajaran literasi karakter Cina.

Jadual 7

Analisis Komponen Utama Dalam Matriks Komponen

*Component Matrix<sup>a</sup>*

	<i>Component</i>
	1
Penulisan	.823
Hasil Pembelajaran	.853
PdP_Bilik Darjah	.705

*Extraction Method: Principal Component Analysis.*

*a. 1 components extracted.*

### **Kebolehpercayaan**

Setelah analisis faktor dijalankan bagi menguji kesahan konstruk, instrumen KPLKC perlu dikenal pasti kebolehpercayaannya. Menurut Ghazali & Sufean (2018), kebolehpercayaan item dapat diukur dengan menggunakan dua jenis nilai indeks iaitu koefisien alpha Cronbach dan Cohen Kappa. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan koefisien alpha Cronbach untuk menentusahkan konsistensi dalaman dan menilai ketekalan set item bagi instrumen KPLKC. Jadual 8 menunjukkan dapatan nilai *Cronbach alpha* bagi ketiga-tiga dimensi selidik dalam instrumen KPLKC.

Jadual 8

Nilai Cronbach Alpha Instrumen KPLKC

<b>Konstruk</b>	<b>Dimensi Selidik</b>	<b><i>Cronbach Alpha</i></b>
Bahagian A (Item 1 – 4)	Kepuasan murid dalam penulisan	.679
Bahagian B (Item 5 – 9)	Kepuasan murid terhadap hasil pembelajaran	.660

Bahagian C (Item 10 – 12)	Kepuasan murid dalam PdP bilik darjah	.631
KPLKC	Bahagian A, B dan C (Item 1 hingga 12)	.845

Menurut Chua (2014), item yang berada dalam julat 0.65 hingga 0.79 boleh digunakan, manakala item yang berada dalam julat 0.80 hingga 0.95 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Lay dan Khoo (2013) menghujahkan bahawa item yang mempunyai nilai *Cronbach alpha* 0.61–1.00 adalah berkebolehpercayaan tinggi. Berdasarkan Jadual 8, semua bahagian dalam dimensi instrumen KPLKC berada dalam julat nilai alpha Cronbach  $0.61 \leq a \leq 1.0$ . Nilai *Cronbach alpha* 0.845 menunjukkan instrumen KPLKC mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Di samping itu, dapatan pekali kolerasi daripada *Corrected Item-Total Correlation*, dan *Cronbach alpha* jika item disingkir dipaparkan dalam Jadual 9.

Jadual 9

Nilai *Corrected Item-Total Correlation* dan Nilai *Cronbach alpha* Jika Item Disingkir

	<i>Corrected Item-Total Correlation</i>	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
A1	.534	.831
A2	.443	.838
A3	.604	.826
A4	.478	.836
B5	.578	.827
B6	.407	.840
<b>B7</b>	.324	<b>.851</b>
B8	.702	.818
B9	.535	.832
C10	.615	.824
C11	.560	.829
C12	.441	.838

Berdasarkan Jadual 9, semua pekali kolerasi berada dalam julat 0.324 – 0.702, iaitu daripada sederhana hingga sangat tinggi (Davies, 1971). Semua nilai *Cronbach alpha* jika item disingkir adalah kurang daripada 0.845, kecuali item B7 (0.851). Setelah berbincang dengan panel pakar, item B7 perlu dikekalkan kerana ia dapat memberi maklumat berguna tentang hasil pembelajaran literasi karakter Cina. Pada keseluruhan, semua item dalam instrumen ini menyumbangkan konsistensi kepada instrumen KPLKC, sama ada secara berasingan ataupun berkelompok dalam pengukuran konstruk yang relatif dan sama, iaitu kepuasan pembelajaran literasi karakter Cina.

## RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Hasil pemeriksaan terhadap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen Kepuasan Pembelajaran Literasi Karakter Cina (KPLKC) menunjukkan bahawa instrumen ini adalah sesuai diguna pakai oleh guru dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD merupakan proses yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. Dalam pentaksiran formatif, PBD bertujuan menambah baik pembelajaran murid melalui i) Pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), ii) Pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*).

Justeru itu, pentaksiran sebagai pembelajaran berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Salah satu bentuk pentaksiran sebagai pembelajaran ialah penilaian sendiri, di mana ia membolehkan murid memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran (BPK, 2019). Implikasi daripada penentusahan kesahan dan kebolehpercayaan KPLKC dapat menyakinkan para guru dalam penggunaan instrumen KPLKC. Lantaran itu, penggunaan instrumen yang sah dan boleh dipercayai dapat membantu guru mengesan masalah pembelajaran murid dengan berkesan, serta menyelesaikan masalah pembelajaran murid yang dikenal pasti pada peringkat awal dengan tindakan yang secepat mungkin.

## RUJUKAN

- Anderson, E., Fornell, C., & Lehmann, D. R. (1994). Customer satisfaction, market share, and profitability: Finding from Sweden. *Journal of Marketing*, 58(3), 53–66.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah* (2nd ed.). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. W. H. Freeman.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2*. Shah Alam: McGraw-Hill.
- Coakes, S. J., Steed, L., & Ong, C. (2009). *SPSS analysis without Anguish version 16.0 for Windows*. Australia: John Wiley and Sons.
- Davies, I. I. C. (1971). *The management of learning*. London: C. Gain Hill.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2018). Kesahan dan kebolehpercayaan. In *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed., pp. 122–126). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Grant, J., & Davis, L. (1997). Selection and use of content experts for instrument development. *Research in Nursing & Health*, 30(3), 269–274.
- Guolla, M. (1999). Assessing the teaching quality to student satisfaction relationship: Applied customer satisfaction research in the classroom. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 7(3), 87–97.
- Kaiser, H. F. (1974). An index of factorial simplicity. *Psychometrika*, 39(1), 31–36. <https://doi.org/10.1007/BF02291575>
- Kim, H.-B., Fisher, D. I., & Fraser, B. J. (2000). Classroom Environment and Teacher Interpersonal Behaviour in Secondary Science Classes in Korea. *Evaluation and Research Education*, 14, 3–22.
- Kline, T. (2005). *Psychological Testing: A practical approach to design & evaluation*. California: Sage Publication.
- Kurikulum Kebangsaan. (1997). Kurikulum Kebangsaan. In *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan (C), Kementerian Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lay, Y. F., & Khoo, C. H. (2013). Kesahan dan kebolehpercayaan kajian. In *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan* (2nd ed., pp. 260–266). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Linacre, J. M. (1994). Constructing measurement with many-facet Rasch model. In M. Wilson (Ed.), *Objective measurement: Theory into practice*. Norwood, NJ: Ablex.
- Lyman, H. B. (1986). *Test scores and what they mean* (4th ed.). New Jersey: Prentice Hall Englewood Cliffs.
- Mullen, P. M. (2003). Delphi: myths and reality. *Journal of Helt Organization and Management*, 17(1), 37–52.
- Mun, P., & Dreyer, E. (1990). Using questionnaires in small-scale research. A teachers' guide. In *Scottish Council for Research in Education* (1st ed.). Edinburgh.
- Pilot, D., Beck, C., & Owen, S. (2007). Is the CVI an acceptable indicator of content validity. *Research in Nursing & Health*, 30(67), 459.
- Syed, O. A., & Hasnan, H. (2001). *Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur. 董蓓菲 【Dong, B. F. (Ed.) (2017). *语文教育心理学 [Psikologi dalam pengajaran bahasa]* (1st ed., pp. 125–127). Beijing: Beijing University.
- 李秀玲 【Li, X. L. (2019). 春风化雨谈“写字”——浅析现代认知心理学与小学写字教学 [Analisis ringkas pengajaran dan pembelajaran menulis karakter Cina dari perspektif psikologi kognitif]. *语文课堂 [Language Classroom]*, 33–34.

Wong Shiat Lu, Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah  
& Soon Chiow Thai

王崇宝 【Wang, C. B. (2011, July). 试探心理学理论关照下的写字教学 [Psychological perspective in teaching and learning Chinese character]. *中小学心理健康教育 [Mental Health Education in Primary and Secondary School]*, 181, 14–16.

## **KESAN MODUL MULTIMEDIA INTERAKTIF MEMBUAT PAKAIAN (MIMP) TERHADAP PENCAPAIAN PEMAHAMAN KONSEP MEMBUAT PAKAIAN TINGKATAN EMPAT**

**BAITY BUJENG, PhD**

Jabatan Ilmu Pendidikan,  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam 98009 Miri, Sarawak  
baitybujeng@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) dibangunkan untuk kegunaan guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) topik membuat pakaian bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT) di sekolah menengah harian di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan modul MIMP ke atas pemahaman murid dari segi konsep membuat pakaian. Rekabentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Proses pengumpulan data pula menggunakan reka bentuk ujian pra dan post. Sampel kajian seramai 73 orang murid SRT tingkatan empat yang telah dipilih secara rawak kelompok dan dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Seramai 37 orang murid kumpulan rawatan diajar menggunakan modul MIMP manakala 36 orang murid kumpulan kawalan pula diajar secara konvensional. Data dianalisis menggunakan ujian SPANOVA. Dapatan menunjukkan bahawa modul MIMP memberi kesan yang signifikan terhadap pemahaman murid dengan nilai  $p < 0.05$ . Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa modul MIMP berkesan meningkatkan pemahaman murid dalam penguasaan konsep yang sukar dan abstrak dalam topik membuat pakaian. Sebagai kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan multimedia mampu memberi kesan yang lebih baik berbanding dengan kaedah konvensional.

Kata kunci: Modul Multimedia Interaktif, Membuat Pakaian, Pemahaman, Sains Rumah Tangga, PAK-21

### **ABSTRACT**

*The Multimedia Interactive Module of Making Clothes (MIMC) is developed for the teachers to learn and facilitate (LFC) the teaching of the Making Clothes topic in the Home Science (HS) subject in the Malaysian schools. The purpose of this study is to test the effects of using the MIMC on students' understanding of the basic concepts of making clothes. This is a quantitative study employing the quasi-experimental method of pre- and post-test. The study used cluster sampling to select 73 Form Four HS students who were then divided into the treatment and control groups. A total of 37 students of the treatment group were taught the topic of Making Clothes using the MIMC while 36 students of the control group were taught using the conventional method. The data were analyzed using the SPANOVA test. The findings show that the use of MIMC has a significant impact on the students' understanding with  $p < 0.05$ . The implications of this study are that the use of MIMC effectively increases the students' understanding as well as the mastery of the difficult and abstract making-clothes concepts. In conclusion, multimedia-based teaching and learning yield better outcomes than those of the conventional method.*

Keywords: Multimedia Interactive Module, Making Clothes, Home Science, Understanding, PAK-21

## **PENGENALAN**

Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) bukan sahaja melahirkan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran malah mereka juga berupaya untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan (Anis & Nur Aisyah, 2017; Reeve, 2016). Oleh yang demikian, PTV telah melalui fasa perubahan yang bermula dari Rancangan Malaysia ke-10 (2011 hingga 2015), sehingga ke Rancangan Malaysia ke-11 (2016 hingga 2020) supaya seiring dengan perkembangan globalisasi, ekonomi dan kemajuan teknologi. Sehubungan dengan itu, KPM berusaha untuk memperluaskan capaian kualiti PTV, terutamanya dalam bidang kurikulum supaya seiring dengan matlamat pendidikan abad ke-21 (Mohd Jalil, Noor Hisham dan Anas, 2015). Menurut Smaldino, Lowther & Russell (2012), pembelajaran abad ke-21 melibatkan pembelajaran yang menekankan tiga komponen utama iaitu strategi pengajaran, kepelbagaian konteks pembelajaran dan pengintegrasian teknologi, media dan bahan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran. KPM turut memberi penekanan terhadap elemen literasi teknologi, maklumat dan komunikasi (KPM, 2015). Pengaplikasian ICT dalam pengajaran telah terbukti menjadikan PdP lebih efektif dan berkualiti (Sarkar, 2012) serta matlamat dan keperluan pembelajaran dapat dicapai (Karaci, Akyuz, & Arici 2018). Menurut Ma & Pendergast (2010), Pendidikan Sains Rumah Tangga juga turut akur dengan perubahan pembelajaran abad ke-21.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran SRT pula lebih berbentuk amali berbanding teori iaitu 80 peratus kerja praktikal manakala 20 peratus adalah berbentuk teori (Anis & Nur Aisyah, 2017; Suriani, Arasinah & Norhayati, 2016). Tahap penguasaan murid dari segi teori dan kemahiran amali komponen pakaian dan jahitan masih berada pada tahap yang sederhana (Tee et al., 2016; Dalilah, Suriani & Nur Ainil, 2014). Kefahaman murid dalam topik membuat pakaian juga adalah rendah dan menganggap topik ini sangat sukar untuk dikuasai (Bujeng, Kamis, Mohamed & Puad, 2018). Menurut Castro, Andres & Prestoza (2018), pencapaian murid dapat ditingkatkan sekiranya murid kerap didedahkan dengan kaedah PdP yang menarik dan memberangsangkan. Hakikatnya teknik pengajaran guru agak membosankan kerana guru lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional (Castro et al., 2018; Cyril, 2016; Yap, 2016).

Tidak dinafikan bahawa, kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan ICT dan multimedia terbukti memberikan kesan yang positif dari segi pencapaian kefahaman dan kemahiran (Karaci et al., 2018; Hung, Kinshuk & Chen 2017; Linder, Eital, Strobel & Koller, 2016; Eital, 2015), ketekalan daya ingatan (Hung et al., 2017; Yap, 2016; Cyril, 2016, Yuskel dan Yuskel, 2015) seterusnya berupaya dalam meningkatkan motivasi murid (Yanika, Moon, Sharon, Alan & Sally, 2017; Yap, 2016). Lagipun murid lebih teruja sekiranya guru menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Bujeng et al., 2018; Yanika et al., 2017; Bernad & Anuar, 2016). Tujuan kajian adalah untuk menguji kesan penggunaan modul MIMP terhadap pencapaian murid dalam topik membuat pakaian tingkatan empat.

### **Persoalan kajian**

- a. Adakah terdapat kesan penggunaan modul pengajaran MIMP terhadap pencapaian pemahaman membuat pakaian?

### **Hipotesis**

H<sub>01</sub> Penggunaan modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) tidak memberi kesan terhadap pemahaman membuat pakaian.

## TINJAUAN LITERATUR

### **Pembelajaran berasaskan modul**

Modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang lengkap dan berkait rapat antara satu sama lain (Russell, 1974). Selain itu, modul juga merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan murid belajar dan menguasai sesuatu unit pembelajaran (Sidek & Jamaludin, 2005) dengan mudah, cepat dan tepat sama ada berbantuan fasilitator atau tidak berbantuan fasilitator (Jamaludin, 2016). Aktiviti modul merupakan satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran. Menurut Jamaludin (2016), pendekatan dan penggunaan aktiviti modul sering kali digunakan oleh pelbagai pihak bagi menghasilkan pelbagai bahan, alat, sumber dan panduan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Kajian-kajian lepas telah membuktikan pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul memberi kesan yang positif kepada murid dan juga guru itu sendiri. Kajian oleh Zuraini (2014), menunjukkan bahawa penggunaan modul pendekatan naratif telah berjaya meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan juga kemahiran mengarang dalam kalangan murid-murid rendah pencapaian. Manakala Noor Miza (2015) pula telah memperkenalkan Modul ProKom untuk membantu kanak-kanak prasekolah menguasai kemahiran berkomunikasi dan menarik minat mereka untuk belajar. Muhammad Asri dan rakan-rakan (2016) mendapati bahawa Modul Peta Minda Buzan telah mendatangkan dua kebaikan yang serentak ke atas murid iaitu penguasaan kemahiran berfikir dan pencapaian akademik meningkat. Di samping itu, dapatan kajian mereka turut mendapati terdapat hubungan positif sederhana antara tahap penguasaan modul dengan pencapaian gred yang baik dalam akademik. Melalui modul, murid lebih memahami tentang sesuatu mata pelajaran dengan lebih mendalam, pencapaian meningkat (Muhammad Asri et al., 2016; Wingo, Thomas, Thompson & Cook, 2015) manakala motivasi murid untuk belajar juga turut meningkat (Wingo et al., 2015). Selain itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul juga dapat memberi peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran dan meningkatkan pengetahuan praktikal dalam bidang-bidang tertentu (Reezlin, Mohamad & Mohd Salehuddin, 2016).

### **Pembelajaran berasaskan multimedia interaktif**

Multimedia merupakan penyebaran maklumat yang menggabungkan dua atau lebih elemen seperti teks, grafik, audio, video (Smaldino et al., 2012; Mohd Nor, Azlan, Mohamad & Norsaniah, 2012) animasi interaktiviti dengan integrasi dan alatan yang membenarkan pengguna untuk berkomunikasi, melakukan navigasi, mencipta dan berinteraksi (Khan, Bibi & Hasan, 2016; Lachs, 2010). Konsep interaktiviti merupakan kriteria yang harus ada dalam perisian multimedia yang dibina (Mohd Nor et al., 2012) dan dapat memberi motivasi kepada murid (Yanika et al., 2017). Berasaskan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (CTML) oleh Mayer (2014), mengatakan bahawa gabungan teks dan gambar adalah lebih baik berbanding jika hanya memaparkan teks atau gambar sahaja. Ingatan memori kekal lama jika seseorang disajikan dengan bahan yang dipaparkan dengan kombinasi gambar dan audio. Gabungan media penting supaya konsep yang rumit dan abstrak dapat disampaikan secara sekali gus dengan menggunakan beberapa media. Ini kerana setiap medium yang digunakan dapat memperkukuhkan dan membantu pemahaman dengan lebih berkesan (Lachs, 2010; Eital, 2015; Linder et al., 2016).

Kajian penggunaan multimedia di dalam bilik darjah seringkali dikatakan memberi impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Eital (2015), murid lebih memberi tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan multimedia

berbanding dengan pengajaran yang hanya berasaskan teks sahaja. Manakala Linder et al. (2016) pula mengatakan bahawa unsur gambar dalam multimedia berupaya meningkatkan prestasi murid. Ini menunjukkan bahawa tahap mengingat dan kefahaman murid berada pada tahap yang tinggi jika diajar berdasarkan gabungan gambar dan teks.

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan multimedia juga mampu memberi kesan yang positif terhadap pencapaian murid dalam sesuatu mata pelajaran. Menurut Schrum dan Levin (2015), arah tuju pencapaian dan pembelajaran murid bukan semata-mata ke atas standard dan penilaian, tetapi termasuk juga pengintegrasian teknologi dan juga “pedagogi baru”. Pengintegrasian ICT akan lebih efektif jika hasil pembelajaran yang hendak dicapai adalah berbentuk domain kognitif (Zurina & Maizam, 2015). Ini seiring dengan kajian Madar dan Hashim (2011), mendapati bahawa pencapaian dari segi kognitif murid kejuruteraan adalah lebih baik setelah mereka diajar dengan menggunakan koswer grafik beranimasi. Manakala kemahiran dan pencapaian murid juga turut meningkat setelah mereka diajar dengan menggunakan multimedia (Yuksel & Yuksel, 2015). Multimedia mampu meningkatkan pengetahuan, kefahaman, menarik minat dan murid juga mampu mengingat semula apa yang dipelajari (Mohd Zin et al., 2012). Selain itu, unsur video dalam multimedia juga mampu memberi kesan yang lebih baik dalam pengajaran guru. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh El-Sayed dan El-Sayed (2012) dan Cyril (2016). Mereka mendapati bahawa pengajaran berasaskan video dalam pengajaran menggunakan ICT adalah lebih berkesan.

### **Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP)**

Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) merupakan modul pengajaran dengan sokongan media dan teknologi berasaskan ICT sepenuhnya bagi tujuan kegunaan guru-guru Sains Rumah Tangga (SRT) untuk mengajar topik membuat pakaian. Topik Membuat Pakaian merupakan salah satu bidang pembelajaran kemahiran (amali) yang berasaskan pengetahuan(teori). Menurut Tee et al. (2016), pembelajaran teori adalah merupakan tahap pemahaman meliputi penerangan tentang konsep serta perbincangan di dalam bilik darjah. Manakala amali pula merupakan kemahiran teknikal murid berdasarkan teori yang telah dipelajari dan diaplikasikan dalam kelas amali mahupun kehidupan seharian. Bermakna, murid perlu menguasai dan memahami teori proses-proses jahitan terlebih dahulu sebelum mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut ke dalam bentuk kerja amali membuat pakaian. Kajian Bujeng et al. (2018) mendapati bahawa majoriti murid SRT memerlukan bantuan dari segi animasi, video, simulasi dan gambar rajah untuk memahami proses-proses menjahit pakaian yang dianggap sukar dan abstrak. Sehubungan itu, modul MIMP telah dibangunkan dengan memasukkan unsur-unsur bunyi, animasi, video, simulasi, gambar rajah dan teks (Baity, Arasinah, Mohd Azlan, Mohd Bekri & Sunaryo, 2019). Pengaplikasian tiga teori pembelajaran iaitu Behaviorisme, Kognitivisme dan Konstruktivisme Sosial turut dipertimbangkan dalam pembangunan modul MIMP. Modul MIMP mempunyai kesahan yang baik iaitu 82.5 peratus dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .92 (Baity et al., 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian adalah kuasi eksperimen yang bertujuan untuk menguji kesan modul MIMP terhadap pencapaian pemahaman konsep membuat pakaian. Menurut Holmes (2014) kajian kuasi eksperimen adalah mirip eksperimen tetapi bukan eksperimen sepenuhnya kerana ia memiliki sebahagian tetapi bukan semua ciri-ciri eksperimen. Reka bentuk kuasi eksperimen berbeza dengan reka bentuk eksperimen sebenar dari segi

kewujudan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pemilihan responden yang bukan secara rawak juga telah membezakan reka bentuk kuasi eksperimen dengan reka bentuk eksperimen sebenar (Creswell, 2014; Holmes, 2014).

### **Sampel kajian**

Seramai 73 orang murid SRT tingkatan empat dari zon selatan, Sarawak terpilih secara rawak kelompok telah terlibat dalam kajian ini. Kumpulan murid dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 37 orang kumpulan rawatan dan 36 orang kumpulan kawalan. Responden kajian terdiri dari 20 orang lelaki dan 53 orang perempuan. Responden lelaki terdiri daripada sembilan orang Melayu, seorang Cina dan 10 orang kaum Bumiputera Sarawak. Bagi responden perempuan pula, 16 orang Melayu, lima orang Cina dan 32 orang kaum Bumiputera Sarawak. Jumlah responden mengikut kaum ialah 25 orang Melayu, enam orang Cina dan 42 orang Bumiputera Sarawak. Pemilihan saiz sampel melebihi 30 orang bagi setiap kumpulan adalah memadai untuk memenuhi syarat minimum sampel untuk setiap kumpulan kaedah experimental (Fraenkel, 1996; Othman Talib, 2015).

### **Instrumen kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pencapaian topik membuat pakaian yang diberikan kepada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan sebelum dan selepas rawatan dilaksanakan. Ujian pencapaian topik membuat pakaian digunakan untuk menguji pemahaman murid tentang topik membuat pakaian. Dalam konteks kajian, ujian pencapaian topik membuat pakaian diberikan kepada murid dalam tempoh satu minggu sebelum rawatan dilaksanakan. Manakala selepas rawatan, sekali lagi ujian yang sama diberikan kepada murid selepas seminggu rawatan dijalankan

### **Analisis data**

Data dianalisis dan dilaporkan dalam bentuk statistik inferensi. Setelah mempertimbangkan hipotesis nol dan syarat-syarat analisis inferensi, maka penyelidik memilih analisis ujian *Split plot ANOVA* (SPANOVA) untuk menganalisis dan melaporkan data kajian. Menurut Chua (2014) ujian SPANOVA digunakan untuk mengenal pasti kesan sebelum dan selepas rawatan diberikan terhadap pembolehubah bersandar dengan membuat perbandingan antara kumpulan-kumpulan eksperimen.

## **DAPATAN KAJIAN**

Ho1: Penggunaan modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) tidak memberi kesan terhadap pemahaman konsep membuat pakaian.

Jadual 1 menunjukkan analisis ujian SPANOVA kesan ujian pra dan ujian pos pemahaman terhadap kumpulan kajian. Keputusan ujian *Sphericity Mauchly* yang signifikan menyebabkan penyesuaian nilai df kajian perlu dilakukan. Keputusan ujian selepas penyesuaian dengan menggunakan nilai *Huynh-Feldt* menunjukkan bahawa terdapat kesan utama pembolehubah bebas PraPos [ $F(1, 71) = 306.88, p < .05$ ]. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kesan interaksi PraPos\*Kumpulan [ $F(1, 71) = .002, p > .05$ ] yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa modul MIMP mempengaruhi ujian pra dan ujian pos pemahaman secara keseluruhan. Penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan bahawa modul MIMP memberi kesan utama terhadap pemahaman konsep membuat pakaian murid SRT tingkatan empat.

Jadual 1

Analisis ujian SPANOVA kesan ujian pra dan ujian pos pemahaman terhadap kumpulan kajian

	Source	Type III Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
PraPos	Huynh-Feldt	15039.46	1	15039.46	306.88	.00
PraPos *	Huynh-Feldt	.09	1	.09	.002	.97
Kumpulan						
Error(PraPos)	HuynhFeldt	3479.59	71	49.01		


Jadual 2

Analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan ujian pos pemahaman konsep membuat pakaian

(I) Pra_Pos	(J) Pra_Pos	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig. <sup>b</sup>
Ujian Pra	Ujian Pos	-20.30*	1.16	.000
Ujian Pos	Ujian Pra	20.30*	1.16	.000

Jadual 2 menunjukkan analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan pos pemahaman konsep membuat pakaian. Keputusan perbandingan pasangan menunjukkan bahawa selepas mengawal ralat jenis 1 dengan menggunakan kaedah Bonferroni, skor min bagi ujian pos pemahaman konsep membuat pakaian mengatasi skor ujian pra secara signifikan (perbezaan nilai min skor ujian pos-ujian pra = 20.30,  $p < .05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat peningkatan nilai min skor dari ujian pra ke ujian pos pemahaman konsep membuat pakaian.

Bentuk graf *Profile Pilots* dalam Rajah 1 jelas menunjukkan bahawa wujud kesan interaksi skor ujian pemahaman antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, di mana nilai skor min ujian pemahaman konsep bagi kumpulan rawatan (diajar menggunakan modul MIMP) meningkat secara linear dari ujian pra ke ujian pos. Manakala nilai min skor ujian pemahaman bagi kumpulan kawalan (kaedah konvensional) juga turut meningkat secara linear dari ujian pra ke ujian pos. Bentuk graf ini mengesahkan bahawa kaedah pengajaran menggunakan modul MIMP berkesan dalam meningkatkan pemahaman konsep dalam topik membuat pakaian.



Rajah 1. Ujian Pemahaman Pra dan Pos antara kumpulan kajian

## PERBINCANGAN

- a. Adakah terdapat kesan penggunaan modul pengajaran MIMP terhadap pencapaian pemahaman membuat pakaian?

Dapatan analisis ujian SPANOVA menunjukkan bahawa modul MIMP berkesan secara signifikan terhadap pencapaian pemahaman konsep membuat pakaian murid SRT tingkatan empat. Analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan pos juga telah menunjukkan bahawa skor min bagi ujian pos pemahaman mengatasi skor min ujian pra dengan perbezaan nilai min = 20.3,  $p < .05$ .

Dapatan kajian ini adalah seiring dengan dapatan kajian-kajian lepas mengenai keberkesanan modul dan multimedia. Antaranya ialah kajian Wingo et al. (2015) dan Muhamad Asri (2016). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pengajaran yang berasaskan modul telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam bidang yang dikaji. Selain itu, dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Karaci et al. (2018), Hung et al. (2017), Linder et al. (2016), Zurina dan Maizam (2015), Eital (2015) dan Mohd Zin et al. (2012) bahawa pengaplikasian multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran telah berjaya meningkatkan pencapaian pemahaman murid dalam bidang kajian masing-masing.

## KESIMPULAN

Pembangunan modul MIMP yang berasaskan teknologi dan media telah menjadikan modul ini memenuhi syarat salah satu komponen utama dalam pembelajaran abad ke-21 yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul MIMP terbukti adalah kaedah terbaik berbanding kaedah konvensional yang boleh diaplikasikan dalam topik membuat pakaian. Ini jelas membuktikan bahawa kaedah alternatif ini berkesan bagi meningkatkan keupayaan kognitif murid khususnya bagi meningkatkan pemahaman mereka terhadap konsep yang sukar dan abstrak dalam topik membuat pakaian. Justeru itu, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan diperluaskan kepada skop yang lebih besar iaitu dengan melibatkan semua negeri di seluruh Malaysia. Dapatan kajian boleh dibuat secara perbandingan mengikut zon untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh berhubung dengan isu ini.

## RUJUKAN

- Anis Zakaria & Nur Aisyah. (2017). Transformasi PTV: Kesediaan guru vokasional dalam pelaksanaan pengajaran Kursus Seni Kulinari. *Journal FamilyEdu*, 111(2), 65-72.
- Baity Bujeng, Arasinah Kamis, Mohd Azlan Mohammad Hussain, Mohd Bekri Rahim & Sunaryo Soenarto (2019). Validity and Reliability of Multimedia Interactive Making Clothes (MIMP) Module for Home Science Subjects. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(8S), 593-596.
- Bernad Pusso & Anuar Ahmad. (2016). ICT skill among Iban students in Sarawak. International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD2016). "Cross-Culture Education for Sustainable Regional Development".
- Bujeng, B., Kamis, A., Mohamed, S., & Puad, F. N. A. (2018). Developing an Interactive Multimedia Module for the Topic of Making Clothes: A Requirements Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 1688-1700.
- Castro, M. R. D., Andres, P. D. & Prestoza, M. J. R. (2018). The Teaching Techniques and Strategies Use by the Dressmaking Teachers Perceive by the Dressmaking Students. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, 8, 48-56. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/IJAE/article/view/1988>
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 4. Ujian Univariat dan Multivariat* (Edisi ke-2). Selangor: Mc Graw Hill Education.

- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson.
- Cyril, M. U. (2016). Effects of Multimedia Instruction on Retention and Achievement of Machining Skills in Mechanical Craft Practice. *International Journal of Education and Information Technology*, 2(1), 1-7.
- Dalilah Mohd. Rubi, Suriani Mohamed & Nur Ainil Sulaiman. (2014). Analisis pengetahuan isi kandungan komponen pakaian dan jahitan guru pelatih UPSI dalam bidang Teknik dan Vokasional. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*, 143 -156. UTM
- Eital, A. (2015). How repeated studying and testing affects multimedia learning: Evidence for adaptation to task demands. *Learning and Instruction* 41, 70-80.
- Fraenkel, J. R & Wallen, N. E. (1996). *How to Design and Evaluate Research in Education*. 3<sup>rd</sup> Ed. New York: Mc Graw-Hill.
- Holmes, W. M. (2014). *Using Propensity Scores in Quasi-Experimental Designs*. USA: SAGE Publications.
- Hung, I.-C., Kinshuk & Chen, N.-S. (2017). Embodied interactive video lectures for improving learning comprehensive and retention. *Computers & Education*. doi:10.1016/j.compedu.2017.10.005
- Jamaludin Ahmad. (2016). *Modul Motivasi Diri*. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karaci, A., Akyuz, G. B. & Arici, N. (2018). Effects of Web-based Intelligent Tutoring Systems on Academic Achievement and Retention. *International Journal of Computer Applications*, 181(16).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sains Rumah Tangga Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Khan, M. S. H., Bibi, S. & Hasan, M. (2016). Australian Technical Teachers' Experience of Technology Integration in Teaching. Retrieved 9 October 2016, from <https://us.sagepub.com/en-us/nam/open-access-at-sage>
- Lachs, V. (2010). *Making Multimedia in the classroom*. United Kingdom: Taylor & Francis Books Ltd.
- Leow, F. T., & Neo, M. (2014). Interactive multimedia learning: Innovating classroom education in a Malaysian university. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 13(2), 99–110.
- Linder, M. A., Eital, A., Strobel, B & Koller, O. (2016). Identifying processes underlying the multimedia effect in testing: An eye-movement analysis. *Learning and Instruction*, 47(2017), 91-102.
- Ma, A. & Pendergast, D. (2010). Innovative Pedagogies for Family and Consumer Science/Home Economic Education—Utilizing Computer-Based Collaborative Learning to Foster Lifelong learning Attributes. *Family & Consumer Sciences Research Journal*, 38(3), 273 – 288. doi:10.1111/j.1552-3934.2009.00018.x
- Madar, A. R. & Hashim, M. N. (2011). Effectiveness of using graphic animation courseware for students with different cognitive styles and spatial visual abilities. *Journal of Technical Education and Training (JTET)*, 3(1), 47-58.
- Mayer, J. (2014). *The Cambridge handbook of multimedia learning* (2<sup>nd</sup> edition). Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Azlan Abdul Aziz, Mohamad Ibrahim & Norsaniah Md Noh. (2012). Instructional Design and Learning Theory on the Development of C++ Programming Multimedia Content. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 67, 335-344. doi:10.1016/j.sbspro.2012.11.336
- Mohd. Jalil Ahmad, Noor Hisham Jalani & Annas Akhmal Hasmori. (2015). *TVET di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam, 2015.
- Muhammad Asri Madmor, Tee, T. K., Mohamed Nor Azhari Azman, Ridwan Che Rus, Zaliza Hanafi, Jailani Md Yunus et al. (2016). Modul Peta Buzan dan Pencapaian pelajar Pendidikan Asas Vokasional di Malaysia: Satu Kajian Keberkesanan. *Geografica Online, Malaysia Journal of Society and Space* 12(3), 139-144.
- Mohd Zin, M. Z., Mohd Syahiran Abdul Latif, Azri Bhari, Rohaya Sulaiman, Azhar Abdul Rahman, Ahmad Faisal Mahdi, et al. (2012). Education quality enhancement via multimedia technology. *Asian Social Science*, 8(10), 103-107.
- Noor Miza, A. R. (2015). *Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika*. (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan & Statistik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Reezlin Abdul Rahman, Mohamad Amer Hasbullah & Mohd Salehuddin Mohd Zahari. (2016). Modular System and Students' Psychomotor Performance. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)*, 8(1), 17-34.
- Reeve, E. M. (2016). 21st century skills needed by students in technical and vocational education and training (TVET). *Asian International Journal of Social Sciences*, 16(4), 65-82. Retrieved from <http://aijss.org/index.php/aijss20160404/>

- Russell, D. J. (1974). *Modular Instruction. A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. USA: Burgess Publishing Company.
- Sarkar, S. (2012). The Role of Information and Communication Technology (ICT) in Higher Education for the 21<sup>st</sup> Century. *The Science Probe*, 1(1), 30-41.
- Schrump, L. & Levin, B. B. (2015). *Leading 21<sup>st</sup> Century Schools: Harnessing Technology for engagement and achievement*. USA: SAGE Publications Ltd.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smaldino, S. E, Lowther, D. L. & Russell, J. D. (2012). *Instructional Technology and Media for Learning*. (10<sup>th</sup> Edition). Boston, MA: Pearson Education.
- Suriani Mohamed, Arasinah Kamis & Norhayati Ali. (2016). Gauging the assessment literacy of Malaysia's Home Economics teachers: An empirical study. *Geografica Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (3). 130 – 138.
- Tee, Z. K., Alvy W. F, Mariam Abu, Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed, Yee, M. H., et al. (2016). Tahap penguasaan teori dan amali dalam kalangan pelajar ekonomi rumah tangga: Kajian persepsi di Universiti awam Malaysia. *Geografica Online, Malaysia Journal of society and space* 12(3), 79-87.
- Wingo, M. T., Thomas, K. G., Thompson, W.G. & Cook, D. A. (2015). Enhancing motivation with the “virtual” supervisory role: a randomized trial. *BMC Medical Education*, 15:76 doi10.1186/s12909-015-0348-8
- Yanika, K., Moon, F.C., Sharon, S. L. T., Alan, S. K. S. & Sally, W. C. C. (2017). Development of an e-learning Research Module Using Multimedia Instruction Approach. *CIN: Computers, Informatics, Nursing*, 35 (3), 158-166.
- Yap, W. L. (2016). Transforming Conventional Teaching Classroom to Learner-Centred Teaching using Multimedia-mediated learning Module. *International Journal of Information and education Technology*, 6(2), 105-112 doi: 10.7763/IJiet.2016.v6.667
- Yuksel, H. & Yuksel, A. (2015). The effect of the computer assisted instruction on the academic achievement and retention of technical programme students' in vocational foreign language. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 174(2015), 2513-2518. doi:10.1016/j.sbspro.2015.01.924
- Zurina Yasak & Maizam Alias. (2015). ICT integrations in TVET: Is it up to expectations?. *Procedia-Social Behavioral Sciences*, 204(2015), 88-87.

## **PROBLEMS IN LEARNING MATHEMATICS? FRET NOT! EZMATH@IPGKS3.0 TO THE RESCUE: AN INNOVATION TO HELP YEAR 2 PUPILS IN MALAYSIA**

**NORSARIHAN AHMAD, PhD<sup>1</sup>, HU LAEY NEE, PhD<sup>2</sup>**

Institute of Teacher Education Sarawak Campus,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>norsarihan\_ahmad@yahoo.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### **ABSTRACT**

The implementation of 21<sup>st</sup> Century Learning in all school subjects has indirectly helped students in the aspects of communication, collaboration, critical thinking, creativity, skills and values in their learning. However, the understanding of Mathematical concept and skills are questionable due to the fact that the use of text book limits students understanding. Thus, to ensure effective and better understanding of teaching and learning using Mathematics text book, multimedia application approach is used. EzMath@IPGKS3.0 has integrated several multimedia software and applications to help teachers, students and parents in the teaching and learning of Mathematics Year 2. This intervention case study explores the innovation in the form of EzMath@IPGKS3.0 developed by Institute of Teacher Education Sarawak campus team. The instruments used in this study are interviews, observations, questionnaires, and EzMath@IPGKS3.0 in the classroom. The objective of this study is to explore the ability of EzMath@IPGKS3.0 in supporting teaching and learning of Mathematics in Year 2 Primary schools. Results of this study found that teachers using EzMath@IPGKS3.0 were able to help their pupils in Mathematics skills such as calculation, understanding and mastering Mathematical concepts. In addition, teachers were able to use EzMath@IPGKS3.0 as a platform of teaching Mathematics in the classroom. Thus, the usage of EzMath@IPGKS3.0 has changed the traditional classroom style to a more realistic learning style. EzMath@IPGKS3.0 supports the changes of learning because it could be used anytime and anywhere. This innovation transforms teaching and learning concept and further supports parents in helping their children. Now, WE can be Superhero.

Keywords: Problems, Mathematics, EzMath@IPGKS3.0, Innovation, Year 2

### **ABSTRAK**

*Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 bagi semua mata pelajaran di sekolah secara tidak langsung telah membantu pembelajaran murid-murid dalam aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, kemahiran dan nilai. Walau bagaimanapun, penggunaan buku teks secara tidak langsung menghadkan pemahaman murid dalam konsep dan kemahiran Matematik. Oleh itu, pendekatan aplikasi multimedia digunakan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan penggunaan buku teks Matematik yang lebih baik. EzMath@IPGKS3.0 telah mengintegrasikan beberapa perisian dan aplikasi multimedia untuk membantu guru, murid dan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tahun 2. Kajian kes intervensi ini meneroka inovasi EzMath@IPGKS3.0 yang dibangunkan oleh pasukan Institut Guru Pendidikan Kampus Sarawak. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk temu bual, pemerhatian, soal selidik, dan inovasi EzMath@IPGKS3.0 di dalam kelas. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kemampuan inovasi EzMath@IPGKS3.0 dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran Matematik Tahun 2 di sekolah rendah. Hasil kajian ini mendapati bahawa guru yang menggunakan EzMath@IPGKS3.0 dapat membantu murid-murid dalam kemahiran Matematik seperti pengiraan, pemahaman dan penguasaan konsep Matematik. Di samping itu, guru dapat menggunakan EzMath@IPGKS3.0 sebagai platform pengajaran Matematik di bilik darjah. Oleh itu, penggunaan EzMath@IPGKS3.0 telah mengubah gaya bilik darjah yang tradisional kepada gaya pembelajaran yang lebih*

*realistik. EzMath@IPGKS3.0 menyokong perubahan pembelajaran kerana ia dapat digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Inovasi ini mengubah konsep pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menyokong ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka. Sekarang, KAMI boleh menjadi Superhero.*

*Kata kunci : Masalah, Matematik, EzMath@IPGKS3.0, inovasi, Tahun 2*

## **INTRODUCTION**

The implementation of 21st century learning in the teaching and learning in all schools under the Ministry of Education, Malaysia has indirectly promotes major impacts and exploration in teaching and learning. Schools have move towards quality teaching and learning by implementing 21st century approaches namely communication, collaboration, critical tinking, creativity, moral values and ethics. However, in reality, there are many complaints and dissatisfaction towards the teaching and learning especially in Mathematics. These complaints and dissatisfaction claiming that Mathematics is too difficult and boring due to difficult and abstract because it involves too many calculation procedures. Thus, to make teaching and learning more effective and interesting, the aspect of pupils' skills and interest in Mathematics should be improved. Within this context, the multimedia approach is used to assist in the teaching and learning of Mathematics.

The transformation of teaching and learning from conventional to the current approach by combining skills, multimedia and technology helps in transforming teaching and learning towards 21st century learning (Ahmad Malie, 2018). The current development of Information Technology (IT) in all sectors especially in Education has brought a *Tsunami* of changes in the current education system. Thus, the creation of innovation which integrates IT, digital multimedia and Augmented Reality (AR) in teaching and learning Mathematics especially in Primary schools could bring benefits in culturalizing digital innovation through Education initiatives.

## **STATEMENT OF PROBLEM**

The Text Book Division, Ministry of Education has effectively prepared quality and informative texts books for all subjects in Primary and Secondary schools. The content of the text books are updated occasionally to meet the demand and improve quality in education. In addition, Mathematics text book has been improved in terms of quality so that pupils are able to master Mathematical concepts and skills. However, level 1 pupils' learning standard and mastery are different because there are pupils who have difficulties in understanding the content due to abstract and static learning content (Mohamad Nurizwan Jumiran, 2014)

The use of uninteractive text book reduces learning interest and ability in understanding Mathematical skills. Primary school pupils are only able to understand the concept but unable to comprehend abstract texts in the text book (Fatimah Salleh, 2009; Nurr Azreen Abdul Karim & Mohamad Zailani Jaya, 2013; Hartini Ismail & Siti Mistima Maat, 2016). Even though there are many existing approaches and strategies used in teaching Mathematics in the classroom, the lack of learning support materials still occurs. Furthermore, some teaching materials need high cost, difficult to produce and takes a lot of time to be completed (Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011)

Therefore, EzMath@IPGKS team has successfully developed an innovation in teaching Mathematics for Year 1 pupils. This innovation helps improve pupils mastery of Mathematical skills and concept by making the content of the text book 'alive'. This

innovation applies an *Multisensory* and *Augmented Reality* technique which allows pupils to use their sensory. At the same time, making learning as fun and meaningful. Teachers, pupils and parents can fully utilise this innovation to teach or learn anywhere and anytime because this innovation was created to make teaching and learning of Mathematics easy, interesting and meaningful.

This innovation is in tandem with the Government's policy in 21st century learning and thinking through mastery of IT and digital information. This innovation supports many stakeholders in helping level 1 pupils who have difficulties in learning Mathematics. EzMath@IPGKS3.0 focuses on Year 2 Mathematics content because at this moment the market for Year 2 references are limited to static media and lack virtual support. The main catch of this innovation is that it is developed free for all users.

## OBJECTIVES

Research objectives for this study is to explore the:

- a. diversity of teaching strategy used by teachers in using EzMath@IPGKS3.0
- b. mastery of Mathematics skills among pupils in using EzMath@IPGKS3.0

Research questions are as the following:

- a. How does the use of EzMath@IPGKS3.0 diversify the teaching strategies?
- b. Does EzMath@IPGKS3.0 helps pupils in the mastery of Mathematics?

## LITERATURE REVIEW

Every pupil has their own differences in potential and self-development. Individual self-development is based on the maturity level and the experiences that they have encountered (Zainudin Abu Bakar, 2014). Thus, pupils learning should be seen as dynamic and student-centred. Even though there is "*No Child Left Behind*" and "*Education for all*" concept has been highlighted, yet not all teaching and learning of Mathematics could fulfill all the mentioned concept. Several teachers faced challenging tasks in identifying different level of pupils learning in the classroom. In addition, pupils also have difficulties in understanding some dynamic learning content through the use of static media (Mohamad Nurizwan Jumiran, 2014)

Pupils' difficulties in learning Mathematics can be attributed to their difficulties in understanding ideas and concepts of Mathematics in the abstract forms (Harizon Suffian, 2014). Pupils who learn independently also face the same challenging situations of understanding and mastering the concept. Therefore, teachers need to be productive and dynamic in preparing realistic teaching process and at the same time promote user-friendly learning content. However, certain Mathematical concepts is difficult to be taught due to its' limitations of finding suitable audio visual aids (AVA). Pupils could be equipped with suitable platform in assisting them in preparing interesting and effective teaching materials.

Traditional teaching strategy which is based on text books as source of learning and references is still being the norm among teachers (Norsyaidah Seliaman, 2017). Thus, the use of text book among pupils in the classroom has made learning to be passive and eventually pupils lost interest in Mathematics. It is undeniable that text book is a great source of information for pupils but the effectiveness of text book also depend on teacher's creativity in exploring and utilizing it. In addition, Year 2 Mathematics syllabus also highlight the use of 21st century approach in teaching and learning. Therefore, latest technology usage in teaching and learning should be applied to the teaching and learning of Mathematics. Quizzes such as Kahoot and Quizizz could be integrated in the teaching and

learning of Year 2 Mathematics as one of the ways to evaluate pupils' performance in Classroom Based Evaluation or known as *Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)*. Other technology such as *Augmented Reality* is popular in the Western country but in Malaysia, it is still left behind.

The use of *Augmented Reality (AR)* via *Arzoom* and *Quiver* application encouraged teachers to be more IT savvy where teachers can use variety of resources and information in the classroom. The use of technology in teaching and learning process could create a 'lively' teaching and learning session to attract pupils' interest. This is in tandem with the objective of School Transformation 2025 or popularly known as *Transformasi Sekolah 2025 (TS25)*. In addition, the use of technology in teaching and learning could promote fun and conducive atmosphere of learning because pupils are able to explore learning content based on their learning capacity (Zamri Mohamad & Nur Aisyah Mohamad Noor, 2011).

EzMath@IPGKS3.0 is an innovation which consists of interesting multimedia application to help develop understanding on the concept and skills in the subject of Mathematics Year 2. Pupils could explore, understand and master the concept in Mathematics using multimedia. The use of videos, pictures and smartphones could help learners learn effectively (Ngu Hang Ling, 2017; Sivakumar, 2014; Ferreira, Moreira, Pereira & Durão, 2015). EzMath@IPGKS3.0 can be used in the classroom as a tool in the teaching and learning process to make learning content 'alive'. The current text book consists of volumes 1 and volumes 2. All pages of the text book in volumes 1 and 2 can be scanned. The use of EzMath@IPGKS3.0 could help pupils' understanding and also help parents in finding interesting way of helping their children in learning Mathematics.

EzMath@IPGKS3.0 consists of introduction, content and exercises in Mathematics text book volumes 1 and 2. Volumes 1 consists of 127 pages and volumes 2 consists of 100 pages. This innovation can help in the implementation of teaching and learning. EzMath@IPGKS3.0 could make all the content in the text book alive and it make it easier of users to use text book and technology effectively. Thus, meaningful learning could occur when all information or new materials have significant relation in individual cognitive structure (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2017).

EzMath@IPGKS3.0 could give clear descriptions to pupils through audio visual stimulus. Noriati A. Rashid *et al.* (2017) stated that variety of stimulus could help enhance and help the masteru of learning content. The content could be repeated and it could help learners to repeat the process of learning. EzMath@IPGKS3.0 also involve teaching and learning through fun learning approach. Fun learning approach gives positive impact towards teaching and learning (Jelia Kanang & Mohamad Zailani Jaya, 2016; Nurrulazizi Ahmad & Mohamed Madani Bakar, 2015). The content of Year 2 Mathematics text book can be made 'alive' through videos, audios and pictures to increase interest and skills of pupils. Pupils could further explore the content independently and learn at their own pace anywhere and anytime.

EzMath@IPGKS3.0 also provides worksheets as additional exercises for pupils. They can use the application in EzMath@IPGKS3.0 to check their answers and also steps on how to answer the exercises given. Pupils could also interact with their group members and cooperate to solve problems in the activities. Teachers could also use EzMath@IPGKS3.0 as a source of 21st century teaching and learning process. Pupils could use this innovation to help them understand and master the concept and skills in Mathematics Year 2 independently while parents could facilitate their childre's learning at home.

## METHODOLOGY

This study investigates and explores the diversity of teaching strategies and mastery skills of teachers and pupils in using EzMath@IPGKS3.0 in Year 2 Malaysia Primary School. A qualitative approach was employed to gain in-depth and holistic understanding of learners' experiences and perspectives through information gathered from interviews and observations of the participants. An intervention case study is utilized to explore the use of EzMath@IPGKS3.0 in the school. In total of 4 interventions was carried out in this study.

### Respondents

Respondents are selected based on purposive sampling. Respondents of this study consists of Year 2 Mathematics teacher and Year 2 pupils in Primary school (*Sekolah Kebangsaan*).

### Instruments

In a case study, researcher is an important tool and responsible in making decision throughout the research journey (Noor Aini, 2014). Thus, researcher prepared 4 intervention teaching lesson plans for the research. The intervention scripts are used as a guide for smooth process to gain good internal validity. Each script has 5 components which include set induction; explanation and model; exercise guide book; and free exercises.

Apart from that, the researcher also developed content in the forms of videos, Powerpoint and pictures which are integrated in *Arzoom* application called EzMath@IPGKS3.0. All the exercises in the text book are based on the original content without being changed by the researcher. The application for the use of content in the text book has been made to Text Book Division, Ministry of Education.

## FINDINGS

Findings from observations and interviews that were carried out showed that teachers had made improvement in teaching using EzMath@IPGKS3.0. Before the intervention was carried out in the classroom, teacher uses text book and extra worksheets from work book. However, after the intervention of EzMath@IPGKS3.0, improvements have been made to teaching and learning by adding student-centred approach to achieve teaching objective. From the observation, the use of EzMath@IPGKS3.0 in the classroom had improved the fun element in learning among the pupils while teacher facilitate pupils' learning.

*Sebelum ini, saya cuba gunakan unsur-unsur seperti realia, latih tubi dan sebagainya. Tetapi, mereka hanya minat sekejap sahaja. Selepas tu, mereka akan mula ganggu rakan mereka. (GM.T1.B2-3).*

*Saya pernah juga gunakan video dan lagu. Tapi, bila video dengan lagu dah habis, mula la budak-budak tak nak belajar (senyum). (GM.T1.B22).*

Teacher was observed using the intervention EzMath@IPGKS3.0 when pupils have problems in understanding and remembering what they have learnt. Pupils constantly asked questions regarding the content they have read in the text book. Therefore, teacher

used smartphone and scan the content in the text book. The content of the text book can be viewed by pupils and they can re-learn what they have learnt.

*Sebelum ni, saya terpaksa ulang balik apa yang saya dah ajar. Tapi...sekarang...senang je...Scan je, dah boleh dapat penerangan. (GM.T1.B5).*

Apart from teaching, teacher also agreed that pupils attitude and interest gradually improving towards learning of Mathematics. Weak pupils in Mathematics showed positive interest in learning Mathematics where the pupils were excited in completing the activities given to them. In addition, classroom control becomes easy because the pupils were excited and focussed in learning Mathematics using EzMath@IPGKS3.0.

*Saya selalu marah tiap kali dalam kelas sebab bila mereka dah mula boring, mereka akan mula buat hal. Kacau kawan la. Ambik pensil kawan la. Macam-macam la...Bila saya beri saja aktiviti dalam phone tu (EzMath@IPGKS), mereka cepat-cepat duduk. Semua dah sedia nak belajar. (GM.T1. B45-47).*

Pupils' mastery is tested using the intervention EzMath@IPGKS3.0 to look at positive impact on pupils mastery learning. Worksheets were distributed to pupils to see the impact of their Mathematics mastery learning. Total of 4 worksheets were distributed to the pupils to identify their Mathematics mastery learning. Worksheets were distributed to 28 pupils during EzMath@IPGKS3.0 intervention in the classroom. In worksheet 1, there are 3 questions on fractions and decimals, worksheet 2 consists of 4 questions about fractions, worksheets 3 consists of 5 questions about addition and subtraction and worksheet 4 consists of 4 questions about multiplication of money. Pupils were also distributed Pre-Test which consists of 5 questions and Post-Test which also consists of 5 questions during the intervention.

Early findings found that the use of EzMath@IPGKS3.0 as teacher intervention had helped pupils in the mastery of Mathematics. The analysis of pupils mastery are stated in Table 1 and Figure 1.

Table 1  
Percentage Analysis for pupils who master the skills

Mastery Level	Correct answers	Early Test (%)	End Test (%)	Differences (%) (Early Test and End Test)
Not Mastered	0	32.00	0.00	- 32.00
	1	4.00	0.00	- 4.00
	2	44.00	0.00	- 44.00
	3	20.00	16.67	- 3.33
Mastery	4	0.00	37.50	+ 37.50
	5	0.00	45.83	+45.83

In the Early test, 100% of pupils did not master the content taught. However, after several session of EzMath@IPGKS3.0, End Test showed positive findings of 83.33% pupils who had mastered the content taught to them.




Figure 1. Percentage Analysis for pupils

## DISCUSSION

Teaching and learning should be a fun and meaningful session. It is undeniable that the use of text book in teaching provides knowledge due to quality content supervision. However, the use of static text book posed challenges to teachers and pupils to explore realistic teaching and learning. Findings in this study found that the use of *Augmented Reality* in EzMath@IPGKS3.0 intervention had a positive impact for both teachers and pupils due to changes in teacher teaching strategy. This changes gives advantages to pupils as it allows them to be more interactive and at the same time train them to be more interpersonal. This finding supports the finding by Hazri (1998) that the presence of positive relationship in pupils' interest in certain subject has helped in their student-centred activities. The current situation in the learning of Mathematics showed that teaching of Mathematics is still practiced in the same conventional method using text book. The teacher-centred method and one way teaching reduces interaction between teacher and learner (Fauzi, 2012). However, the finding of this study showed differently because the teaching and learning becomes more interesting and more teacher-learner friendly.

The finding of this study also found that the use of multimedia which consists of videos and pictures had helped teachers in the teaching and learning process. Teacher found new teaching ideas and it helped teacher to plan interesting and informative lesson. The finding also showed that multimedia integration which consists of videos and smartphones help pupils learn effectively and help teacher in improving classroom control. This finding supports finding from Ngu Hang Ling (2017); Sivakumar (2014) and Ferreira, Moreira, Pereira & Durão (2015) who supported that the use of multimedia in teaching gives positive impact towards learning. Eventhough the use of multimedia in teaching is viewed as passive but the use of multimedia promotes high cognitive for active learning (Mayer, 2001). Therefore, good multimedia design delivers positive message and promotes active cognitive process to students (Cruse, 2011). The use of videos in the innovation of EzMath@IPGKS3.0 supports the content and context of the text book in learning. Thus these two elements are important to ensure active learner participation (Stanovitch & Cunningham, 2004).

Based on the findings, teachers' attitude and motivation had influenced teaching. This, directly affected pupils in the classroom where they also actively participated in the lesson. There was an existence of 'harmony' in the classroom where teacher and pupils worked together to achieve learning objectives through the use of EzMath@IPGKS3.0. Teacher showed great interest in teaching while pupils were observed to be engaged with

the activities in EzMath@IPGKS3.0. At the same time, teacher can integrate teaching and learning with 21st century elements which made it meaningful. This finding concurred the finding from Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying and Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2017) which stated that meaningful learning occurs when new information or new materials related to the current information.

## SUMMARY

This study explore the intervention of EzMath@IPGKS3.0 in assisting teaching and learning or Mathematics. At the same time, this study also looks at the feedback and mastery of pupils in learning Mathematics. Based on the analysis and research findings, the researchers concludes that intervention of EzMath@IPGKS3.0 had given positive impact to teachers and pupils in assisting teaching and learning. EzMath@IPGKS3.0 had given meaningful and fun teaching strategy for both teachers and pupils. In addition, parents should be exposed to this innovation so that they are able to be the ‘players’ in helping their children to learn and love learning Mathematics. Apart from promoting this innovation to all schools in Malaysia, future research could open more rooms of opportunities and improvements for researchers so that this study could be further expanded and improved by using bigger respondents throughout Malaysia.

Initial findings showed that content of the text book should be made lively and interesting so that it would help pupils to understand and help with mastery of Mathematical skills. It is hope that the advancement of technology and new wave of education could transform EzMath@IPGKS3.0 as one of the 21st century teaching and learning platform. With the advancement of technology especially mobile phones, EzMath@IPGKS3.0 is able to help Level 1 pupils learn and master Mathematics so that they can build solid basics before moving to Level 2. It is hope that EzMath@IPGKS3.0 could collaborate with the Text Book Division, Ministry of Education, Malaysia to make this innovation as one of the teaching and learning materials for teachers, pupils and parents. This initiative could help promote positive improvement of teaching and learning standard in Mathematics. Eventually, more teachers, pupils and parents could benefit from this innovation. Now, we can also be Superheroes!

## REFERENCES

- Ahmad Malie. (2018, Julai 9). Terap kemahiran, teknologi informasi dalam pengajaran. *Utusan Borneo*. Diperoleh dari <https://www.utusanborneo.com.my/2018/07/09/terap-kemahiran-teknologi-informasi-dalam-pengajaran>
- Cruse, E. (2011). *Using educational video in the classroom: Theory, research and practice*. Retrieved from <http://www.safarimontage.com/pdfs/training/UsingEducationalVideoInTheClassroom.Pdf>
- Fatimah Salleh. (2009). *Strategi bagi membantu murid sekolah rendah menguasai Matematik*. Diperoleh dari <http://education.usm.my/images/docs/DigesPendidik/DP2009-2/7.pdf>
- Fauzi, M. W. (2012). *Upaya peningkatan hasil belajar IPS melalui Metode Pembelajaran College Ball pada siswa Kelas V SD Negeri Kedungringin 01 Tahun Pelajaran 2011/2012*, Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Ferreira, M. J., Moreira, F., Pereira, C. S. & Durão, N. (2015). The role of mobile technologies in the teaching/learning process improvement in Portugal. *Proceedings of ICERI2015 Conference*. 16-18 November 2015. Seville, Spain: Universidade Portucalense. 4600-4610.
- Harizon Suffian. (2014). *Amalan pemilihan dan penggunaan contoh guru matematik sekolah rendah: Kajian kes*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Hartini Ismail & Siti Mistima Maat. (2016). Keberkesanan Model Bar Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Berayat Murid Tahun Lima. *Proceeding International Conference on Education*. 18–19 October 2016. Sarawak Association For Development Of Professionalism In Education. 496-502.
- Hazri Jamil (1998). *Kesan pendekatan secara penyebatian kemahiran berfikir kritis terhadap pembelajaran sajak*. Practicum Report, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Jelia Kanang & Mohamad Zailani Jaya. (2016). Penggunaan puzzle haiwan membiak dapat meningkatkan prestasi murid tahun 2 bijak dalam topik haiwan membiak. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 11: 35-45.
- Kamarul Azmi Jasmi., Mohd Faez Ilias., Ab. Halim Tamuri., & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(1): 59-74.
- Mayer, R.E. (2001). *Multimedia learning*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Mohamad Nurizwan Jumiran. (2014). *Kesan teknik "Huntto Square" terhadap pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik di sekolah rendah*. Diperoleh dari [http://eprints.uthm.edu.my/7066/1/MOHAMAD\\_NURIZWAN\\_BIN\\_JUMIRAN\\_24.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/7066/1/MOHAMAD_NURIZWAN_BIN_JUMIRAN_24.pdf)
- Ngu Hang Ling. (2012). Penggunaan video untuk meningkatkan kefahaman dan minat murid tahun empat dalam tajuk proses kehidupan. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 27-28 September. Kuching, Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 46-60.
- Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Zuraidah A. Majid. (2017). *Budaya dan pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Norsyaidah Seliaman. (2017). *Kajian kes tentang pengajaran matematik sekolah rendah menggunakan pendekatan kontekstual*. Diperoleh dari <http://ir.upsi.edu.my/3363/1/Kajian%20kes%20tentang%20pengajaran%20Matematik%20sekolah%20rendah%20menggunakan%20pendekatan%20kontekstual.pdf>
- Nurr Azreen Abdul Karim & Mohamad Zailani Jaya (2013). Mengkaji keberkesanan penggunaan BBM dalam membantu murid Tahun 2 menyelesaikan operasi penambahan. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPMTE 2013)*. 23-24 September. Miri, Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 100-109.
- Nurrulazizi Ahmad & Mohamed Madani Bakar. (2015). Mengatasi masalah sebutan vokal awal jawi dalam kalangan murid tahun satu melalui kaedah "DaWaKal-j". *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 10: 153-162.
- Sivakumar, R. (2014). 3G - Mobile technology in education. *Cognitive Discourses International Multidisciplinary Journal*, 2(1): 49-53.
- Stanovich, K.E. & Cunningham, A.E. (2004). Inferences from correlational data: Exploring associations with reading experience. *Literacy Research Methodologies*. 28-45.
- Zainudin Abu Bakar. (2014). *Psikologi pendidikan: Pedoman untuk guru dan ibubapa*. Singapura: Partridge Publishing Singapore.
- Zamri Mohamad & Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera bahasa melayu. *Journal of Language Studies*, 11(3): 163-177.

## FOP: PENENTUAN ISI PADU KUBUS DAN KUBOID

**LIOW XIN YING<sup>1</sup>, HU LAEY NEE<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matemaik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
<sup>1</sup>xinying97@live.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid Tahun 4 dalam menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid dengan menggunakan amalan pengajaran melalui *Focus One Point* (FOP). FOP direka untuk membantu murid mengenal pasti panjang, lebar dan tinggi yang ada pada kubus serta kuboid dan seterusnya menentukan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus dengan mudah. Model Kurt Lewin (1946) dijadikan panduan dalam merancang pelan tindakan ini. Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid yang dikenal pasti melalui prestasi murid pada lembaran kerja yang diberikan. Data dikumpul melalui kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data dari analisis dokumen dianalisis berdasarkan konsep pembelajaran masteri, manakala kekerapan “Ya” dalam pemerhatian dikirakan. Hasil temu bual dianalisis berdasarkan bilangan respons positif untuk mengenal pasti pandangan murid terhadap penggunaan FOP. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan pengajaran dengan penggunaan FOP dapat membantu murid meningkatkan penguasaan dalam penentuan isi padu kubus dan kuboid. Murid juga menunjukkan pandangan yang positif terhadap penggunaan FOP. Seterusnya, FOP dicadangkan penggunaannya dalam kemahiran menentukan isi padu gabungan dua bentuk, kubus dan kuboid.

Kata kunci: *Focus One Point* (FOP), Matematik, isi padu, kubus dan kuboid

### ABSTRACT

*This action research was carried out to help Year 4 students in mastering the skill of determine the volume of cube and cuboid using Focus One Point (FOP). FOP was designed to help the students in identifying the length, width and height of cube and cuboid and thus determine the volume of cube and cuboid using formula easily. Model Kurt Lewin (1946) was the base in planning this action research. Respondents of this research consisted of five students which were identified through their performance on the exercises given. Data was collected through document analysis, observations and interviews. Data from document analysis were analysed based on the concept of mastery learning, while frequency of “Yes” in observations were counted. The outcome of the interviews were analysed based on the frequency of positive response to identify students’ perception on the use of FOP. Research findings showed that the use of FOP helps the students in mastering the skill of determine the volume of cube and cuboid. Students also indicated positive perceptions of the use of FOP. Next, FOP is proposed to be used in the skill of determine the volume of two combined 3D shapes, cube and cuboid.*

Keywords: *Focus One Point* (FOP), Mathematics, volume, cube and cuboid

### PENGENALAN


Matematik merupakan satu bidang ilmu yang melatih minda supaya berfikir secara mantik dan bersistem dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun 4, matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Matematik adalah untuk membina pemahaman murid tentang konsep nombor, kemahiran

asas dalam pengiraan, memahami idea Matematik yang mudah dan berketerampilan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran Matematik secara berkesan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Kurikulum KSSR Matematik menetapkan bidang Sukatan dan Geometri sebagai bidang pembelajaran kedua dan melibatkan murid dalam penaakulan logik, visualisasi ruang dan pemikiran abstrak. Dalam topik Ruang, murid perlu memahami konsep abstrak seperti definisi isi padu pepejal bagi kubus dan kuboid lalu murid dapat menentukan isi padu pepejal dengan menggunakan rumus yang tepat.


## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa pelaksanaan praktikum, pengkaji mendapati bahawa terdapat murid menunjukkan penguasaan yang lemah dalam menentukan isi padu kubus dan kuboid bagi topik Ruang. Pengkaji memerhatikan langkah-langkah pengiraan murid dalam lembaran kerja dan mendapati murid kurang mahir dalam membezakan maksud dan ciri panjang, luas dan tinggi pepejal. Merujuk kepada Manivannan Subramanian (2017), murid tidak mempunyai pemahaman yang jelas tentang cara untuk menentukan isi padu kubus dan kuboid dalam kajiannya. Murid tidak dapat membezakan rumus luas segi empat dan rumus isi padu kubus serta kuboid semasa menyelesaikan soalan.


Pengkaji turut mendapati bahawa murid tidak menggunakan rumus isi padu yang telah diajar dengan tepat, iaitu mereka membilang jumlah kubus unit 1 sentimeter padu bagi menentukan isi padu kubus dan kuboid. Cara pembilangan ini menyebabkan murid tidak dapat menentukan isi padu kubus dan kuboid dengan tepat jika berbanding dengan penggunaan rumus isi padu. Kesilapan murid semasa menentukan isi padu kubus dan kuboid ditunjukkan dalam Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3.



Rajah 1. Murid melakukan miskonsepsi semasa membilang jumlah kubus unit




Rajah 2. Murid tidak mengaplikasikan rumus isi padu yang tepat



Rajah 3. Murid menggunakan rumus luas segi empat untuk menentukan isi padu kubus

### FOKUS KAJIAN

Manivannan Subramaniam (2017) menyatakan isi padu merujuk kepada bilangan kubus sisi sama yang menutupi ruang objek tiga dimensi. Unit ukuran piawai bagi ukuran isi padu ialah sentimeter padu ( $\text{cm}^3$ ) dan meter padu ( $\text{m}^3$ ). Penggunaan rumus merupakan cara penentuan isi padu pepejal kubus dan kuboid yang paling utama dalam buku teks KSSR bagi subjek Matematik. Rajah 4 menunjukkan penggunaan rumus dalam menentukan isi padu kubus dan kuboid dalam Buku Teks Matematik Tahun 4 SJK(C) muka surat 215 (Tan Son Nan *et al.*, 2013).




Rajah 4. Penggunaan rumus dalam menentukan isi padu kubus dan kuboid

Masalah yang menjadi fokus ialah murid tidak memahami konsep rumus yang melibatkan panjang, lebar dan tinggi semasa menentukan isi padu kubus dan kuboid. Sekiranya kemahiran ini tidak dikuasai oleh murid pada peringkat sekolah rendah, penguasaan kemahiran-kemahiran Matematik pada peringkat lebih tinggi akan terbantut (Zainudin Abu Bakar, & Mohd Rashidi Mat Jalil, 2011).

Pengkaji mengambil keputusan untuk menghasilkan satu cara, iaitu FOP. Nama FOP merupakan singkatan bagi *Focus One Point* yang membawa maksud pemfokusan satu titik. FOP direka dengan tujuan untuk membantu penguasaan murid dalam menentukan isi padu kubus dan kuboid dengan rumus. FOP membantu murid untuk mengenal pasti panjang, lebar dan tinggi yang ada pada kubus serta kuboid dan seterusnya menentukan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus dengan mudah.

FOP adalah direka dan diubahsuai dari gambaran Petua Tangan Kiri Fleming (*Fleming's Left Hand Rule*). Petua Tangan Kiri Fleming digunakan dalam menentukan arah putaran motor DC (*Direct Current*) (Daware, 2014). FOP memfokuskan satu titik pada kubus dan kuboid, titik tersebut turut menghubungkan tiga garisan, iaitu panjang, lebar dan tinggi. Dengan merujuk kepada gambaran Petua Tangan Kiri Fleming, ibu jari

mewakili tinggi, jari telunjuk mewakili panjang dan jari tengah mewakili lebar. Rajah 5 menunjukkan penggunaan FOP pada kubus.



Rajah 5. Penggunaan FOP pada kubus

Penggunaan FOP dapat membantu murid melihat lebih jelas mengetahui panjang, lebar dan tinggi pada kubus dan kuboid. Dengan ini, murid tidak lagi mengalami kekeliruan dalam menentukan panjang, lebar dan tinggi pada kubus dan kuboid.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu:

- Membantu murid Tahun 4 dalam meningkatkan penguasaan terhadap penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui perubahan amalan pengajaran dengan FOP.
- Mengenal pasti pandangan murid Tahun 4 terhadap penggunaan FOP.

Kajian tindakan ini dilaksanakan bagi menjawab soalan kajian berikut:

- Bagaimanakah penguasaan murid Tahun 4 terhadap penentuan isi padu kubus dan kuboid ditingkatkan melalui perubahan amalan pengajaran dengan FOP?
- Apakah pandangan murid Tahun 4 terhadap penggunaan FOP?

## PESERTA KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid Tahun 4 yang terdiri daripada pelbagai kaum dari sebuah sekolah di bandaraya Miri. Mereka menunjukkan prestasi akademik yang lemah dalam menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus. Mereka juga tidak memahami ataupun tidak dapat membezakan bahagian panjang, lebar dan tinggi bagi sesebuah kubus dan kuboid yang diberikan. Walau bagaimanapun, peserta kajian adalah menguasai kemahiran pendaraban melibatkan nombor bulat.


## TINDAKAN

Model Kurt Lewin (1946) digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini. Model Kurt Lewin terdiri daripada empat peringkat utama, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan merefleks (Mok Soon Sang, 2010). Penggunaan FOP dalam kitaran 1 ditunjukkan dalam Jadual 1 dengan berpandukan satu contoh soalan.


## Jadual 1

## Langkah-langkah penentuan isi padu melalui FOP dalam kitaran 1


Kira isi padu kuboid.




Langkah 1: Mengenal pasti dan membulatkan satu bucu yang ada pada kuboid.



Langkah 2: Mengenal pasti tiga garisan yang dihubungi oleh bucu lalu pindahkan dan tuliskan ukuran pada tiga garisan tersebut.



Langkah 3: Panjang, lebar dan tinggi pada kuboid dapat dikenal pasti. Gunakan rumus isi padu (Panjang  $\times$  Lebar  $\times$  Tinggi) untuk menentukan isi padu kuboid.



$$\begin{aligned}\text{Isi padu} &= 8 \text{ cm} \times 10 \text{ cm} \times 4 \text{ cm} \\ &= 320 \text{ cm}^3\end{aligned}$$

Namun begitu, pengkaji mengesan bahawa terdapat murid masih belum menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui FOP. Pengkaji mendapati bahawa selepas murid mengenal pasti tiga garisan yang dihubungi oleh bucu pada kubus dan kuboid, murid tersalah memindah ukuran pada tiga garisan tersebut. Murid juga terlupa untuk memindah ukuran pada tiga garisan tersebut. Akhirnya, panjang, lebar dan tinggi pada kubus serta kuboid tidak dapat dikenal pasti dengan tepat dan menyebabkan isi padu kubus dan kuboid tidak dapat dikira dengan tepat.


Berikutan dengan kelemahan yang dikenal pasti dalam kitaran 1, pengkaji mengubahsuaikan penggunaan FOP dengan menambah satu langkah, iaitu menggariskan tiga garisan (panjang, lebar dan tinggi) tersebut sambil pindahkan dan tuliskan ukuran pada tiga garisan satu demi satu pada kubus serta kuboid semasa pelaksanaan amalan pengajaran.

Langkah-langkah penggunaan FOP yang diubahsuai bagi kitaran 2 ditunjukkan dalam Jadual 2 dengan berpandukan satu contoh soalan.


Jadual 2

Langkah-langkah penentuan isi padu melalui FOP dalam kitaran 2




Kira isi padu kuboid.




Langkah 1: Mengenal pasti dan membulatkan satu bucu yang ada pada kuboid.



Langkah 2: Mengenal pasti tiga garisan yang dihubungi oleh bucu yang dibulat lalu menggariskan tiga garisan tersebut sambil pindahkan dan tuliskan ukuran pada tiga garisan satu demi satu.



Langkah 3: Panjang, lebar dan tinggi pada kuboid dapat dikenal pasti. Gunakan rumus isi padu (Panjang  $\times$  Lebar  $\times$  Tinggi) untuk menentukan isi padu kuboid.


$$\begin{aligned} \text{Isi padu} &= 5 \text{ cm} \times 8 \text{ cm} \times 2 \text{ cm} \\ &= 80 \text{ cm}^3 \end{aligned}$$

Data kajian tindakan ini dikumpulkan dengan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam dokumen, sasaran pencapaian dalam pembelajaran masteri adalah semua murid harus mendapat sekurang-kurangnya markah

80%, iaitu pada tahap penguasaan baik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Murid menguasai kemahiran tersebut apabila murid dapat menjawab 80% daripada lembaran kerja dengan betul. Murid perlu menjawab sekurang-kurangnya empat soalan daripada lima soalan yang dikemukakan dengan betul untuk dikategorikan sebagai menguasai kemahiran yang diajar.

Pengkaji menggunakan pemerhatian berstruktur serta menggunakan senarai semak pemerhatian untuk mengenal pasti penguasaan murid terhadap kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui perubahan amalan pengajaran dengan FOP. Dalam pemerhatian yang dijalankan, kekerapan “Ya” dihitung bagi setiap murid berdasarkan penguasaan terhadap penentuan isi padu melalui FOP. Murid yang dapat mencapai kesemua tujuh perkara yang diperhatikan bermaksud murid telah menguasai penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui amalan pengajaran dengan FOP.

Data dari temu bual separa berstruktur ditranskripsikan mengikut kategori kod yang telah ditetapkan, iaitu respons positif dan respons negatif. Daripada empat soalan utama yang ditanya, murid yang memberi respons positif bagi tiga atau empat soalan boleh dikatakan mempunyai pandangan yang baik terhadap penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui amalan pengajaran dengan menggunakan FOP.

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penguasaan Murid Dalam Penentuan Isi Padu Kubus dan Kuboid melalui Amalan Pengajaran dengan FOP

Berdasarkan dokumen dalam kitaran 1, iaitu Lembaran Kerja 1 (LK1) dan Lembaran Kerja 2 (LK2), didapati tiga orang murid, iaitu M1, M3 dan M4 telah menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui amalan pengajaran dengan FOP, manakala dua orang murid, iaitu M2 dan M5 belum menguasai kemahiran berkenaan. Jadual 3 menunjukkan analisis dokumen dalam kitaran 1.

Jadual 3

Analisis dokumen kitaran 1

Murid	Bilangan Soalan yang Dijawab Betul		Tahap Penguasaan	Tafsiran
	LK1	LK2		
M1	5	4	Baik	Menguasai
M2	3	2	Sederhana	Belum menguasai
M3	4	5	Baik	Menguasai
M4	4	5	Baik	Menguasai
M5	3	3	Sederhana	Belum menguasai

Dua orang murid (M2 dan M5) dilanjutkan ke kitaran 2 dan menunjukkan peningkatan dalam pencapaian serta menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus melalui amalan pengajaran dengan FOP. Jadual 4 menunjukkan analisis dokumen yang diperoleh dalam kitaran 2.

Jadual 4

Analisis dokumen kitaran 2

Murid	Bilangan Soalan yang Dijawab Betul	Tahap Penguasaan	Tafsiran
	LK3		
M2	5	Baik	Menguasai
M5	5	Baik	Menguasai

Jadual 5 menunjukkan prestasi pencapaian murid dalam penguasaan kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid selepas amalan pengajaran dengan FOP yang ditambahbaik oleh pengkaji. Dapatan dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan murid dalam penentuan isi padu kubus dan kuboid berdasarkan kitaran 1 dan kitaran 2.

Jadual 5  
Perbandingan analisis dokumen kitaran 1 dan kitaran 2

Murid	Bilangan Soalan yang Dijawab Betul			Tahap Penguasaan	Tafsiran
	LK1 (Kitaran 1)	LK2 (Kitaran 1)	LK3 (Kitaran 2)		
M2	3	2	5	Baik	Menguasai
M5	3	3	5	Baik	Menguasai

Jadual 6 menunjukkan hasil pemerhatian dalam kitaran 1 dan kitaran 2. Dalam pemerhatian ini, tiga orang murid (M1, M3 dan M4) dapat menguasai dan menjawab soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid yang diberi dengan betul. Manakala dua orang murid (M2 dan M5) dapat mencapai penguasaan kemahiran ini di dalam kitaran 2. Dapat ini menunjukkan semua murid dapat menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid bersama rumus melalui amalan pengajaran dengan FOP.


Jadual 6  
Hasil pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2

Murid	K1		K2	
	Kekerapan “Ya”	Penguasaan	Kekerapan “Ya”	Penguasaan
M1	7	Menguasai	-	-
M2	5	Belum menguasai	7	Menguasai
M3	7	Menguasai	-	-
M4	7	Menguasai	-	-
M5	5	Belum menguasai	7	Menguasai

Murid yang belum mencapai tahap penguasaan yang baik dalam kitaran 1 adalah disebabkan terdapat kecenderungan am yang sama dalam kalangan mereka yang sedang mengalami proses pembelajaran tetapi kadar perkembangan kognitif adalah berbeza (Jaslinah Makantal, 2014). Mereka memiliki daya ingatan yang lemah dan memerlukan latihan yang berulang-ulang. Mereka memerlukan masa yang lebih panjang atau penerangan yang berulang kali daripada pengkaji.

Pengkaji mengubahsuaikan penggunaan FOP dengan fokus membantu murid mengingati langkah-langkah penentuan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus bersama FOP. Didapati murid dapat menentukan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus melalui FOP yang diubahsuai dengan tepat. Murid menunjukkan peningkatan tahap penguasaan dan mencapai prestasi yang baik. Amalan pengajaran dengan menggunakan FOP yang diubahsuai membolehkan murid mengingati langkah penggunaannya dengan lebih mudah semasa menjawab soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid. Rajah 6 dan Rajah 7 menunjukkan hasil penyelesaian murid yang betul dalam menentukan isi padu kubus dan kuboid.

4.




$$\text{Volume} = 6 \text{ m} \times 6 \text{ m} \times 6 \text{ m} = 216 \text{ m}^3$$

$$\begin{array}{r} 6 \text{ m} \\ \times 6 \text{ m} \\ \hline 36 \text{ m}^2 \\ \times 6 \text{ m} \\ \hline 216 \text{ m}^3 \end{array}$$

Rajah 6. Hasil penyelesaian murid yang betul dalam menentukan isi padu kubus

5.



$$\text{Volume} = 9 \text{ cm} \times 8 \text{ cm} \times 5 \text{ cm} = 360 \text{ cm}^3$$

$$\begin{array}{r} 9 \text{ cm} \\ \times 8 \text{ cm} \\ \hline 72 \text{ cm}^2 \\ \times 5 \text{ cm} \\ \hline 360 \text{ cm}^3 \end{array}$$

Rajah 7. Hasil penyelesaian murid yang betul dalam menentukan isi padu kuboid

Hasil dapatan kajian pengkaji selaras dengan kajian yang dilaksanakan oleh Chew Bee Gek (2017) yang menunjukkan pedagogi dan amalan pengajaran yang berkesan dapat membantu murid dalam memahami konsep abstrak seperti isi padu kubus dan kuboid. Dengan ini, murid dapat menyelesaikan soalan menentukan isi padu kubus dan kuboid dengan betul. Kesimpulannya, amalan pengajaran dengan menggunakan FOP dapat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan terhadap penentuan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus.

### Pandangan Murid terhadap Penggunaan FOP

Respon dari murid dalam kedua-dua kitaran dienkodkan dan dijadualkan dalam Jadual 7. Melalui temu bual dalam kitaran 1 dan kitaran 2, tiga orang murid menunjukkan pandangan baik terhadap penggunaan FOP manakala M2 memberi pandangan memuaskan terhadapnya (Jadual 8). Dengan itu, M2 dilanjutkan ke kitaran 2 sementara M5 dilanjutkan ke kitaran 2 atas penguasaan yang lemah dalam penentuan isi padu kubus dan kuboid melalui amalan pengajaran dengan menggunakan FOP. Kedua-dua orang murid (M2 dan M5) memberi pandangan yang baik terhadap penggunaan FOP yang diubahsuai pada akhir kitaran 2.

Jadual 7

Analisis skrip temu bual dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Soalan Temu Bual	Respons			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
1. Adakah FOP mudah digunakan?	M1, M3, M4, M5	M2	M2, M5	-
2. Adakah melalui FOP, anda boleh menyelesaikan soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid? Kenapa?	M1, M2, M3, M4, M5	-	M2, M5	-
3. Adakah anda lebih yakin menjawab soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid?	M1, M2, M3, M4, M5	-	M2, M5	-
4. Adakah anda lebih suka menyelesaikan soalan menentukan isi padu kubus dan kuboid melalui FOP?	M1, M3, M4	M2, M5	M2, M5	-

Kod: 1. Respons positif, 2. Respons negatif

Jadual 8

Pandangan murid terhadap penggunaan FOP dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Murid	Bilangan Soalan yang Diberi Respons Positif	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Tahap	Pandangan	Tahap	Pandangan
M1	4	Baik	Baik	-	-
M2	2	Sederhana	Memuaskan	Baik	Baik
M3	4	Baik	Baik	-	-
M4	4	Baik	Baik	-	-
M5	3	Baik	Baik	Baik	Baik

Melalui temu bual yang dijalankan, pandangan terhadap amalan pengajaran menggunakan FOP adalah baik bagi tiga orang murid dalam kitaran 1 dan dua orang murid lagi dalam kitaran 2. Murid suka menggunakan FOP untuk menyelesaikan soalan kerana tidak melibatkan cara pengendalian yang rumit. Murid hanya perlu membulatkan satu bucu yang ada pada kubus dan kuboid, seterusnya mengenal pasti tiga garisan yang dihubungi oleh bucu yang dibulat dan menggariskan tiga garisan tersebut sambil memindah dan menulis ukuran pada tiga garisan satu demi satu.

Murid bersetuju bahawa FOP membantu mereka dalam menyelesaikan soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid. Mereka dapat mengenal pasti panjang, lebar dan tinggi pada kubus atau kuboid dengan tepat dan memperoleh jawapan yang betul dalam soalan menentukan isi padu kubus dan kuboid. FOP direka supaya murid tidak menimbulkan kekeliruan semasa mengenal pasti panjang, lebar dan tinggi pada sesebuah kubus atau kuboid.

FOP membantu untuk melahirkan keyakinan dalam diri murid untuk menjawab soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid. Dengan menggunakan FOP bersama rumus isi padu kubus dan kuboid, murid mempunyai gambaran yang jelas dalam ingatan mereka. Mereka juga yakin untuk menjawab soalan menentukan isi padu kubus dan kuboid.

Selepas menguasai kemahiran berkenaan, secara tidak langsung murid berani untuk mencuba soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid yang lebih sukar.


### CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Selain penentuan isi padu kubus dan kuboid menggunakan rumus, amalan pengajaran dengan FOP, dicadangkan untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penentuan isi padu gabungan dua bentuk, kubus dan kuboid. Langkah-langkah penggunaan FOP ditunjukkan dalam Rajah 8 dengan berpandukan satu contoh soalan yang dipetik dari Buku Teks Matematik Tahun 5 SJK(C) muka surat 215 (Ong How Meng, Yong Shiau Yuen, & Farm Choon Moy, 2014).


#### Jadual 10

Langkah-langkah penentuan isi padu gabungan dua bentuk, kubus dan kuboid melalui FOP


Kira isi padu gabungan kubus dan kuboid.




Langkah 1: Mengenal pasti dan membulatkan satu bucu yang ada pada kubus dan kuboid.




Langkah 2: Mengenal pasti tiga garisan yang dihubungi oleh bucu yang dibulatkan lalu menggariskan tiga garisan tersebut sambil pindahkan dan tuliskan ukuran pada tiga garisan satu demi satu pada kubus dan kuboid.





Langkah 3: Panjang, lebar dan tinggi pada kubus dan kuboid dapat dikenal pasti. Gunakan rumus isi padu (Panjang  $\times$  Lebar  $\times$  Tinggi) untuk menentukan isi padu kubus dan kuboid masing-masing.



$$\begin{aligned} \text{Isi padu kubus} &= 4 \text{ cm} \times 4 \text{ cm} \times 4 \text{ cm} \\ &= 64 \text{ cm}^3 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Isi padu kuboid} &= 9 \text{ cm} \times 4 \text{ cm} \times 2 \\ &= 72 \text{ cm}^3 \end{aligned}$$

Langkah 4: Menentukan isi padu gabungan kubus dan kuboid dengan menambahkan isi padu kubus dan isi padu kuboid yang telah didapatkan.

$$\begin{aligned} \text{Isi padu gabungan kubus dan kuboid} &= 64 \text{ cm}^3 + 72 \text{ cm}^3 \\ &= 136 \text{ cm}^3 \end{aligned}$$

## PENUTUP

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menguasai kemahiran penentuan isi padu kubus dan kuboid dengan menggunakan FOP. Dalam dokumen, murid menunjukkan tahap penguasaan yang baik terhadap penentuan isi padu dan kuboid menggunakan FOP. Hasil pemerhatian menunjukkan murid dapat mengikut langkah penggunaan FOP dengan sepenuhnya untuk menyelesaikan soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid. Murid juga mempunyai pandangan yang baik terhadap penggunaan FOP kerana hanya melibatkan langkah yang mudah semasa menyelesaikan soalan penentuan isi padu dan kuboid.

Justeru, penyelesaian soalan melibatkan penentuan isi padu kubus dan kuboid mahupun soalan penentuan isi padu gabungan kubus dan kuboid melibatkan perkara yang dititikberatkan ialah langkah penggunaan FOP. Dalam langkah penggunaan FOP, tiga garisan yang dihubungi oleh bucu, iaitu panjang, lebar dan tinggi pada kubus atau kuboid harus dikenal pasti dengan tepat. Langkah pemindahan dan penulisan ukuran pada tiga garisan tersebut tidak boleh diabaikan. Rumus isi padu bagi kubus dan kuboid juga tidak

boleh dilupa. Maka, murid dapatlah menentukan isi padu kubus dan kuboid dengan tepat sekali.

Sebagai seorang guru, perlu sentiasa peka dengan keperluan murid dalam proses PdPc terutama amalan pengajaran yang digunakan. Hasil dapatan kajian tindakan ini telah menunjukkan perubahan amalan pegnajaran pengkaji dengan mengaplikasikan FOP dapat membantu murid menyelesaikan soalan penentuan isi padu kubus dan kuboid dengan baik. Dengan ini, murid dapat memahami setiap bahagian kecil dalam soalan dan mendapat gambaran yang jelas tentang keseluruhan soalan.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chew Bee Gek. (2017). *Pengetahuan dan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru teknik dan vokasional*. Pelaporan Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Daware, K. (2014). *Fleming's left hand rule and right hand rule*. Diperoleh dari <https://www.electricaleasy.com/2014/03/flemings-left-and-right-hand-rule.html>
- Jaslinah Makantal. (2014). *Perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak melalui bermain: Satu kajian kes di sebuah prasekolah*. Diperoleh dari <http://ipkent.edu.my/document/pskent/pskent18/jurnal/122014/7.pdf>
- Manivannan Subramaniam. (2017). *Pemahaman murid Tahun Lima tentang luas segi empat*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ong How Meng, Yong Shiau Yuen, & Farm Choon Moy. (2014). *Buku teks Matematik Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Kuala Lumpur: H & K Educational Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Pembelajaran masteri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tan Son Nan, Looi Liew Min, Lee Kheng Nie, The Lian Kiow, Lim Chew Yian, & Loh Hui Li. (2013). *Buku teks Matematik Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Johor Darul Takzim: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Zainudin Abu Bakar, & Mohd Rashidi Mat Jalil. (2011). *Keberkesanan kaedah petak sifir dalam penguasaan fakta asas darab dalam Matematik Tahun 4: satu kajian di Sekolah Kebangsaan Mersing Johor*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

## **BULI SIBER: HUBUNGANNYA DENGAN KEMURUNGAN, KEBIMBANGAN, TEKANAN DAN PENGARUHNYA KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK MURID**

**YATIMAN KARSODIKROMO<sup>1</sup>, MOHD.RAZIMI HUSSIN<sup>2</sup>,  
HAZALIZAH HAMZAH<sup>3</sup>**

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

<sup>1</sup>wakyatiman@yahoo.com, <sup>2</sup>razimi@fpm.upsi.edu.my,

<sup>3</sup>hazalizah@fpm.upsi.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan gangguan buli siber dan hubungannya terhadap tahap kemurungan, kebimbangan, tekanan dan pengaruhnya ke atas pencapaian akademik murid. Data diperoleh melalui pensampelan bertujuan melibatkan 322 orang murid tingkatan empat di semua sekolah menengah di Daerah Samarahan, Sarawak. Instrumen kajian merupakan gabungan kuantitatif dan kualitatif atau mixed-method melibatkan instrumen soal selidik *Cyberbullying Questionnaire (CBQ)*, soal selidik *Depression, Anxiety and Stress (DASS-42)* dan soalan temu bual. Data di analisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (IBM-SPSS)* versi ke-23. Keputusan kajian menunjukkan lebih separuh daripada responden pernah menjadi mangsa buli siber iaitu 61.8% ( $n = 199$ ) berbanding yang tidak dibuli sebanyak 38.2% ( $n = 123$ ). Dapatan mengesahkan bahawa buli siber memberi kesan kepada kemerosotan akademik murid. Sementara, ujian korelasi Pearson membuktikan pengalaman buli siber mempunyai hubungan yang mempengaruhi tahap kemurungan ( $r = 0.242, p < .01$ ), kebimbangan ( $r = 0.264, p < .01$ ) dan tekanan ( $r = 0.269, p < .01$ ). Ini menunjukkan semakin tinggi pengalaman dibuli siber seseorang, tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan seseorang itu akan turut meningkat. Kertas kajian ini mencadangkan pihak sekolah, ibu bapa, guru dan rakan sebaya agar peka dengan gangguan buli siber dan bersama-sama mengatasi masalah gangguan buli siber.

Kata kunci : Buli Siber, Kemurungan, Kebimbangan, Tekanan, Pencapaian Akademik

### **ABSTRACT**

*This study aimed to identify the effects of cyberbullying disorders and their relationship to the level of depression, anxiety, stress and their impact on student academic achievement. The data were obtained through sampling aimed at 322 fourth grade students in all secondary schools in Samarahan District, Sarawak. The research instrument is a combination of quantitative and qualitative or mixed-method instruments including the Cyberbullying Questionnaire (CBQ), Depression, Anxiety and Stress (DASS-42) and interview questions. Data were analyzed using the 23rd Statistical Package for Social Sciences (IBM-SPSS). The results showed that more than half of the respondents had been victims of cyberbullying of 61.8% ( $n = 199$ ) compared to those who had not been bullied by 38.2% ( $n = 123$ ). The findings confirm that cyber bullying affects students' academic decline. Meanwhile, the Pearson correlation test revealed that cyberbullying experiences were positively related to depression ( $r = 0.242, p < .01$ ), anxiety ( $r = 0.264, p < .01$ ) and stress ( $r = 0.269, p < .01$ ). This shows that the higher the person's cyberbullying experience, the higher the level of depression, anxiety and stress. This paper proposes schools, parents, teachers and peers to be aware of cyberbullying and co-solve problems of cyberbullying.*

*Keywords: Cyberbullying, Depression, Anxiety, Stress, Academic Achievement*

## PENGENALAN

Kemajuan dunia teknologi telah membawa kepada perubahan dalam hubungan sosial remaja. Perkembangan penggunaan internet melalui medium komputer dan telefon pintar memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat hanya di hujung jari. Menurut laporan *Internet Live Stats*, sehingga Julai 2016, terdapat 68.6 peratus pengguna internet daripada 30,751,602 orang penduduk Malaysia. Kadar ini dilaporkan terus meningkat kepada 76.9 peratus pada tahun 2017 (MCMC, 2017). Sehubungan itu, Morisson (2013) berpendapat media telah mempengaruhi setiap tindakan dalam masyarakat. Internet juga telah menjadi medium baharu perhubungan sosial dan telah mengubah paradigma masyarakat dalam banyak perkara. Melalui internet, pelbagai media massa telah wujud sebagai wadah perhubungan media sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, WeChat, Telegram dan pelbagai lagi. Namun, selain membawa kebaikan ia turut membawa gejala negatif. Barlińska, Szuster dan Winiewski (2013) menganggap internet sebagai persekitaran semula jadi untuk mendapatkan pengalaman dan memenuhi keperluan sosial remaja.

Menurut El Chris Natalia et al (2016), tidak ada syarat yang wajib dipenuhi untuk beraktiviti melalui internet khususnya dalam media sosial, termasuk cara beretika dan perkara yang sebaiknya tidak dilakukan dalam menggunakan media sosial. Kebebasan dalam menggunakan media sosial inilah yang menimbulkan pelbagai penyalahgunaan media sosial. Salah satu perkara yang berlaku akibat ledakan pelbagai media ialah buli siber. Belsey (2008) menyatakan buli siber melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk melakukan dengan sengaja dan mengulang tingkah laku bermusuhan oleh individu atau kumpulan dengan niat jahat terhadap orang lain. Pendapat ini selari dengan pandangan Dhungana (2012) yang mentakrifkan buli siber sebagai individu atau sekumpulan orang yang menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat secara berulang dengan tujuan melakukan kekerasan terhadap orang lain.

Kowalski dan Limber (2007) menyatakan laman sosial, telefon bimbit dan teknologi telah digunakan untuk menyebarkan khabar angin, menghantar mesej atau video yang memalukan, menabur fitnah dan lain-lain. Sementara Willard (2007) menyatakan buli siber termasuk menggunakan ayat-ayat yang mengeji, mengancam, menghantar gambar tanpa kebenaran melalui telefon bimbit, menyiarkan gambar tanpa kebenaran, memeras ugut melalui perbualan (*chatting*), dan menyiarkan gambar lucah atau maklumat peribadi di internet untuk disebar. Hinduja dan Patchin (2009) pula menekankan istilah perbuatan sengaja dan berulang yang dikenakan terhadap orang lain menggunakan e-mel, telefon, mesej teks dan laman internet untuk mengugut, mengganggu dan memalukan termasuk melakukan pemuluan sosial malah menggunakan alat elektronik untuk melakukan gangguan sosial. Alat-alat bimbit seperti komputer, iPad, dan iPod yang disertakan dengan kemudahan internet dan kamera memudahkan lagi penyebaran buli dalam kalangan murid. Che Hasniza Che Noh (2014) dan Ibrahim (2010) sepakat bahawa perkembangan teknologi membawa kepada kewujudan buli siber.

## PENYATAAN MASALAH

Kejadian buli siber seperti dilaporkan pada 25 April 2014 di sebuah sekolah di Daerah Kota Samarahan, menunjukkan bahawa perlakuan buli siber telah merebak di daerah tersebut (Rusnan Mustafa, 2014). Kecaman yang diterima pembuli melalui media sosial merupakan satu bentuk buli siber. Sementara itu, seorang remaja lagi dilaporkan membunuh diri apabila mangsa menjadikan Instagram sebagai jalan mengakhiri hidupnya apabila 69 peratus rakan Instagram mangsa menyokong hasratnya untuk membunuh diri.

Mangsa dikatakan telah memuat naik status “*WANNA QUIT F\*\*KING LIFE I’M TIRED*” dalam facebooknya (Rudi Affendi Khalik, 2019). Kejadian bunuh diri yang turut berlaku di sebuah sekolah menengah di Daerah Samarahan turut dikaitkan dengan buli siber apabila mangsa dikatakan menghadapi masalah tekanan (Utusan Borneo,2019). Hasil penelitian penyelidik terdapat mesej whatsapp yang “memberi idea” kepada mangsa untuk melakukan tindakan bunuh diri tersebut. Kes-kes ini menunjukkan bagaimana buli siber membawa kepada isu psikologi seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan melampau.

Buli siber merupakan fenomena baru yang dihadapi oleh murid. Berbeza dengan buli tradisional yang mendapat kajian meluas, buli siber belum mendapat perhatian yang secukupnya daripada penyelidik tempatan. Campbell, Slee, Spears, Butler, dan Kift (2013) berpendapat walaupun kebanyakan pelajar yang mengalami buli siber berbuat demikian di luar kawasan sekolah dan di luar waktu persekolahan tetapi kesan tingkah laku mereka biasanya turut muncul di sekolah. Oleh itu, Ackers (2012) menyatakan sama ada sedar atau tidak kejadian buli siber turut memerlukan campur tangan pihak sekolah agar tidak terlepas pandang akan isu ini. Campbell et al. (2013) turut menegaskan kebimbangan terhadap buli siber adalah berasas apabila hanya 26 peratus daripada pembuli siber berfikir tindakan mereka tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap kehidupan mangsa. Kajian buli siber di Malaysia juga belum menerima perhatian ilmiah yang mencukupi sedangkan kebimbangannya dirasai oleh kebanyakan anggota masyarakat khususnya pendidik. Misalnya, Yaakub dan Leong (2007) menyatakan tahap kebimbangan yang tinggi wujud akibat perlakuan buli dalam kalangan remaja di negara ini. Keadaan ini ditambah dengan statistik yang menunjukkan seorang dalam tiga orang penduduk di negara ini mempunyai masalah yang berkait rapat dengan isu mental, iaitu kira-kira 30 peratus atau 4.2 juta orang rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental (BH Online, 2016). Ini adalah kerana buli siber dikaitkan dengan masalah mental.

Perubahan tingkah laku murid daripada tingkah laku positif kepada negatif akibat mengalami buli siber boleh menjejaskan pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu, guru sebagai pendidik perlu mengenali perubahan sikap dan tingkah laku murid agar murid yang mengalami gangguan buli siber mendapat bimbingan segera supaya tidak mengambil tindakan di luar kawalan. Kenyataan ini bersesuaian dengan pandangan Dehue (2013) yang menyatakan kebanyakan penyelidikan setakat ini mengkaji kelaziman tingkah laku dan kelaziman penganiayaan. Beliau mencadangkan perlunya satu kajian berhubung kesejahteraan dan kesan mental terhadap pembuli dan mangsa buli siber. Ryan dan Curwen (2013) bersetuju bahawa kajian buli siber kurang memfokuskan kesan terhadap mangsa. Penyelidik juga berkongsi pendapat dengan pandangan Ryan dan Curwen (2013) iaitu masalah pembelajaran berkait langsung dengan masalah kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Sekiranya masalah ini terjadi terhadap murid, sudah semestinya ia akan mengakibatkan kecederaan emosi, penurunan motivasi untuk belajar dan seterusnya menyebabkan pencapaian akademik merosot. Kajian berkenaan kesejahteraan mental terhadap pembuli perlu dijalankan kerana menurut Baek dan Bullock (2013), jika masalah emosi yang berkaitan dengan buli siber tidak dirawat, masalah tingkah laku sering tidak dapat dielakkan.

Hal ini menarik minat penyelidik untuk menyelidiki dengan lebih mendalam tentang jenis dan corak buli siber yang berlaku di Daerah Samarahan. Penyelidik ingin mengkaji hubungan antara buli siber dengan gangguan psikologi (kemurungan, ketegangan dan tekanan) dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik. Campbell, Spears, Slee, Butler, dan Kift (2012b) mengatakan walaupun mangsa buli siber tidak mengalami kesan yang nyata dari segi jasmani, kesan terhadap psikologi mangsa bukanlah sedikit. Boyd dan Marwick (2011) dalam kajian mereka menyatakan apabila remaja mengakui bahawa mereka dibuli, orang dewasa perlu menyediakan program yang boleh membantu mangsa.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- a. Untuk mengenal pasti peratus tingkah laku buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah di Daerah Samarahan.
- b. Untuk mengenal pasti ciri-ciri buli siber yang berlaku .
- c. Untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara buli siber, kemurungan, kebimbangan, tekanan dengan pencapaian akademik.

## METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* (Creswell dan Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, semakan dokumen dan temu bual. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah tinjauan soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ialah *Cyberbullying Questionnaire (CBQ)*, soal selidik *Depression, Anxiety and Stress (DASS-42)* dan soalan temu bual. Penyelidik juga menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu rekod keputusan peperiksaan murid. Menurut Creswell dan Clark (2007), reka bentuk ini dijalankan melalui dua fasa iaitu kajian kuantitatif dijalankan melalui fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua dengan kajian kualitatif. Reka bentuk kajian ini sesuai digunakan kerana pengkaji dapat menggunakan ciri-ciri responden daripada dapatan kuantitatif untuk dijadikan panduan untuk memilih persampelan bertujuan dalam kajian kualitatif yang akan dijalankan seterusnya (Creswell dan Clark, 2007). Oleh yang demikian, bagi kajian temu bual pengkaji menggunakan reka bentuk Penjelasan (Explanatory Design) berdasarkan saranan Creswell dan Clark (2007). Seterusnya, laporan penyelidikan dilakukan berdasarkan dapatan kuantitatif diikuti dengan dapatan kualitatif. Populasi kajian terdiri daripada murid-murid tingkatan empat lelaki dan perempuan. Saiz sampel yang digunakan ialah 322. Manakala, bagi kajian kualitatif pula, bilangan responden yang dipilih adalah enam orang murid berdasarkan maklum balas kajian melalui soal selidik iaitu pelajar yang dibuli siber dan mendapat skor “Sangat Tinggi” bagi tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Kebolehpercayaan alat kajian *Cyberbullying Questionnaire (CBQ)* adalah pada Cronbach Alfa keseluruhan .863. Sementara soal selidik *Depression, Anxiety and Stress (DASS-42)* kebolehpercayaan soal selidik ini melalui kajian rintis yang dijalankan di sebuah sekolah menengah di kawasan Samarahan melibatkan 33 sample daripada murid Tingkatan 4, mendapati nilai alfa kemurungan ialah .83, kebimbangan .82, dan tekanan .89. Tahap perlakuan buli siber ditentukan berasaskan kepada interpretasi skala agresif *The Behavior Assessment System for Children* (2002). Data-data dianalisis menggunakan “*Statistical Package for the Social Science*” (IBM SPSS 23).

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Data Berdasarkan Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah responden ialah 322 orang murid dengan sebahagian besar responden terdiri daripada murid perempuan iaitu sebanyak 173 orang (53.7%) dan bakinya ialah lelaki sebanyak 49 orang (46.3%). Dari segi lokasi kajian, sebanyak 184 orang responden (57.1%) bersekolah di sekolah luar bandar manakala sejumlah 138 orang responden (42.9%) bersekolah di kawasan bandar. Jadual 1 juga melaporkan sebahagian besar responden terdiri daripada kaum Melayu iaitu 195 orang (60.6%), diikuti oleh kaum Iban dengan 61 orang (18.9%), kaum Cina dengan 32 orang

(9.9%), Bidayuh sebanyak 19 orang (5.9%) dan kaum India sebanyak 2 orang responden (0.6%). Bilangan responden bagi lain-lain kaum ialah 13 orang (4.0%). Kajian ini juga menunjukkan sembilan buah sekolah menengah di daerah Samarahan terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian turut menunjukkan sejumlah 316 orang responden (98.1%) mempunyai kemudahan internet. Kajian turut mendapati sebanyak 178 orang responden (55.3%) mempunyai Gred Purata Murid (GPM) pada keputusan Lulus dan 144 orang responden (44.7%) mempunyai GPM pada keputusan Gagal.

Jadual 1  
Taburan Demografi Responden

Demografi Responden	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	149	46.3
Perempuan	173	53.7
<b>Lokasi</b>		
Bandar	138	42.9
Luar Bandar/Kampung	184	57.1
<b>Kaum</b>		
Melayu	195	60.6
Cina	32	9.9
India	2	0.6
Iban	61	18.9
Bidayuh	19	5.9
Lain-Lain	13	4.0
<b>Sekolah</b>		
SMK Sadong Jaya	23	7.1
SMK Pesantren Abdul Taib Mahmud	26	8.1
SMK Sadong Hilir	55	17.1
SMK Hjh. Laila Taib	39	12.1
SMK Asajaya	43	13.4
SMK Kota Samarahan	21	6.5
SMK Muara Tuang	43	13.4
SMK Sg. Tapang	38	11.8
SMK Wira Penrissen	34	10.6
<b>Internet</b>		
Ya	316	98.1
Tidak	6	1.9
<b>GPM</b>		
Lulus	178	55.3
Gagal	144	44.7
Jumlah	322	100

### Peratus tingkah laku buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di Daerah Samarahan

Jadual 2 menunjukkan peratus mangsa buli siber yang berlaku di Daerah Samarahan. Peratus ini diukur untuk semua jenis buli siber yang berlaku sekurang-kurangnya sekali, sama ada di dalam mahu pun di luar sekolah mengikut tujuh jenis kategori buli siber. Tahap perlakuan buli siber ditentukan berdasarkan interpretasi skala agresif *The Behavior Assessment System for Children* (2002). Berdasarkan Jadual 2, secara

keseluruhannya sebanyak 132 orang responden (38.2%) tidak pernah mengalami sebarang bentuk buli siber. Sementara itu, 199 orang responden (61.8%) pernah mengalami salah satu daripada tujuh jenis buli siber. Hal ini bermakna menurut interpretasi skala agresif *The Behavior Assessment System for Children (2002)*, buli siber di Daerah Samarahan berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2

Taburan dan peratus keterlibatan buli siber di Daerah Samarahan

Buli Siber	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
Tidak pernah dibuli	123	38.2
Pernah dibuli	199	61.8
Jumlah	322	100

Peratus mangsa buli siber mengikut kaum pula ditunjukkan dalam Jadual 3. Kaum yang tertinggi ialah kaum Melayu sebanyak 125 orang (62.8%), diikuti kaum Iban 43 orang (21.6%), Cina 15 orang (7.5%), Bidayuh 9 orang (4.5%), lain-lain kaum sebanyak 6 orang (3.0%) dan kaum yang terkecil ialah kaum India iaitu hanya seorang (0.5%).

Jadual 3

Taburan buli siber mengikut kaum

Kaum	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
Melayu	125	62.8
Iban	43	21.6
Cina	15	7.5
Bidayuh	9	4.5
Lain-Lain	6	3
India	1	.5
Jumlah	199	100

### Ciri-ciri buli siber dalam kalangan murid di Daerah Samarahan

Terdapat 10 ciri-ciri buli siber yang dikenal pasti dalam dapatan kajian yang diperoleh.

#### a. Media Sosial yang kerap digunakan

Jadual 4 menunjukkan bahawa Facebook menjadi pilihan murid sebagai medium melakukan buli siber iaitu sebanyak 93 orang responden (46.7%), diikuti oleh WeChat dengan 84 orang responden (42.2%) dan aplikasi WhatsApp sebagai medium yang ketiga paling banyak digunakan iaitu sebanyak 18 orang responden (9.05%).

Jadual 4

Media sosial yang kerap digunakan oleh murid untuk membuli secara siber

Jenis Media Sosial	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Facebook	93	46.7
WeChat	84	42.2
WhatsApp	18	9.0
Twitter	2	1.0
Instagram	2	1.0
Telegram	0	0
Skype	0	0
Lain-Lain	0	0

**b. Jenis Buli Siber melalui Gambar atau Klip Video**

Jadual 5 menunjukkan bahawa sebanyak 113 orang responden (56.8%) menyatakan gambar atau klip video yang menyinggung atau tidak baik telah dihantar oleh seseorang kepada mereka. Sebanyak 54 orang responden (27.1%) menyatakan bahawa gambar atau klip video yang menyinggung atau tidak baik mengenai dirinya telah dihantar kepada orang lain untuk tujuan membuli.

Jadual 5

Kekerapan gangguan jenis buli siber melalui gambar atau klip video

Jenis Media	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Gambar atau klip video yang menyinggung atau tidak baik telah dihantar kepada saya	113	56.8
Gambar atau klip video yang menyinggung atau tidak baik mengenai saya telah dihantar kepada orang lain	54	27.1
Lain-lain	32	16.1
Jumlah	199	100

**c. Tahap kepekaan murid terhadap kesan buli siber**

Jadual 6 menunjukkan bahawa tahap kepekaan murid amat rendah terhadap semua bentuk gangguan buli siber. Tahap kepekaan buli siber yang tinggi adalah melalui gambar atau klip video iaitu sebanyak 42 orang responden (21.1%), mesej teks sebanyak 38 orang responden (19.1%) dan ketiga adalah melalui media sosial dengan 37 orang responden (18.6%).

Jadual 6

Kekerapan maklum balas kepekaan murid terhadap tujuh jenis kategori buli siber

Jenis Buli Siber	Ya		Tidak	
	f	%	f	%
Mesej Teks	<b>38</b>	<b>19.1</b>	161	80.9
Gambar atau Video	42	21.1	157	78.9
Panggilan Telefon	<b>24</b>	<b>12.1</b>	175	87.9
E-mel	15	7.5	184	92.5
Media Sosial	<b>37</b>	<b>18.6</b>	162	81.4
Messenger	24	12.1	175	87.9
Web/Blog	24	12.1	175	87.9

**d. Kesan buli siber berbanding buli tradisional**

Berdasarkan Jadual 7, jumlah maklum balas yang menyatakan kurang kesan ialah 184 (13.2%). Bagi pernyataan lebih kesan, jumlah maklum balas ialah sebanyak 314 (22.5%). Bagi yang menyatakan kesan yang sama, jumlah maklum balas ialah 512 (36.7%). Sementara itu, 27.4% daripada murid memberikan maklum balas “Tidak Tahu”. E-mel merupakan jenis buli siber yang dianggap kurang memberikan kesan yang serius.

**e. Kelas atau tingkatan pembuli**

Jadual 8 menunjukkan kebanyakan kes buli yang berlaku melibatkan murid sama kelas atau tingkatan iaitu sebanyak 100 maklumbalas atau 0.07%, manakala dari kelas atau tingkatan berbeza sebanyak 50 maklumbalas atau 0.03%. Walau bagaimanapun, responden yang menyatakan “tidak diketahui siapa yang membuli” merupakan jumlah yang terbanyak iaitu sebanyak 1243 maklumbalas atau 89.2%.

Jadual 7

Kekerapan maklum balas pandangan murid mengenai kesan buli siber berbanding buli tradisional

Jenis Buli Siber	Kesan Buli Siber							
	Kurang kesan terhadap mangsa		Kesan yang sama terhadap mangsa		Kesan yang lebih terhadap mangsa		Tidak tahu	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	40	20.1	68	34.2	47	23.6	44	22.1
Gambar atau Video	18	9.0	59	29.6	75	37.9	47	23.6
Panggilan Telefon	30	15.1	72	36.2	43	21.6	54	27.1
E-mel	35	17.6	66	33.2	29	14.6	69	34.7
Media Sosial	25	12.6	72	36.2	50	25.1	52	26.1
Messenger	23	11.6	85	42.7	33	16.6	58	29.6
Web/Blog	13	6.5	91	45.7	37	18.6	58	29.1
Jumlah	184	13.2	512	36.7	314	22.5	382	27.4

Jadual 8

Kekerapan kelas atau tingkatan murid yang membuli

Jenis Buli Siber	Kelas Pembuli					
	Sama Kelas atau Tingkatan		Kelas yang berbeza		Tidak tahu siapa membuli	
	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	22	11.1	9	4.5	168	84.5
Gambar atau Video	18	9.0	9	4.5	172	86.4
Panggilan Telefon	10	5.0	4	2.0	185	93.0
E-mel	8	4.0	4	2.0	187	94.0
Media Sosial	17	8.5	11	5.5	171	85.9
Messenger	12	6.0	8	4.0	179	89.9
Web/Blog	13	6.5	5	2.5	181	91
Jumlah	100	0.07	50	0.03	1243	89.2

#### f. Jantina pembuli siber

Jadual 9 menunjukkan buli siber banyak dilakukan oleh “seorang” lelaki iaitu sebanyak 47 maklumbalas (3.4%) berbanding “seorang” perempuan dengan 34 maklumbalas (2.4%). Bagi kumpulan murid pula, lelaki juga mengatasi perempuan iaitu sebanyak 26 maklumbalas (1.9%) bagi lelaki dan 17 maklumbalas (1.2%) bagi perempuan. Buli siber yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan murid lelaki dan perempuan melibatkan 32 maklumbalas (2.3%). Kajian ini secara jelas mendapati “tidak tahu siapa” yang melakukannya mencatatkan kadar tertinggi iaitu sebanyak 1243 maklumbalas (89%).

Jadual 9

Jantina pembuli siber

Jenis Buli Siber	Seorang Perempuan		Beberapa Perempuan		Seorang Lelaki		Beberapa Lelaki		Lelaki dan Perempuan		Tidak tahu siapa	
	F	%	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
	Mesej Teks	12	6.0	2	1.0	11	5.5	6	3.0	7	3.5	161
Gambar atau Klip Video	5	2.5	1	.5	10	5.0	10	5.0	3	1.5	170	85.4

Panggilan Telefon	5	2.5	3	1.5	5	2.5	3	1.5	5	2.5	178	89.4
E-mel	0	0	1	.5	3	1.5	0	0	2	1.0	193	97
Media Sosial	4	2.0	5	2.5	6	3.0	2	1.0	10	5.0	172	86.4
Messenger	3	1.5	0	0	9	4.5	4	2.0	3	1.5	180	90.5
Web/Blog	5	2.5	1	.5	3	1.5	1	.5	2	1.0	187	94
Jumlah	34	2.4	17	1.2	47	3.4	26	1.9	32	2.3	1241	89

**g. Jumlah orang yang terlibat dalam kes buli siber**

Jadual 10 menunjukkan, jumlah pembuli siber yang melibatkan kumpulan dua hingga lapan orang ialah sebanyak 73 kes (5.2%). Buli siber yang dilakukan oleh seorang murid melibatkan 60 kes (4.3%). Buli siber yang dilakukan oleh kumpulan melebihi sembilan orang hanya melibatkan empat kes (0.3%), manakala tidak diketahui bilangan yang melakukannya melibatkan jumlah terbesar iaitu 1256 kes (90.1%).

Jadual 10

*Jumlah murid yang terlibat membuli*

Jenis Buli Siber	Jumlah Pembuli							
	Seorang Murid		2 hingga 8 orang murid		Lebih 9 orang murid		Tidak Tahu siapa	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	15	7.5	21	10.6	0	0	163	81.9
Gambar atau Video	13	6.5	9	4.5	1	.5	176	88.4
Panggilan Telefon	6	3.0	6	3.0	0	0	187	94
E-mel	2	1.0	2	1.0	0	0	195	98
Media Sosial	10	5.0	20	10.1	1	.5	168	84.4
Messenger	6	3.0	10	5.0	1	.5	182	91.5
Web/Blog	8	4.0	5	2.5	1	.5	185	93.0
Jumlah	60	4.3	73	5.2	4	0.3	1256	90.1

**h. Tempoh masa kejadian buli siber berlaku**

Secara keseluruhan, didapati bahawa tempoh kejadian buli paling banyak berlaku adalah antara satu dan dua minggu iaitu melibatkan 140 kes (10%), selama sebulan sebanyak 31 kes (2.2%), selama enam bulan sebanyak empat kes (0.3%), dan selama setahun sebanyak 12 kes (0.9%). Terdapat juga kejadian buli siber yang berlanjutan selama beberapa tahun iaitu melibatkan 8 kes (0.6%). Murid yang melaporkan “Tidak Tahu” melibatkan 1,198 kes (86%).

Jadual 11

*Tempoh masa kejadian buli siber berlaku*

Jenis Buli Siber	Tempoh Masa											
	1 atau 2 minggu		Selama Sebulan		Selama 6 bulan		Selama Setahun		Berlanjutan beberapa tahun		Tidak Tahu	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	28	14.1	12	6.0	0	0	2	1.0	2	1.0	155	77.9
Gambar atau Video	30	15.1	3	1.5	0	0	3	1.5	3	1.5	160	80.4
Panggilan Telefon	18	9.0	3	1.5	2	1.0	2	1.0	0	0	174	87.4

E-mel	9	4.5	3	1.5	0	0	1	0.5	0	0	186	93.5
Media Sosial	21	10.6	6	3.1	2	1.0	1	0.5	3	1.5	166	83.4
Messenger	17	8.5	3	1.5	0	0	1	0.5	0	0	178	89.4
Web/Blog	17	8.5	1	0.5	0	0	2	1.0	0	0	179	89.9
Jumlah	140	10	31	2.2	4	0.3	12	0.9	8	0.6	1198	86

**i. Pihak yang dirujuk oleh murid**

Berdasarkan Jadual 12, secara keseluruhan didapati bahawa orang yang mendapat kepercayaan murid ialah rakan sebaya iaitu berjumlah 110 maklumbalas (7.9%). Ibu bapa dan penjaga juga menjadi orang kepercayaan murid dengan jumlah kedua tertinggi iaitu 45 maklumbalas (3.2%) dan orang ketiga yang mendapat kepercayaan murid ialah para guru iaitu sebanyak 33 maklumbalas (2.4%). Namun demikian, sebanyak 1205 maklumbalas (86.5%) melibatkan tidak memberitahu kepada sesiapa apabila dibuli secara siber.

Jadual 12

Pihak yang dirujuk ketika mengalami atau mengetahui kejadian buli siber

Jenis Buli Siber	Pihak yang dirujuk							
	Guru Kelas		Ibu bapa/ penjaga		Rakan Sebaya		Tidak memberitahu sesiapa	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	1	.5	9	4.5	31	15.6	158	79.5
Gambar atau Video	3	1.5	6	3.0	21	10.5	169	84.9
Panggilan Telefon	5	2.5	5	2.5	9	4.5	180	90.4
E-mel	2	1.0	3	1.5	7	3.5	187	94
Media Sosial	4	2.0	7	3.5	25	12.6	163	81.9
Messenger	8	4.0	8	4.0	11	5.5	172	86.4
Web/Blog	10	5.0	7	3.5	6	3.0	176	88.4
Jumlah	33	2.4	45	3.2	110	7.9	1205	86.5

**j. Cadangan pengharaman internet persendirian di sekolah**

Jadual 13, mendapati bahawa 40% murid menyatakan pengharaman internet mampu mengelakkan kejadian buli siber. Sebanyak 19% daripada murid akan menggunakan internet persendirian secara sembunyi dan 41% menyatakan akan menggunakannya selepas waktu persekolahan. Sebanyak 60% daripada responden percaya buli siber tetap akan berlaku sama ada murid menggunakannya secara sembunyi atau menggunakannya secara sembunyi atau selepas waktu persekolahan.

Jadual 13

Kekerapan cadangan pengharaman internet persendirian di sekolah

Jenis Buli Siber	Pengharaman Internet Persendirian					
	Ya		Tidak, mereka menggunakannya secara sembunyi		Tidak, mereka menggunakannya selepas sekolah	
	f	%	f	%	f	%
Mesej Teks	70	35.2	44	22.1	85	42.7
Gambar atau Video	78	39.2	46	23.1	75	37.7
Panggilan Telefon	79	39.7	45	22.6	75	37.7
E-mel	83	41.7	36	18.1	80	40.2

Media Sosial	77	38.7	33	16.6	89	44.7
Messenger	90	45.2	27	13.6	82	41.2
Web/Blog	81	40.7	29	14.6	89	44.7
Jumlah	558	40	260	19	575	41

### Analisis Pengujian Hipotesis

#### Hubungan Pengalaman Buli Siber Berdasarkan Pencapaian Akademik

Ujian deskriptif dan perbandingan post hoc digunakan untuk mengukur sama ada GPM mempengaruhi pengalaman buli siber. Berdasarkan ujian antara subjek, terdapat perbezaan min yang signifikan antara kumpulan lulus dengan gagal dari aspek pengalaman buli siber ( $MD = -2.102, p < .05$ ). Pengalaman buli siber dalam kalangan kumpulan pelajar yang gagal ( $4.76 \pm 0.66$ ) adalah signifikan lebih tinggi daripada pelajar yang lulus ( $2.66 \pm 0.51$ ). Keputusan ini memberikan indikasi bahawa pelajar yang mempunyai masalah buli siber lebih terdedah mendapat keputusan akademik yang rendah.

Jadual 14

Keputusan pengalam buli siber berdasarkan pencapaian akademik

Pemboleh Ubah Bersandar	Skor Buli Siber			
	Mean	Std. Error	95% Confidence Interval	
GPM			Lower Bound	Upper Bound
Lulus	2.66	0.51	1.66	3.65
Gagal	4.76	0.66	3.47	6.05

Jadual 15

Perbandingan post hoc pengalaman buli siber berdasarkan GPM

Dependent Variable	Skor Buli Siber	Skor Buli Siber				
		MD (I-J)	Std. Error	Sig. <sup>b</sup>	95% Confidence Interval for Difference <sup>b</sup>	
(I) GPM					Lower Bound	Upper Bound
Lulus	Gagal	0.51	-2.102*	.828	-3.732	-.472
Gagal	Lulus	0.66	2.102*	.828	.472	3.732

*Based on estimated marginal means*

\* *The mean difference is significant at the .05 level.*

*b Adjustment for multiple comparisons: Bonferroni.*

#### Hubungan tahap kemurungan, kebimbangan, tekanan dengan pencapaian akademik

Bagi menguji sama ada terdapat perbezaan skor min tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan dengan pencapaian akademik, analisis ujian  $t$  tak bersandar digunakan. Pencapaian akademik merujuk kepada pelajar yang lulus dan gagal. Dapatan kajian yang diperoleh dalam Jadual 16 menunjukkan pencapaian akademik tidak mempengaruhi skor min kemurungan ( $df = 197, t = 0.442, p > .05$ ), kebimbangan ( $df = 197, t = -0.635, p > .05$ ), dan tekanan ( $df = 197, t = -1.139, p > .05$ ). Dengan erti kata lain masalah kemurungan, kebimbangan dan tekanan tidak berkait dengan pencapaian akademik. Oleh hal yang demikian, hipotesis ini gagal ditolak pada  $\alpha = .05$ . Seperti yang dilaporkan, skor min kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kumpulan pelajar yang lulus berada antara 1.40–1.72 manakala skor min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kalangan kumpulan yang gagal berada antara 1.44–1.69.

Jadual 16

Keputusan ujian t bagi tahap kemurungan, kebimbangan, dan tekanan dengan pencapaian akademik

Pemboleh ubah	Pencapaian Akademik	Bil	Min	SP	<i>t</i>	DF	Aras Signifikan ( <i>p</i> )
Kemurungan	Lulus	106	1.72	0.45	0.44	197	0.66
	Gagal	93	1.69	1.47			
Kebimbangan	Lulus	106	1.40	0.49	-0.64	197	0.53
	Gagal	93	1.44	0.50			
Tekanan	Lulus	106	1.42	0.50	-1.14	197	0.26
	Gagal	93	1.50	0.50			

### Hubungan buli siber dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan

Ujian korelasi Pearson dijalankan untuk menguji sama ada pengalaman buli siber mempunyai perkaitan dengan tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Dapatan dalam Jadual 17 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman dibuli siber dengan kemurungan ( $r = 0.242$ ,  $p < .01$ ), kebimbangan ( $r = 0.264$ ,  $p < .01$ ), dan tekanan ( $r = 0.269$ ,  $p < .01$ ). Oleh hal yang demikian, disimpulkan bahawa pengalaman buli siber mungkin akan mempengaruhi kemurungan, kebimbangan dan tekanan.

Jadual 17

Keputusan analisis korelasi

		X1	X2	X3	X4
Buli siber (X1)	Pearson Correlation	1			
	Sig. (2-tailed)				
	<i>N</i>	322			
Murung (X2)	Pearson Correlation	.242**	1		
	Sig. (2-tailed)	.000			
	<i>N</i>	322	322		
Bimbang (X3)	Pearson Correlation	.264**	.722**	1	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		
	<i>N</i>	322	322	322	
Tekanan (X4)	Pearson Correlation	.269**	.703**	.805**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	<i>N</i>	322	322	322	322

\*\* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan peratus buli siber di daerah Samarahan berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 61.8 peratus. Memandangkan tahap buli dianggap tinggi, perhatian serius perlu diberikan untuk membendung dan menyelesaikan masalah ini daripada terus menular dan menjadi satu isu besar. Medium utama yang digunakan oleh pelajar ialah Facebook, WeChat dan WhatsApp. Pembuli gambar menyebarkan gambar atau klip video yang tidak baik dengan tujuan untuk memalukan mangsa. Ini sepadan dengan pandangan K.Smith, et. al (2009) dan Danielle M. Law, et. al (2012) bahawa

penyebaran gambar dan video klip antara medium yang kerap digunakan. Di dapati bahawa kepekaan murid terhadap buli siber amat rendah terhadap semua jenis buli siber yang berlaku. Murid juga melaporkan buli siber mempunyai kesan yang sama seperti buli tradisional. Walau bagaimana pun bilangan yang menyatakan lebih kesan sebanyak 22.5 peratus. Kajian ini mengesahkan bahawa kelas, jantina, jumlah pembuli, tempoh masa pembuli siber tidak diketahui identitinya. Menurut Grube (2012) kegiatan buli yang dilakukan dalam media sosial lebih senang dilakukan kerana tidak perlu memaparkan nama pembuli, tidak perlu berhadapan secara bersemuka dengan mangsa dan tidak perlu melihat tindak balas fizikal mangsa (Donegan, 2012) mereka hanya bersembunyi di sebalik skrin komputer sahaja. Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah kebanyakan mangsa seboleh-bolehnya tidak mahu memberitahu kejadian buli siber kepada sesiapa terutama ibu bapa dan guru kecuali hanya kepada rakan sebaya mereka. Secara keseluruhan, buli siber memberi kesan ke atas tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan tetapi buli siber tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid untuk jangka masa panjang. Kajian ini mencadangkan pengharaman Internet persendirian di sekolah oleh pihak Kementerian Pendidikan hendaklah dimansuhkan. Rakan Sebaya juga di cadangkan tidak memberi “idea bunuh diri” kepada magsa yang dalam kemurungan, kebimbangan dan tekanan.

## RUJUKAN

- Ackers, M. J. (2012). Cyberbullying: through the eyes of children and young people. *Educational Psychology in Practice*, 28(2), 141-157. Doi:10.1080/02667363.665356.
- Baek, J., & Bullock, L.M. (2013). Cyberbullying: a cross-cultural perspective. *Emotional and Behavioural Difficulties*, 00(00), 1-13. Doi:10.1080/13632752.2013.849028
- Barlińska, J., Szuster, A., & Winiewski, M. (2013). Cyberbullying among adolescent bystanders: Role of the communication medium, form of violence, and empathy. *Journal of Community & Applied Social Psychology*, 23(1), 37-51.
- Belsey, B. (2008). Are you aware of, or are you supporting someone who is the victim of cyberbullying? In What Can Be Done? Retrieved from <http://www.cyberbullying.org>
- BH Online. (2016, Rabu, September 28). Masalah kesihatan mental di Malaysia membimbangkan. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my/node/196973>.
- Boyd, D., & Marwick, A. (2011). Bullying as true drama - Why cyberbullying rhetoric misses the mark. *The New York Times*.
- Campbell, M., Slee, P., Spears, B., Butler, D., & Kift, S. (2013). Do Cyberbullies Suffer Too? Cyberbullies' Perceptions of the Harm They Cause to Others and to their Own Mental Health. *School Psychology International*, 34, 613-629. doi:10.1177/0143034313479 698.
- Campbell, M., Spears, B., Slee, P., Butler, D., & Kift, S. (2012b). Victims' perceptions of traditional and cyberbullying, and the psychosocial correlates of their victimisation. *Emotional and Behavioural Difficulties*.
- Che Hasniza Che Noh, & Mohd Yusri Ibrahim. (2014). Kajian Penerokaan Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UMT. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 323-329. <http://doi.otg/10.1016/j.sbspro.2014.04.255>
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Cross, D. (2008, July). Cyberbullying: International comparisons, implications, and recommendations. Paper presented at the 20th biennial International Society for the Study of Behavioural Development, Wurzburg, Germany.
- Dehue, F. (2013). Cyberbullying Research: New Perspectives and Alternative Methodologies. Introduction to the Special Issue, 6(October 2012), 1-6. <http://doi.org/10.1002/casp>
- Dhungana, K. J. 2012. “Transcending Beyond the Schoolyard: A Multilevel Examination of the Environmental Influences and Prevalence of Traditional and Cyber Bullying Perpetration.” Doctoral diss., The Florida State University.
- Donegan, R. (2012). Bullying and Cyberbullying: History, Statistics, Law, Prevention and Analysis. *Journal of Undergraduate Research in Communications*, 3(1), 33-42.
- El Chris Natalia, S.I. Kom., M.Si. (2016). Media Sosial dan Cyberbullying. *Jurnal Ilmiah Komunikasi*. Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.

- Grube, B. (2012). Social Media's Influence on Youth. YDI Research Brief Number 17. [Ydi .tamu.edu/wp.../YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf](http://tdi.tamu.edu/wp.../YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf)
- Hinduja, S., & Patchin, J. W. (2009). How to Talk with Your Child About Cyberbullying.
- Internet Users Survey, (2017). Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), MCMC Tower 1, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
- Internet World Stats. (July 1,2016). Malaysia Internet Users (\*2016). diperoleh dari <http://www.internetlivestats.com/internet-users/malaysia/>
- K.Smith, P., Nahdavi, J., Carvalh, M., Fisher, S., & Tippett, N. (2008). Cyber-bullying: its nature and impact in secondary school pupils. *Jurnal of child psychology and psychiatry*, 376-385.
- Kowalski, R. M., & Limber, S. P. (2007). Electronic bullying among middle school students. *Journal of adolescent health*, 41(6), S22-S30.
- Lazuras, L., Barkoukis, V., Ourda, D., & Tsorbatzoudis, H. (2013). A process model of cyberbullying in adolescence. *Computers in Human Behavior*, 29, 881–887. <http://doi.org/10.1016/j.chb.2012.12.015>
- Morisson, (2013). *Teori Komunikasi Massa*. Bogor. Ghalia Indonesia
- Rudi Affendi Khalik. (2019, Mei 14). Remaja bunuh diri selepas dapat 69 peratus undian Instagram. Astro Awani. Diperoleh dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-bunuh-diri-selepas-dapat-69-peratus-undian-instagram-207649>.
- Rusnan Mustafa. (2014, June 24). Gadis “pailang” didakwa. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2014/06/24/gadis-pailang-didakwa/>
- Ryan, K. N., & Curwen, T. (2013). Cyber-Victimized Students: Incidence, Impact, and Intervention. *SAGE Open*, 3(4). <http://doi.org/10.1177/2158244013516772>
- Utusan Borneo Online. (2019). Pelajar tingkatan tiga dijumpai mati di Desa Ilmu. Diperoleh dari <http://utusanborneo.com.my/2019/10/28/pelajar-tingkatan-tiga-dijumpai-mati-di-desa-ilmu>
- Willard, B. N. E., & Sabella, R. A. (2007). Cyberbullying and Cyberthreats: Responding to the Challenge of Online Social Aggression, Threats, and Distress. *The Prevention Researcher* •, 14(December), 19–21.

## **PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN IMAGINASI SAINTIFIK-PROSES REKA BENTUK KEJURUTERAAN (MODUL IS-REKA) BAGI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK BERTEMA TEKNOLOGI HIJAU**

**NUR ZURAIMI ZAM JAMAR<sup>1</sup>, SIEW NYET MOI @ SOPIAH ABDULLAH<sup>2</sup>**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah  
<sup>1</sup>nurzuraimie@gmail.com, <sup>2</sup>syetmoi@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan dan menilai Modul Latihan Imajinasi Sainifik-Reka Bentuk Kejuruteraan (Modul IS-REKA) bagi meningkatkan tahap imajinasi saintifik pelajar Tingkatan Empat. Modul IS-REKA dibangunkan berdasarkan langkah-langkah reka bentuk pengajaran ADDIE iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Semasa proses pembangunan, modul disemak oleh enam pakar bidang berbeza. Beberapa cadangan dikenal pasti dan penambahbaikan dibuat berdasarkan cadangan yang diberikan. Prototaip modul ini telah diuji dalam kajian rintis yang melibatkan 65 orang pelajar Tingkatan Empat di dua buah sekolah menengah di daerah Penampang, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai purata bagi nilai indeks kesahan kandungan, CVI ialah 0.86. Maka, modul ini mempunyai kesahan yang baik dan boleh diterima. Kebolehpercayaan modul adalah tinggi (Cronbach's Alpha- .96). Ini menunjukkan modul yang dibangunkan mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran berasaskan projek (teknologi hijau) untuk pelajar Tingkatan Empat.

Kata kunci: model ADDIE, imajinasi saintifik, proses reka bentuk kejuruteraan, pembelajaran berasaskan projek, teknologi hijau

### **ABSTRACT**

*This study was conducted to develop and evaluate the Scientific Imagination-Engineering Design Process Exercise Module (IS-REKA Module) to improve the level of Form Four Students' scientific imagination. The IS-REKA module was developed based on the ADDIE instructional design model which consisted of five phases: Analysis, Design, Development, Implementation, and Evaluation. During the development process, the module was reviewed by six experts in different field. Some suggestions were identified and improvements were made based on the suggestions provided. The findings from the expert evaluation showed high reliability. The prototype of this module was tested in a pilot study involving 65 Form Four students from two secondary schools in Penampang, Sabah. The results show that the mean value of the content validity index, CVI is 0.86. Therefore, this module has good validity and is acceptable. The reliability of the module was high (Cronbach's Alpha- .96). This indicates that the developed module has a high internal reliability and is suitable to be used in the project-based learning (green technology) for Form Four students.*

*Keywords: ADDIE model, scientific imagination, engineering design process, project-based learning, green technology*

### **PENGENALAN**

Imajinasi saintifik merupakan kemahiran yang perlu dipupuk untuk menghasilkan pelajar yang kreatif dan inovatif. Dalam pendidikan sains, kemahiran berfikir kreatif dilihat sebagai kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai

dengan menggunakan daya imajinasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Nurdiana dan Johari (2018) menyatakan imajinasi merupakan elemen penting dalam pemikiran kreatif dan perlu diberi perhatian selaras dengan transformasi pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana, imajinasi berperanan penting dalam meningkatkan pencapaian dan pembangunan seseorang pelajar. Malah, imajinasi juga mampu memupuk pembelajaran berkesan dalam kalangan pelajar. Sesetengah sarjana pemikiran kreatif menyatakan bahawa keupayaan berimajinasi merupakan prasyarat penting untuk menerbit dan menterjemahkan idea kreatif. Walaupun imajinasi bersifat khayalan dan abstrak, imajinasi boleh dikembangkan secara konkrit (Mohd Azhar et. al, 2006)

Ho, Wang dan Cheng (2013) mencadangkan imajinasi saintifik dalam pendidikan sains. Imajinasi saintifik ditakrifkan sebagai keupayaan untuk berfikir secara kreatif bagi mewujudkan atau menyelesaikan masalah berdasarkan pemahaman konsep saintifik, pengalaman masa lalu dan pengetahuan saintifik. Ia dianggap merangkumi pengetahuan saintifik, pemikiran kreatif dan produktiviti. Memandangkan imajinasi merupakan satu keupayaan yang amat penting dalam sesuatu ciptaan dan penerokaan perkara baharu, memasukkan imajinasi saintifik ke dalam pendidikan sains bukanlah bermaksud untuk menghasilkan gambaran-gambaran mental dengan latar belakang saintifik semata-mata, tetapi lebih menekankan aspek produktif dalam menghasilkan produk baharu dan menghasilkan penyelesaian sesuatu masalah (Kim, Mun & Mun, 2015). Menurut Wang, Ho dan Cheng (2015), imajinasi saintifik merupakan aktiviti mental yang merangkumi penjaanaan idea-idea baru yang konsisten dengan prinsip saintifik dan berkaitan dengan pengalaman kehidupan seharian. Ia dikelaskan kepada tiga peringkat iaitu; (i) Permulaan (Sumbangsan, Perkaitan), (ii) Pelarasan dinamik (Transformasi dan Penjelasan) dan (iii) Pelaksanaan Maya (Konsepsi/Organisasi/Pembentukan). Penglibatan pelajar di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memasukkan komponen imajinasi saintifik akan menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Melalui aktiviti pembelajaran sedemikian, pelajar dapat menggunakan konsep saintifik, meneroka idea dan menghasilkan penyelesaian yang lebih produktif.

Bagi tujuan perkembangan imajinasi saintifik di kalangan pelajar, penyelidik telah membina modul latihan imajinasi saintifik-proses reka bentuk kejuruteraan (Modul IS-REKA). Modul IS-REKA merupakan modul yang dibangunkan oleh pengkaji untuk menerangkan tatacara yang jelas mengenai proses memupuk imajinasi saintifik pelajar. Modul ini akan memberikan panduan kepada guru tentang perlaksanaan aktiviti untuk latihan imajinasi saintifik berasaskan proses reka bentuk kejuruteraan. Secara khususnya, kajian ini tertumpu pada pembangunan modul IS-REKA menggunakan model reka bentuk pengajaran ADDIE yang terdiri daripada fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian, dan seterusnya menilai kebolehgunaan/kesahan aktiviti.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai kebolehgunaan Modul IS-REKA bagi meningkatkan imajinasi saintifik pelajar Tingkatan Empat dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Bertema Teknologi Hijau.

Bagi memenuhi tujuan ini, objektif kajian yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah:

- a. Membangunkan Modul Latihan Imajinasi Saintifik-Proses Reka Bentuk Kejuruteraan bagi meningkatkan imajinasi saintifik pelajar Tingkatan Empat dalam pembelajaran berasaskan Projek bertema Teknologi Hijau.
- b. Menilai kebolehgunaan aktiviti di dalam modul terhadap pembelajaran berasaskan

projek bertema teknologi hijau.

## **METODOLOGI**

Bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan imaginasi saintifik, pelajar perlu melalui satu bentuk latihan yang teratur berdasarkan langkah-langkah yang telah digariskan di dalam Model Imaginasi Saintifik berasaskan Proses Reka Bentuk Kejuruteraan (Siew, 2017). Sehubungan dengan itu, penyelidik membangunkan satu modul sebagai panduan untuk melatih imaginasi saintifik di kalangan pelajar. Sidek dan Jamaludin (2017) menyatakan bahawa modul dapat membantu para guru untuk mengajar sesuatu tajuk atau kemahiran melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan.

Penyelidik telah membangunkan Modul Latihan Imaginasi Saintifik: Pengintegrasian Proses Reka Bentuk Kejuruteraan dengan Pembelajaran Berasaskan Projek Bertema Teknologi Hijau (Modul IS-REKA). Modul IS-REKA merupakan modul pembelajaran yang bertujuan melatih pelajar untuk menguasai imaginasi saintifik. Modul ini dibangunkan dengan mengintegrasikan model imaginasi saintifik dan proses reka bentuk kejuruteraan sebagai struktur di dalam pembelajaran berasaskan projek. Modul ini akan menjadi panduan yang lengkap dan sistematik dan praktikal untuk digunakan oleh guru dalam usaha melatih imaginasi saintifik di kalangan pelajar melalui strategi pembelajaran berasaskan projek. Terdapat enam projek bertema Teknologi Hijau telah dirancang di dalam modul ini.

Bagi menghasilkan modul yang komprehensif, proses pembangunan modul perlu dilakukan secara sistematik dan mengikut fasa-fasa yang teratur. Proses pembangunan Modul IS-REKA dengan menggunakan model reka bentuk pengajaran ADDIE yang terdiri daripada fasa (1) Analisis, (2) Reka bentuk, (3) Pembangunan, (4) Pelaksanaan dan (5) Penilaian. Modul yang dihasilkan, disemak oleh enam pakar bidang menggunakan borang semakan pakar bagi tujuan penambahbaikan. Penilaian kesahan isi kandungan modul dibuat menggunakan soal selidik kesahan isi kandungan modul yang memerlukan penilai memberikan jawapan berbentuk skala Likert lima mata, iaitu: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Data dianalisis menggunakan kaedah pengiraan indeks kesahan kandungan (CVI).

## **PEMBANGUNAN MODUL IS-REKA**

### **Fasa 1: Analisis**

Pembinaan Modul IS-REKA adalah berdasarkan kepada model ADDIE yang merangkumi analisis keperluan, reka bentuk, membangunkan modul, pelaksanaan modul, penilaian dan penambahbaikan modul. Peringkat analisis merupakan asas bagi semua fasa lain dalam reka bentuk pengajaran yang bertujuan mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Kesemua hasil atau output bagi fasa ini akan menjadi input bagi fasa reka bentuk dan seterusnya. Dalam reka bentuk pengajaran, analisis pelajar yang perlu dipertimbangkan adalah ciri-ciri umum pelajar, ciri-ciri kemasukan khas dan gaya pembelajaran (Heinich et al. 2002). Selain daripada itu, terdapat lima kategori analisis pelajar untuk menghuraikan ciri-ciri pelajar iaitu maklumat akademik, ciri-ciri personal dan sosial, pelajar dari kepelbagaian budaya, pelajar yang kurang upaya dan pelajar dewasa (Morrison et al. 2013). Pembinaan Modul IS-REKA hanya menganalisis pelajar dari segi ciri-ciri umum, ciri-ciri kemasukan khas, gaya pembelajaran, maklumat pencapaian dan

kepelbagaian budaya pelajar. Ciri-ciri umum pelajar merupakan maklumat mengenai jantina, umur, etnik dan pendidikan (Morrison et al. 2013).

Pengkaji telah melakukan beberapa analisis dokumen terhadap huraian sukatan pelajaran Sains (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga), Biologi, Kimia dan Fizik (Tingkatan Empat). Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat objektif pembelajaran dan hasil pembelajaran untuk mengembangkan imajinasi saintifik pelajar secara khusus. Terdapat beberapa tajuk sahaja yang mencadangkan aktiviti pengajaran berasaskan projek tanpa struktur yang jelas. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai kedudukan imajinasi reka bentuk kejuruteraan di dalam realiti suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah, pengkaji telah menjalankan temubual kepada lima orang guru mata pelajaran Sains Tulen (Kimia, Biologi dan Fizik) dan lima orang pelajar Aliran Sains Tulen.

Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji, kelima-lima orang guru memberikan respons bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan imajinasi saintifik dengan sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru-guru juga didapati tidak mempunyai pengetahuan bagaimana imajinasi saintifik dapat ditaksir kerana belum ada instrumen sedemikian dibekalkan kepada mereka. Namun, mereka mengakui pelajar yang mampu berimajinasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan pelajar yang lebih kreatif dan mudah memahami isi kandungan pdp yang disampaikan. Melalui temubual ini juga, guru-guru turut menyatakan satu buku panduan perlu disediakan untuk membantu mereka memahami dan menerapkan imajinasi saintifik di kalangan pelajar. Terdapat juga guru yang menyatakan buku panduan sedemikian boleh digunakan untuk melatih pelajar dalam persediaan menyertai pertandingan reka cipta dan inovasi kelak. Pengkaji turut mendapat input daripada guru berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mungkin boleh digunakan untuk memupuk kebolehan pelajar untuk berimajinasi. Di antara pendekatan yang dicadangkan adalah pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran berasaskan masalah. Maka, dapatan temubual ini memberikan justifikasi yang berasas kepada pengkaji untuk mereka bentuk Modul Latihan Imajinasi Sainifik (Modul IS-REKA) sebagai panduan kepada guru-guru bagi memupuk imajinasi saintifik di kalangan pelajar. Temubual turut dijalankan kepada lima orang pelajar aliran sains Tingkatan Empat di sebuah sekolah di daerah Papar. Hasil daripada temubual tersebut, didapati pelajar tidak didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pemupukan imajinasi saintifik dan kreativiti. Mereka menyatakan kaedah perbincangan dan latihan merupakan aktiviti yang sering digunakan di dalam kelas. Pelajar juga memberi input kepada pengkaji mengenai topik-topik yang lebih dekat dalam konteks kehidupan seharian mereka.

Memandangkan modul yang ingin dibangunkan oleh pengkaji merupakan modul yang mengintegrasikan subjek-subjek bidang STEM, maka pemilihan isi kandungan juga haruslah sesuai untuk diintegrasikan dalam pendidikan STEM. Modul IS-REKA merupakan pengintegrasian isi kandungan mata pelajaran sains tulen (Kimia, Biologi, Fizik) dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek di dalam modul ini menggunakan proses reka bentuk kejuruteraan dan model imajinasi saintifik sebagai kerangka untuk menyusun langkah-langkah di dalam setiap aktiviti yang dirancang. Selepas membuat analisis terhadap huraian sukatan pelajaran Sains, Kimia, Biologi, Fizik dan Sains Tingkatan 1-3, pengkaji memilih teknologi hijau sebagai tema modul yang akan dibangunkan. Teknologi Hijau didefinisikan sebagai pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia (KeTTHA, 2016). Terdapat 4 sektor utama yang ditekankan di dalam Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan (DTHK) iaitu Sektor Bekalan

Tenaga, Sektor Pengurusan Sisa dan Air Sisa, Sektor Bangunan dan Sektor Pengangkutan. Berdasarkan sektor-sektor yang digariskan dalam DTHK ini, aktiviti-aktiviti pembelajaran bertema Teknologi Hijau dirancang dan dimasukkan ke dalam modul ini untuk membangunkan imaginasi saintifik berasaskan proses reka bentuk kejuruteraan di kalangan pelajar.

Pemilihan tema teknologi hijau adalah sesuai dengan analisis keperluan terhadap guru dan pelajar (hasil temubual). Berdasarkan analisis keperluan, terdapat beberapa topik yang didapati hampir dalam konteks kehidupan seharian pelajar. Diantara topik atau tema yang menjadi pilihan guru dan pelajar adalah alam sekitar, tenaga, pencemaran dan kesihatan. Selain daripada itu, pengkaji turut memilih tema teknologi hijau bagi memastikan kesinambungan penggunaan modul ini di masa hadapan. Memandangkan pengkaji membuat kajian ini pada tempoh peralihan KBSM kepada KSSM, pemilihan teknologi hijau adalah sesuai untuk dijadikan tema di dalam Modul IS-Reka kerana tema ini dapat disesuaikan dengan topik-topik berkaitan isu alam sekitar dalam silibus subjek-subjek sains dalam KBSM dan akan mempunyai kesinambungan di dalam silibus KSSM. Pada tahun 2020, silibus teknologi hijau akan dilaksanakan sepenuhnya dalam KSSM bagi mewujudkan kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar. Bidang teknologi hijau akan diperkenalkan dalam subjek sedia ada seperti fizik, kimia, biologi serta sains teras. Pelajar tingkatan empat sesi 2020 merupakan kohort pertama yang akan menggunakan silibus baru ini.

## **Fasa 2: Reka bentuk**

Matlamat dan objektif modul ini telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum dibangunkan. Tujuan utama pembangunan Modul IS-REKA adalah:

- a. Melahirkan pelajar yang menguasai proses reka bentuk kejuruteraan dalam menghasilkan idea inovasi atau ciptaan baru dalam bidang STEM melalui penerapan kemahiran imaginasi saintifik.
- b. Melahirkan pelajar yang mempunyai imaginasi saintifik dalam menghasilkan inovasi atau ciptaan baru dalam bidang STEM bertema Teknologi Hijau.
- c. Melahirkan pelajar yang kreatif, mengamalkan budaya STEM dan menghayati amalan Teknologi Hijau.

Fasa kedua ini bertujuan menentukan dan mereka kaedah pengajaran yang akan digunakan. Dalam proses mereka bentuk Modul IS-REKA, fasa ini akan menjawab persoalan yang dikemukakan dari fasa analisis. Proses mereka bentuk modul ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu (a) objektif khusus, (b) teori dan model yang terlibat dan (c) strategi pelaksanaan Modul IS-REKA dan (d) mereka bentuk Modul IS-REKA. Melalui Modul IS-REKA, pelajar akan dapat menguasai proses reka bentuk kejuruteraan untuk membangunkan imaginasi saintifik melalui kemahiran-kemahiran berikut:

- a. Mengenalpasti masalah berdasarkan situasi kehidupan sebenar melalui sumbangsaran.
- b. Membangunkan penyelesaian masalah berbentuk ciptaan dengan membuat perkaitan dengan pengalaman dalam kehidupan seharian.
- c. Melakar idea-idea bagi penyelesaian dengan menggambarkan ciri-ciri fizikal dan fungsi dalam ciptaan.
- d. Memilih penyelesaian terbaik dengan menyusun semula ciri-ciri fizikal dan fungsi ciptaan dalam bentuk lakaran.
- e. Membina prototaip ciptaan berdasarkan lakaran lengkap dengan mempertimbangkan isu-isu berkaitan pemilihan bahan, cara menghasilkan

- rekabentuk dan teknik pemasangan bahagian-bahagian pada ciptaan.
- f. Menguji prototaip ciptaan dan menilai untuk penambahbaikan.
  - g. Berkomunikasi mengenai ciptaan untuk menerangkan keupayaan ciptaan untuk menyelesaikan masalah yang diberikan.

Objektif ini akan menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk memilih dan menyusun isi kandungan, bahan bantu mengajar, strategi pengajaran dan kaedah penilaian di dalam Modul IS-REKA. Pendekatan pengajaran yang digunakan di dalam Modul IS-REKA adalah pembelajaran berasaskan projek (PBP). Pembelajaran berasaskan projek dalam pendidikan STEM selalunya bermula dengan masalah kompleks yang merentasi bidang-bidang STEM dan menekankan pembinaan produk atau artifak di akhir projek (Lee & Kamisah, 2017). Biasanya pembelajaran berasaskan projek dalam STEM menggunakan urutan langkah-langkah reka cipta dalam bidang kejuruteraan. Penekanan kemahiran reka cipta di dalam pembelajaran berasaskan projek boleh dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan reka bentuk (*Design-based learning*), pembelajaran melalui reka bentuk (*learning by design*) atau sains berasaskan reka bentuk (*design based science*).

Di dalam kajian ini, urutan langkah-langkah Model Integrasi Proses Reka Bentuk Kejuruteraan dan Imajinasi Saintifik dijadikan struktur utama semasa menjalankan sesuatu projek. Pengkaji telah merancang enam aktiviti PBP di dalam modul ini. Setiap aktiviti akan dimulakan dengan memberi masalah-masalah berkaitan isu alam sekitar kepada pelajar dalam bentuk situasi dan diiringi dengan ilustrasi. Berdasarkan situasi yang diberikan, para pelajar diminta untuk menghasilkan penyelesaian berbentuk produk ciptaan. Mereka akan menjalankan projek menghasilkan prototaip ciptaan di dalam kumpulan kecil. Penghasilan prototaip ciptaan dibangunkan secara berperingkat melalui lapan langkah berdasarkan integrasi proses reka bentuk kejuruteraan dan model imajinasi saintifik. Jadual 1 menunjukkan tajuk bagi setiap aktiviti di dalam Modul IS-REKA.

Jadual 1  
Aktiviti di dalam Modul IS-REKA

Aktiviti	Tajuk
1	Pelupusan Sisa Pepejal
2	Bekalan Air Bersih
3	Pulau Haba Bandar
4	Pertanian Lestari
5	Penjimatan tenaga elektrik
6	Kesesakan Lalu Lintas

### Fasa 3: Pembangunan

Setelah mengenalpasti latar belakang pengajaran dan pembelajaran dan reka bentuk pengajaran yang akan digunakan, fasa ini akan memberi perincian tentang pembangunan modul. Matlamat utama fasa ini adalah untuk penghasilan bahan pembelajaran. Pada fasa ini, aktiviti-aktiviti di dalam modul dirancang dengan terperinci seperti pemilihan situasi, bahan rangsangan, kandungan, ilustrasi atau grafik yang digunakan, rancangan pengajaran, cadangan komunikasi dan bahan bantu pengajaran yang sesuai akan ditentukan. Modul IS-REKA merupakan modul pembelajaran berasaskan projek yang menggunakan model integrasi proses reka bentuk kejuruteraan dan imajinasi saintifik sebagai struktur utamanya. Satu manual telah dibangunkan untuk digunakan oleh guru dalam pelaksanaan modul ini. Manual ini mengandungi enam unit. Setiap unit mengandungi dua sesi pembelajaran untuk dilaksanakan. Manual ini dilengkapi dengan pengenalan kepada proses reka bentuk

kejuruteraan, pengenalan kepada imaginasi saintifik, proses pembentukan imaginasi saintifik melalui proses reka bentuk kejuruteraan, objektif modul, kriteria kejayaan modul, cadangan pelaksanaan aktiviti, kriteria penskoran imaginasi saintifik berasaskan proses reka bentuk kejuruteraan, ujian pra dan pasca imaginasi saintifik dan soal selidik.

Bagi mengukur objektif pembelajaran yang telah ditetapkan di dalam modul, pengkaji telah membangunkan Ujian Imaginasi Saintifik dan rubrik penskoran. Ujian pra dan pasca Imaginasi Saintifik dan rubrik penskoran imaginasi saintifik dibangunkan berasaskan Model Integrasi Proses Reka Bentuk Kejuruteraan dan Imaginasi Saintifik (Siew, 2017). Soalan-soalan ujian dan rubrik penskoran telah melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan oleh pakar. Terdapat enam aktiviti berbentuk projek telah dibangunkan oleh pengkaji. Setiap aktiviti dibekalkan dengan rancangan pengajaran/cadangan pelaksanaan aktiviti dan lembaran aktiviti untuk kegunaan pelajar di dalam kumpulan.

#### **Fasa 4: Pelaksanaan**

Fasa pelaksanaan aktiviti-aktiviti berasaskan projek merupakan fasa paling penting dalam pembinaan Modul IS-REKA. Dalam fasa ini, pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran berasaskan projek berstruktur proses reka bentuk kejuruteraan dengan imaginasi saintifik. Lima aspek utama yang perlu di ambil kira dalam strategi pelaksanaan Modul IS-REKA adalah latihan guru, pemilihan guru, sesi implementasi dan penilaian untuk pelajar. Di dalam kajian ini, guru yang terlibat untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran bagi kumpulan rawatan akan diberikan latihan dan bimbingan untuk menyampaikan pengajaran menggunakan Modul IS-REKA. Guru-guru yang terlibat dengan kumpulan rawatan akan menjalani latihan selama 6 jam (3 sesi). Sesi pertama (2 jam), guru akan didedahkan dengan latar belakang kajian, strategi pembelajaran berasaskan projek, model reka bentuk kejuruteraan dan imaginasi saintifik, integrasi pembelajaran berasaskan projek dengan proses reka bentuk kejuruteraan dan imaginasi saintifik. Pada sesi kedua (2 jam), guru akan diminta untuk melaksanakan salah satu aktiviti di dalam modul untuk memastikan mereka dapat memahami setiap langkah di dalam model integrasi proses reka bentuk kejuruteraan dan imaginasi saintifik. Pada sesi ketiga (2 jam), guru akan diberikan latihan untuk melakukan pentaksiran terhadap tahap imaginasi saintifik pelajar dengan menggunakan rubrik penskoran imaginasi saintifik yang telah dibina oleh pengkaji. Guru akan diberikan sampel-sampel jawapan pelajar dalam ujian imaginasi saintifik yang telah dikutip semasa kajian rintis untuk ditaksir dan perbincangan mengenai kesesuaian rubrik dan jawapan pelajar boleh dibuat pada masa ini.

Guru-guru yang terlibat di dalam kajian ini dipilih berdasarkan pengalaman di dalam bidang STEM di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti dan dijadikan sampel kajian. Sembilan orang guru akan dilibatkan di dalam kajian ini. Seorang guru akan dilantik di setiap sekolah untuk menjalankan kajian. Pemilihan guru adalah berdasarkan kepada kerelaan dan kesediaan guru untuk terlibat dalam kajian ini. Pelaksanaan Modul IS-REKA mengambil masa sebanyak 6 sesi pengajaran yang terdiri daripada 6 aktiviti melibatkan lakaran prototaip dan diikuti oleh aktiviti pembinaan dan pembentangan prototaip. Setiap sesi mengambil masa selama 120 minit (2 jam). Pelaksanaan Modul IS-REKA ini akan dibuat di luar waktu sesi persekolahan memandangkan kekangan persetujuan daripada pihak sekolah untuk menggunakan masa pengajaran dan pembelajaran dalam sesi persekolahan. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam modul ini di sekolah akan di buat pada waktu petang. Masa yang dicadangkan adalah jam 2-4 petang. Cadangan pelaksanaan aktiviti disediakan oleh pengkaji dan akan dipatuhi oleh guru seperti latihan yang telah diberikan kepada mereka.

Semasa aktiviti, guru akan membahagikan pelajar kepada kumpulan kecil (3-4 orang) bagi setiap kumpulan. Saiz kumpulan yang kecil ini penting untuk memberikan peluang kepada semua pelajar yang terlibat dalam pelaksanaan projek. Setiap ahli kumpulan bebas memberikan idea mereka semasa sumbangsaran. Bagi setiap projek, pelajar akan diberikan situasi berkaitan alam sekitar beserta ilustrasi dan bahan rangsangan yang sesuai. Pelajar-pelajar akan mengikuti lapan langkah yang menjadi struktur asas bagi setiap aktiviti projek yang akan mereka laksanakan. Jadual 2 menunjukkan lapan langkah dalam setiap aktiviti Modul IS-REKA.

Jadual 2

## Langkah-langkah dalam aktiviti Modul IS-REKA

<b>PERMULAAN</b>	Langkah 1	<i>Sumbangsaran</i> - Mengenalpasti keperluan atau masalah <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar terlibat dalam sumbangsaran untuk mengenalpasti sebanyak mungkin masalah berdasarkan situasi yang diberi.</li> </ul>
	Langkah 2	<i>Perkaitan</i> - Menyiasat perkaitan antara keperluan atau masalah dengan kehidupan harian <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar mengaitkan masalah-masalah yang dikenalpasti dengan pengalaman kehidupan seharian.</li> </ul>
	Langkah 3	<i>Sumbangsaran</i> - Mengemukakan jangkaan penyelesaian <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar akan membuat sumbangsaran dan menggunakan imajinasi untuk mengemukakan sebanyak mungkin penyelesaian yang sesuai kepada masalah-masalah.</li> </ul>
	Langkah 4	<i>Perkaitan</i> - Memilih penyelesaian yang paling sesuai <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar memilih penyelesaian yang paling sesuai dan mengaitkan ciri-ciri fizikal dan fungsi dalam penyelesaian.</li> </ul>
<b>PELARASAN DINAMIK</b>	Langkah 5	<i>Transformasi</i> - Mereka bentuk lakaran prototaip <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar akan mentransformasikan idea ciptaan mereka ke dalam bentuk lakaran prototaip.</li> </ul>
	Langkah 6	<i>Penjelasan</i> - Menerangkan penyelesaian. <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar akan menerangkan ciri-ciri fizikal dan fungsi ciptaan mereka menggunakan lukisan prototaip yang dihasilkan.</li> </ul>
<b>PERLAKSANAAN MAYA</b>	Langkah 7	<i>Konsep, Organisasi, Pembentukan</i> - Penyusunan semula lakaran prototaip <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar menyusun semula dan menambah baik lakaran prototaip sedia ada dengan memasukkan perincian mengenai pemilihan bahan, teknik untuk memasang bahagian-bahagian untuk menghasilkan prototaip yang lebih bermakna.</li> </ul>

**PEMBINAAN  
PROTOTAIP**

Langkah 8

- Pembinaan prototaip , Pengujian dan Penilaian Pelajar membina, menguji dan menilai prototaip berdasarkan lakaran prototaip ciptaan mereka

**Fasa 5: Penilaian**

Dalam fasa penilaian, penyemakan dan penilaian modul dilakukan oleh pakar kandungan agar menepati ciri-ciri yang diperlukan. Seterusnya, penilaian dan pengujian dilakukan ke atas pelajar untuk menentukan kebolehgunaan modul IS-REKA ini melalui kajian rintis. Modul IS-REKA ini telah dinilai pada dua tahap. Penilaian pada tahap pertama dilakukan pada peringkat fasa pembangunan. Pada tahap ini, penilaian dilakukan untuk menguji sebarang ralat yang wujud pada modul dan tidak mendatangkan sebarang masalah semasa digunakan di dalam bilik darjah. Penilaian tahap kedua adalah pada tahap pakar kandungan. Penilaian pakar dilakukan bertujuan mendapatkan kesahan modul. Pada peringkat ini, penilaian oleh pakar terdiri daripada pensyarah daripada bidang pendidikan STEM, pensyarah inovasi dan reka bentuk kejuruteraan, pensyarah kreativiti, dan guru-guru berpengalaman yang bertugas di sekolah menengah dalam subjek STEM. Jadual 3 menunjukkan senarai pakar yang terlibat di dalam kesahan modul IS-REKA. Penilaian ini dibuat untuk memastikan modul ini dibina selaras dengan spesifikasi yang telah ditetapkan pada fasa analisis keperluan.

**KESAHAN MODUL IS-REKA**

Bagi menentukan kesahan kandungan modul IS-REKA, penyelidik telah menggunakan khidmat enam orang pakar dalam bidang masing-masing. Setiap panel diberikan borang penilaian kesahan kandungan modul bagi memudahkan panel membuat penilaian (Lampiran D). Penilaian modul adalah berasaskan kepada penilaian modul (Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad, 2008). Aspek yang dinilai adalah berkaitan kebolehgunaan modul dan kesesuaian integrasi proses reka bentuk kejuruteraan dan model imaginasi saintifik dalam pembelajaran berasaskan projek. Jadual 3 menunjukkan panel pakar yang terlibat dalam pengesahan kandungan modul IS-REKA.

Jadual 3

Senarai panel kesahan kandungan Modul IS-REKA

Bil	Jawatan Panel Pakar	Organisasi	Bidang
1	Profesor	UKM	Pendidikan Sains/ Pendidikan Fizik/ Pendidikan Guru
2	Profesor Madya	UTM	Kreativiti dan Inovasi
3	Pensyarah Kanan (Dr.)	UTM	Pendidikan Kejuruteraan/Pemikiran Kritis/Pendidikan Matematik
4	Pensyarah kanan (Dr.)	UM	Pendidikan Sains/ Pendidikan Kimia
5	Guru (Ketua Bidang Sains)	Sekolah Menengah	Biologi/Kimia
6	Guru (Ketua Bidang Sains) – Jurulatih Utama Negeri	Sekolah Menengah	Sains/Biologi

Bagi menentukan kesahan kandungan sesebuah modul, kaedah indeks kesahan kandungan (CVI) digunakan oleh penyelidik. Ini selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh Rubio et al. (2003) dan Lynn, (1986). Menurut mereka, salah satu cara

untuk menghitung kesahan kandungan adalah dengan mendapatkan nilai CVI. Perkara ini dihitung berdasarkan jumlah pakar yang bersetuju dibahagikan dengan jumlah pakar yang dilantik. Nilai CVI 0.80 ke atas dianggap mempunyai kesahan kandungan yang sangat baik (Rubio *et al.*, 2003). Ini diinterpretasi berdasarkan bilangan panel yang dilantik. Hasil daripada analisis tersebut maka terhasil data CVI seperti Jadual 4. Jadual ini menunjukkan item penilaian pakar berkaitan modul IS-REKA dan nilai CVI yang telah dianalisis.

Jadual 4

Analisis Indeks Kesahan Kandungan Modul IS-REKA (n=6)

<b>Bil</b>	<b>Aspek</b>	<b>Nilai CVI</b>
<b>Penilaian Umum Modul</b>		
1	Kandungan modul sesuai dengan sasaran populasinya.	1.00
2	Kandungan modul sesuai dengan tema Teknologi Hijau.	1.00
3	Kandungan modul boleh dilaksanakan dengan jayanya.	1.00
4	Kandungan modul sesuai dengan masa yang diperuntukkan.	1.00
5	Kandungan modul sesuai sebagai bahan untuk pembelajaran berasaskan projek.	1.00
6	Kandungan modul ini berjaya mengintegrasikan proses reka bentuk kejuruteraan dan imajinasi saintifik.	1.00
7	Kandungan modul ini mampu melatih pelajar untuk menguasai proses reka bentuk kejuruteraan.	0.83
8	Kandungan modul ini mampu meningkatkan imajinasi saintifik pelajar dalam menghasilkan ciptaan/produk yang kreatif dan inovatif.	0.83
9	Kandungan modul ini mampu meningkatkan kesedaran pelajar mengenai teknologi hijau.	0.83
<b>Integrasi Proses Reka Bentuk Kejuruteraan dan Imajinasi Saintifik</b>		
1	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk menyenaraikan masalah.	1.00
2	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk menyiasat perkaitan antara masalah dengan kehidupan harian.	1.00
3	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk mengemukakan penyelesaian berbentuk ciptaan.	0.83
4	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk memilih penyelesaian yang paling sesuai dengan mengaitkan ciri-ciri fizikal dan fungsi dalam ciptaan.	0.66
5	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk mentransformasikan idea ciptaan mereka ke dalam bentuk lakaran prototaip.	0.83
6	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk menerangkan ciri-ciri fizikal dan fungsi ciptaan melalui lukisan prototaip.	0.83
7	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk menyusun semula untuk menambah baik lukisan prototaip untuk menghasilkan prototaip yang lebih bermakna.	0.66
8	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk membina prototaip berdasarkan lakaran prototaip.	0.66

9	Aktiviti yang dicadangkan dapat melatih pelajar untuk menilai dan menambah baik prototaip yang dihasilkan	0.66
<b>KESELURUHAN</b>		<b>0.87</b>

Secara keseluruhannya, purata bagi nilai CVI ialah 0.87. Maka modul ini mempunyai kesahan yang baik dan boleh diterima.

### KEBOLEHPERCAYAAN MODUL IS-REKA

Russell (1974) menyatakan bahawa untuk menguji kebolehpercayaan sesuatu modul, perlu melihat sejauh mana pelajar dapat mengikuti langkah-langkah setiap aktiviti di dalam modul itu dengan jayanya. Ini kerana setiap langkah-langkah aktiviti di dalam modul itu dapat menentukan bahawa pelajar telah menguasai objektif modul tersebut. Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) mencadangkan bagi menguji nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul, kaedah mencipta soal selidik atau item-item soalan boleh dicipta berdasarkan kepada langkah-langkah aktiviti modul ataupun berdasarkan objektif-objektif modul. Dalam kajian ini, soal selidik kebolehpercayaan modul IS-REKA dibina berdasarkan langkah-langkah aktiviti di dalam modul. Soal selidik ini diberikan kepada pelajar untuk dijawab setelah mereka mengikuti sehingga tamat setiap aktiviti modul IS-REKA.

Cronbach (1990) menyatakan bahawa salah satu kaedah yang dapat menentukan nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu alat ukuran ialah dengan menggunakan kaedah *Alpha Cronbach*. Oleh itu, soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar akan dianalisis dengan menggunakan kaedah *Alpha Cronbach* bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan modul IS-REKA. Bagi menentukan kebolehpercayaan modul, soal selidik kebolehpercayaan Modul IS-REKA telah ditadbir kepada 65 orang pelajar yang terlibat di dalam kajian rintis. Soal selidik ini dibangunkan sendiri oleh penyelidik bagi mendapatkan pandangan pelajar mengenai aktiviti yang dijalankan di dalam Modul IS-REKA. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis kebolehpercayaan modul IS-REKA.

Jadual 5

Analisis kebolehpercayaan modul IS-REKA

Item	Kriteria Kebolegunaan Modul	Min
1	Saya dapat menyenaraikan masalah berdasarkan situasi yang diberikan.	4.22
2	Saya dapat mengaitkan antara masalah yang dihadapi dengan kehidupan seharian.	4.34
3	Saya dapat menentukan masalah utama bagi situasi yang diberikan.	4.29
4	Saya dapat menyenaraikan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah utama yang dikenalpasti.	4.06
5	Saya dapat mencadangkan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah utama yang dikenalpasti.	4.12
6	Saya menggunakan pengetahuan sains yang saya pelajari untuk menyelesaikan masalah utama yang dikenalpasti.	4.32
7	Saya menggunakan daya imaginasi saya untuk menghasilkan ciptaan baru.	4.37
8	Saya menggunakan daya imaginasi saya untuk membentuk ciri-ciri fizikal dalam ciptaan baru.	4.23
9	Saya menggunakan daya imaginasi saya untuk membentuk fungsi	4.11

	dalam ciptan baru.	
10	Saya menggabungkan daya imajinasi dan konsep sains yang telah saya pelajari untuk menghasilkan ciptaan baru.	4.29
11	Saya berjaya menghasilkan lakaran prototaip berdasarkan imajinasi yang tergambar dalam minda saya.	4.12
12	Saya berjaya menghasilkan lakaran prototaip yang menyelesaikan masalah utama yang dikenalpasti.	4.06
13	Saya dapat menerangkan pemilihan bahan dengan baik melalui lakaran prototaip.	4.01
14	Saya dapat menerangkan cara pengoperasian dengan baik melalui lakaran prototaip.	4.12
15	Saya dapat menerangkan teknik pemasangan dengan baik melalui lakaran prototaip.	4.03
16	Saya dapati aktiviti yang dijalankan banyak membantu saya untuk berfikir dengan lebih sistematik bagi menghasilkan ciptaan baru.	4.51
17	Saya yakin aktiviti ini berjaya meningkatkan daya imajinasi saya bagi menghasilkan ciptaan baru.	4.65
18	Saya akan menjadi lebih imaginatif jika aktiviti seperti ini selalu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.	4.65
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.25</b>
<b>Nilai Alpha Cronbach</b>		<b>.86</b>

Analisis soal selidik kebolehpercayaan modul IS-REKA menunjukkan nilai min keseluruhan 4.25. Menurut Inas, Harry, Yugo dan Andika (2015), kriteria dan tahap min sama atau lebih daripada 3.50 dianggap sebagai boleh diterima, manakala di bawah 3.50 dianggap kurang memuaskan dan perubahan perlu dilakukan terhadap modul. Dapatan kajian adalah pada julat min 4.03 hingga 4.65 menunjukkan pelajar-pelajar yang terlibat di dalam ujian rintis ini bersetuju bahawa Modul IS-REKA boleh digunakan untuk meningkatkan imajinasi saintifik di kalangan pelajar Tingkatan Empat.

Selain itu kajian rintis juga menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* bagi Modul IS-REKA adalah 0.86. Mohd Majid Konting (1998) menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan mestilah sekurang-kurangnya .60 manakala Hopkins (1998) pula menyarankan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan alat ukuran atau modul ialah .90. Sementara itu, Othman Mohamed (2000) menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan modul yang boleh diterima pakai ialah antara .65 hingga .85. Syaharom Abdullah (1990) menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan modul yang boleh diterima ialah antara .60 hingga .85. Oleh itu, nilai *Alpha Cronbach* 0.86 adalah tinggi dan menunjukkan keseluruhan kandungan modul IS-REKA mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa Modul IS-REKA yang dibangunkan mempunyai kesahan kandungan yang baik dan kebolehpercayaan yang tinggi. Secara keseluruhan, modul ini sesuai digunakan untuk membangunkan kemahiran imajinasi saintifik di kalangan pelajar Tingkatan Empat. Selain itu, modul ini juga berupaya memberikan panduan kepada guru tentang perlaksanaan aktiviti untuk latihan imajinasi saintifik berasaskan proses reka bentuk kejuruteraan.

## RUJUKAN

- Cronbach, L.J. 1990. *Essentials of Psychological Testing 5<sup>th</sup> ed.* New York: Harper Collins Publisher, Inc.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Sains Tingkatan 4 dan 5.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Heinich, R., Molenda, M., Russel, J.D. & Smaldino, S.E. 2002. *Instructional Media and Technologies for Learning (7<sup>th</sup> Ed.)*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Ho, H. C., Wang, C. C., & Cheng, Y. Y. 2013. Analysis of the scientific imagination process. *Thinking Skills and Creativity*, 10, 68–78. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2013.04.00>
- Hopkins, K.D. 1998. *Educational and Psychological Measurement and Evaluation 8<sup>th</sup> ed.* Boston: Allyn and Bacon.
- Inas Sofiyah Junus, Harry Budi Santoso, R., Yugo, K. Isal, & Andika Yudha Utomo. 2015. Usability Evaluation of the Student Centered e-Learning Environment. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 16(4), 62-82.
- Jiyeong Mun, Kongju Mun & Sung-Won Kim. 2015. Exploration of Korean Student Scientific Imagination Using Scientific Imagination Inventory. *International Journal Science Education*, 37(13), 2091-2112.
- Lee, C.H., Kamisah, O. 2017. *Biologi dalam Pendidikan STEM*. Bangi: Penerbit UKM.
- Lynn, M.R. 1986. Determination And Quantification of Content Validity. *Nursing Research*, 35(6), 382-385. <http://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2004. *Kreativiti: Teori, Konsep & Praktis*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi & Muhamed Fauzi Othman. 2006. *Reka Cipta dan Inovasi Dalam Perspektif Kreativiti*. Johor: UTM.
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morrison, G., Ross, S., & Kemp. J. 2007. *Designing Effective Instruction*. Hoboken, NJ: Wiley.
- Nurdiana Abdullah & Johari Surif. 2018. Imaginasi dalam Pembelajaran Abad ke-21: Suatu Perspektif Baru. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 15-20.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2006. *Matlamat Kurikulum Biologi dan Sains*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S. S., Lee, E. S., & Rauch, S. 2003. Objectifying Content Validity: Conducting A Content Validity Study In Social Work Research. *Social Work Research*, 27(2), 94-104. <http://doi.org/Article>
- Rusell, J.D. 1974. *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. New York: Publishing Company.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. 2008. Pembinaan Modul: *Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siew, N. M. 2017. Fostering Students' Scientific Imagination in Stem Through an Engineering Design Process. *Problems of Education in the 21st Century*, 75(4), 375–393.
- Syahrom Abdullah. 1990. *Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Wang, C. C., Ho, H. C., & Cheng, Y. Y. 2015. Building a learning progression for scientific imagination: A measurement approach. *Thinking Skills and Creativity*. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2015.02.001>
- Wang, C.C., Ho, H.C., Wu, J.J., & Cheng, Y.Y. 2014. Development of the Scientific imagination model: A concept mapping perspective. *Thinking Skills and Creativity*, 13, 106-119. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tsc.2014.04.001>.

## PERSEPSI PENSYARAH RAKAN ELIT TERHADAP PENCERAPAN *COACHING* PENSYARAH SEMASA PENYELIAAN PRAKTIKUM SEMESTER 7

**MOHAMAD ZAILANI JAYA**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.  
zailaniipgks@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap pencerapan *coaching* dikalangan pensyarah semasa penyeliaan praktikum guru pelatih semester 7. Pencerapan *coaching* praktikum ini dijalankan mulai 11 Jun hingga 6 September 2019. Responden kajian ini seramai 10 orang pensyarah Rakan Elit. Kajian ini adalah kajian tinjauan. 3 konstruk *coaching* yang dicerap iaitu pembinaan hubungan professional *coach-coachee*, pengendalian sesi *coaching* dan keberhasilan *coaching*. Kajian ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah rendah di bandar Miri. Semasa bengkel dijalankan oleh Master Trainer, kerangka kompetensi Certified *Coach* IAB yang terdiri daripada tiga peringkat iaitu input, proses dan outcome telah diterangkan sebaiknya. Seorang pensyarah Rakan Elit akan membimbing dalam 2 atau 3 orang pensyarah. Seorang pensyarah akan diselia sebanyak 2 kali disamping bimbingan berterusan diberikan diluar waktu penyeliaan praktikum. Seramai 22 orang pensyarah penyelia praktikum terlibat. Pencerapan penyeliaan menggunakan borang senarai semak *coaching* (IAB, 2018). Hasil kajian menunjukkan konstruk pembinaan hubungan profesional *coach-coachee* meningkat dari 98.41% kepada 99.04%, pengendalian sesi *coaching* menurun dari 88.57% kepada 80.48% dan keberhasilan *coaching* menurun daripada 80.63% kepada 66.67%. Secara keseluruhan tahap bimbingan pencerapan *coaching* pensyarah oleh Rakan Elit menurun dari penyeliaan yang pertama 89.14% kepada 81.9% pada penyeliaan kedua. Ini menunjukkan tahap *coaching* pensyarah oleh Rakan Elit perlu diambil tindakan yang sewajarnya. Aspek konstruk pengendalian sesi *coaching* dan keberhasilan *coaching* menunjukkan penurunan yang ketara. Ini menunjukkan *coaching* yang diberikan oleh pensyarah Rakan Elit terhadap pensyarah perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh semua pensyarah agar mereka sendiri dapat mengendalikan sesi *coaching* dengan sebaiknya semasa praktikum dijalankan atau semasa mengendalikan program-program yang lain seperti Pentaksiran Bilik Darjah atau jika menjadi Rakan Elit.

Kata kunci: Persepsi, *coaching*, praktikum, Rakan Elit

### ABSTRACT

*This research was conducted to study the perception of elite-buddies lecturers on the coaching approach among lecturers during the supervision of Semester 7 teacher trainees. The coaching approach used during practicum was carried out from 11<sup>th</sup> June until 6<sup>th</sup> September 2019. The respondents for this study were 10 elite-buddies lecturers. This research is a survey study. The 3 coaching constructs used were the development of professional coach-coachee relationships, management of coaching session and outcomes of coaching. This study was conducted at several primary schools in Miri. During a workshop conducted by Master Trainer, the competency framework of IAB Certified Coach that consisted of three stages which were input, process and outcome was explained. An elite-buddies lecturer will give guidance to 2 or 3 lecturers. A lecturer will be supervised 2 times in addition with the ongoing guidance provided outside the practicum supervision period. A total of 22 practicum supervisors were involved. The coaching checklist form is used during supervisory observation (IAB, 2018). The results showed that professional coach-coachee relationships development increased from 98.41% to 99.04%, coaching session management has decreased from 88.57% to 80.48% whereas the coaching*

*outcomes decreased from 80.63% to 66.67%. Overall, the level of mentoring using coaching approach by elite lecturers decreased from the first supervision 89.14% to 81.9% in the second supervision. This shows that the level of coaching by the elite-buddies lecturers should be taken into account. The construction aspects of coaching session management and coaching outcomes show a significant decrease. Through this, it shows the coaching provided by elite lecturers needs to be taken into action so that lecturers will be able to conduct their own coaching sessions effectively during practicum, managing other programmes such as classroom assessments or when they become elite-buddies.*

*Key words: Perception, coaching, practicum, elite-buddies*

## **PENGENALAN**

*Coaching* pada dasarnya menggunakan gaya perbualan berstruktur yang dibantu dengan pendekatan mendengar, menyoal dan memberi maklum balas serta membuat pemerhatian berkesan untuk membantu orang yang *dicoach* (*coachee*) meneroka dan memahami diri, potensi serta keadaan mereka sendiri. Seterusnya membolehkan mereka mencari penyelesaian mereka sendiri. *Coaching* adalah tentang memberi kuasa, motivasi secara individu kepada *coachee* untuk mencari penyelesaian oleh diri mereka (*coachee*) sendiri. *Coaching* juga usaha memastikan *coachee* dapat memberi komitmen sepenuhnya untuk pembangunan diri dan seterusnya organisasi. *Coaching* adalah satu bentuk pembelajaran, di mana *coach* menyokong *coachee* untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan pembangunan sendiri dengan cara yang memberi manfaat kepada *coachee* dan organisasi. Seorang *coach* yang mahir akan menggunakan gabungan pelbagai teknik termasuklah mendengar, menyoal, memberi maklum balas dan mungkin membuat pemerhatian. Keseluruhan pengalaman *coaching* harus menjadi satu perkara yang positif walaupun ada ketikanya *coach* harus menyediakan diri *coachee* untuk dicabar kerana dengan mengakui keperluan untuk berubah dan menetapkan keperluan menangani perkara ini akan menjadikan *coachee* benar-benar memberi komitmen, membangun dan bergerak ke depan. (Abdul Razak, 2016)


*Coaching* juga boleh dijalankan untuk membantu pensyarah pembimbing praktikum bagi membantu teknik *coaching* yang betul. *Coaching* dijalankan agar guru pelatih mendapat impak yang sebenarnya berkaitan cara pengajaran yang betul dan sesuai dijalankan disekolah berdasarkan dimana pelajar ini ditempatkan. Disamping itu, penyelarasan tentang cara *coaching* dijalankan agar *coachee* dapat mempraktikkan cara *coaching* yang betul agar output praktikum adalah tekal bagi semua pelajar.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

*Coach* membantu *coachee* menggunakan potensi yang ada dalam diri mereka untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri dan bukannya *coach* menyelesaikan masalah *coachee*. Kekuatan dan keberkesanan *coaching* amat berkaitan dengan tahap keterbukaan dan kepercayaan antara *coach* dan *coachee* (Abdul Razak, 2016). *Coaching* adalah untuk sesiapa yang mempunyai keinginan untuk membantu orang lain berjaya dan bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bekerja melalui proses perbualan, menggunakan pendekatan *coaching*.

Praktikum ialah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam Program Pendidikan Guru. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah atau sekolah. Pelaksanaan program peringkat ini memberi tumpuan kepada proses PdP dengan bimbingan pensyarah penyelia. Pensyarah penyelia akan memberi bimbingan kepada pelajar berasaskan prinsip-prinsip penyeliaan klinikal. Pencerapan klinikal

merupakan proses penyeliaan yang merangkumi prapemerhatian, pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dan pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran (KPM, 2017). Sesi penyeliaan praktikum yang dikendalikan oleh pensyarah pembimbing akan *dicoach* oleh pensyarah Rakan Elit. Tempoh masa praktikum adalah mulai 7 Mei sehingga 6 September 2019 yang melibatkan 10 orang Rakan Elit dan 22 orang pensyarah pembimbing praktikum Sebelum *coaching* dijalankan, bengkel berkaitan dengan *coaching* telah dijalankan pada 21 Mei 2019. Bengkel ini telah dikendalikan oleh dua orang Master Trainer TS25. Semasa bengkel ini kaedah serta teknik *coaching* yang betul telah diterang dan dihuraikan. Sesi bengkel yang dikendalikan oleh Master Trainer telah dibantu oleh pensyarah Rakan Elit untuk memudahkan bagaimana *coaching* akan dijalankan. Semasa bengkel dijalankan, kerangka kompetensi Certified Coach IAB (IAB, 2018) yang terdiri daripada tiga peringkat iaitu input, proses dan outcome telah diterangkan sebaiknya.



Rajah 1. Kerangka Kompetensi *Certified Coach* IAB

## PERNYATAAN MASALAH

Thomas Crane (2002) mendefinisikan *coaching* sebagai pembolehubah yang positif untuk membangunkan potensi individu untuk menyelesaikan masalah yang muncul. Amalan *coaching* memberi sokongan kepada individu lain bagi membantu untuk menerangkan dan mencapai matlamat kerana proses ini memberi impak ke atas visi dan nilai seseorang individu di samping menyediakan sokongan padu kepada mereka untuk mencipta semula jati diri, mencungkil pemikiran dan tingkah laku mereka yang diperlukan serta konsisten dengan apa yang mereka ingin capai (Hargrove, 2003).

Menurut kajian Jones (2000) dalam Ahmad et al. (2012) mengatakan bimbingan guru berfungsi memberi sokongan dan bertindak sebagai teman kritikal yang memberi maklum balas yang membina. Manakala, menurut Muainah (2000) yang menyatakan tugas pensyarah pembimbing ialah memberi semangat, galakan dan keyakinan kepada guru pelatih agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru yang berkesan dalam pengajarannya.

Walaupun sebelum ini pensyarah pembimbing telah mengetahui berkaitan teknik *coaching* tapi dari aspek amalan penguasaan kemahiran pembinaan hubungan profesional, mengendalikan sesi *coaching* dan keberhasilan coaching masih perlu ditambahbaik. Aspek penyelarasan *coaching* oleh Rakan Elit kepada pensyarah pembimbing praktikum semester 7 perlu dijalankan agar kesamaan dalam menerima bimbingan oleh guru pelatih dapat dilaksanakan dengan baik. Aspek penilaian pelajar akan menjadi lebih tekal. Oleh itu

kajian ini dijalankan untuk mengkaji, apakah persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap bimbingan *coaching* semasa penyeliaan praktikum di kalangan pensyarah?

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pensyarah RE terhadap bimbingan pencerapan *coaching* oleh pensyarah penyeliaan praktikum semester 7.

### **Persoalan Kajian**

- a. Apakah persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap bimbingan pencerapan *coaching* pensyarah berkaitan pembinaan hubungan professional *coach-coachee*, pengendalian sesi *coaching* dan keberhasilan *coaching* semasa penyeliaan praktikum semester 7?
- b. Apakah persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap bimbingan pencerapan *coaching* pensyarah semasa penyeliaan praktikum semester 7?

### **TINJAUAN LITERATUR**

*Coaching* mengalami perkembangan yang pesat terutamanya dalam bidang perkhidmatan seperti bimbingan kerjaya, penempatan dan bimbingan hidup (Cox & Patrick, 2012). Program *coaching* berjaya dalam memupuk perspektif segar dan menyokong perubahan positif kepada peserta (Anthony, *et al.*, 2017). Sehubungan dengan itu, *coaching* dilihat sebagai alat utama dalam kepimpinan dan pengurusan untuk membantu kakitangan meningkatkan potensi dan kualiti kerja seterusnya membina kapasiti menangani perubahan dan memberi sokongan dalam memenuhi peranan pekerja (Theeboom, Beersma, & van Vianen, 2013). Pelaksanaan *coaching* banyak membantu pekerja dalam menemui kebolehan tersendiri dari bimbingan pelbagai pihak dalam proses belajar untuk mendalami kerjaya dengan lebih baik. Daripada kajian yang terdahulu, *coaching* dilihat sebagai pemangkin penting dan terdapat hubungan antara *coaching* dan pembangunan prestasi kerja pekerja di dalam sesebuah organisasi (Hamed & Waheed, 2011). Menurut Robertson (2008), *coaching* adalah satu ikatan antara *coach* dan klien yang komited untuk membantu antara satu sama lain dalam pembangunan dan kesejahteraan pembelajaran kepimpinan masing-masing.

Menurut Theeboom *et al.* (2013) *coaching* menunjukkan kesan yang positif terhadap prestasi, kemahiran, sikap, matlamat dan perkembangan pekerja. Di samping itu, Sonesh, *et al.*, (2015) mendapati bahawa *coaching* memberi kesan yang lebih kuat berbanding program mentor dan mentee dalam mencapai matlamat pekerja. *Coaching* berkonsepkan satu sesi perbualan dan kaunseling yang beroperasi dalam satu ruang yang berasaskan sesi perbualan tidak rasmi oleh pembimbing yang berkelayakan, mempunyai pengalaman dan memahami sepenuhnya bidang kerja pekerja yang dibimbing. (Bluckert, 2014). Fungsi *coaching* tidak bertujuan untuk menyediakan penyelesaian kepada masalah, tetapi untuk menggalakkan dan memberi pencerahan kepada pekerja dalam mengenalpasti masalah dan pada masa yang sama mendorong pekerja mencari penyelesaian masalah sendiri (Matsuo, 2016).

Chong *et. al* (2016) menyatakan kaedah *coaching* masih janggal atau asing bagi masyarakat Malaysia yang lebih biasa dengan kaedah mentor, kaunseling dan juru runding. Hal ini menunjukkan masih terdapat pekerja yang tidak mengetahui mengenai kaedah *coaching* sebagai kaedah pembangunan pekerja kerana kurang pendedahan daripada pihak organisasi. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan *coaching* terhadap prestasi pekerja di sesebuah organisasi.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap pensyarah yang menyelia praktikum semester 7.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan. Kaedah tinjauan dalam kajian ini menggunakan instrumen senarai semak Ada/Tidak. Kajian tinjauan dijalankan kepada semua pensyarah oleh pensyarah Rakan Elit terhadap pencerapan *coaching* pelaksanaan praktikum guru pelatih semester 7. Senarai semak yang sama digunakan untuk 2 kali pencerapan pelaksanaan *coaching*. Fokus utama kajian ialah untuk meninjau apakah persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap pensyarah berkaitan *coaching* yang dijalankan dikalangan pensyarah semasa penyeliaan praktikum dijalankan

Data-data kuantitatif daripada senarai semak kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science (SPSS-PC for Windows-Version 10.0)* untuk memperolehi statistik deskriptif seperti peratus sahaja.

### Profil Responden

Jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 10 orang pensyarah rakan Rakan Elit yang menyelia 22 orang pensyarah bukan Rakan Elit.

## DAPATAN KAJIAN

**Soalan Kajian 1. Apakah persepsi pensyarah Rakan Elit terhadap bimbingan pencerapan *coaching* pensyarah berkaitan pembinaan hubungan profesional *coach-coachee*, pengendalian sesi *coaching* dan keberhasilan *coaching* semasa penyeliaan praktikum semester 7?**

### A. Pembinaan hubungan profesional *coach-coachee*

Untuk kontrak pembinaan hubungan profesional *coach-coachee* bagi elemen pematuhan etika profesional *coaching* bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 1 menunjukkan keseluruhannya adalah 100%. Aspek pematuhan etika profesional *coaching* adalah sangat baik bagi pandangan *coach* terhadap *coachee*.

Untuk kontrak pembinaan hubungan profesional *coach-coachee* bagi elemen unsur saling percaya mempercayai secara keseluruhannya bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 2 menunjukkan peningkatan dari 97.14% kepada 100%. Terdapat peningkatan positif bagi pandangan *coach* terhadap *coachee*.

Jadual 1

Pematuhan Etika Profesional *Coaching*

1. Pematuhan Etika Profesional <i>Coaching</i>		<i>Coaching</i> 1 (Peratus)		<i>Coaching</i> 2 (Peratus)
(a)	Mematuhi etika <i>coaching</i>	100%		100%
(b)	Mempamerkan integriti dalam sesi <i>coaching</i>	100%		100%
(c)	Mempamerkan tanggungjawab profesionalisme sebagai <i>coach</i>	100%		100%
(d)	Menghormati pendapat <i>coachee</i>	100%		100%
(e)	Memahami keperluan <i>coachee</i> selaras dengan	100%		100%

	konteks organisasi		
	Peratus	100%	100%

Jadual 2

## Unsur Saling Percaya Mempercayai

<b>2. Unsur Saling Percaya Mempercayai</b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Memberi tumpuan dalam sesi <i>coaching</i>	100%	100%
(b)	Mempamerkan keterbukaan dalam berkongsi maklumat	95.24%	100%
(c)	Mempamerkan kesungguhan dalam sesi <i>coaching</i>	95.24%	100%
(d)	Mempamerkan kepakaran dalam mengupas sesuatu isu	100%	100%
(e)	Menjaga kerahsiaan isu–isu dibincangkan	95.24%	100%
	Peratus	97.14%	100%

Jadual 3

Kualiti Peribadi sebagai *Coach*

<b>3. Kualiti Peribadi sebagai <i>Coach</i></b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Mengutamakan kebajikan <i>coachee</i>	100%	100%
(b)	Mempamerkan kemesraan sebagai <i>coach</i>	95.24%	85.71%
(c)	Mengurus masa dengan berkualiti	95.24%	100%
(d)	Mempamerkan penampilan diri yang sesuai sebagai <i>coach</i>	100%	100%
(e)	Mengamalkan pertuturan yang beradab dan sopan	100%	100%
	Peratus	98.10%	97.14%
	Keseluruhan aspek pembinaan hubungan professional <i>coach-coachee</i>	98.41%	99.04%

Untuk kontrak pembinaan hubungan professional *coach-coachee* bagi elemen kualiti peribadi sebagai *coach* secara keseluruhannya bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 3 menunjukkan penurunan dari 98.10% kepada 97.14%. Ini menunjukkan aspek mempamerkan kemesraan sebagai *coach* perlu ditambah baik dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*. Secara keseluruhan bagi aspek pembinaan hubungan professional *coach-coachee* terdapat peningkatan dari 98.41% kepada 99.04%.

**B. Pengendalian sesi *coaching***

Jadual 4

Persetujuan Bersama *Coachee*

<b>1. Persetujuan Bersama <i>Coachee</i></b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Membina <i>rapport</i> dengan <i>coachee</i>	95.24%	90.48%
(b)	Menjelaskan isi kandungan kontrak <i>coaching</i>	80.95%	85.71%

	berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab <i>coach</i> dan <i>coachee</i> untuk persetujuan bersama		
(c)	Mendapatkan persetujuan bersama tentang pendekatan <i>coaching</i>	95.24%	85.71%
(d)	Meminta kebenaran <i>coachee</i> sebelum melakukan refleksi sesuatu isu	90.48%	85.71%
(e)	Mempersetujui pelan tindakan yang dirangka bersama <i>coachee</i>	85.71%	80.95%
	Peratus	89.52%	85.71%

Untuk kontrak pengendalian sesi *coaching* bagi elemen persetujuan bersama *coachee* secara keseluruhannya bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 4 menunjukkan penurunan dari 89.52% kepada 85.71%. Ini menunjukkan semua elemen persetujuan bersama *coachee* sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*. *Coach* perlu berbincang semula bersama *coachee* untuk mengambil tindakan susulan berkaitan item-item yang menunjukkan penurunan yang ketara untuk mengatasi masalah tersebut.

Jadual 5  
Komunikasi Berkesan

<b>2. Komunikasi Berkesan</b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Menggunakan laras bahasa yang sesuai difahami oleh <i>coachee</i>	100%	95.24%
(b)	Menggunakan intonasi suara yang bersesuaian	100%	100%
(c)	Memberi tindak balas terhadap komunikasi bahasa badan yang dipamerkan oleh <i>coachee</i>	100%	100%
(d)	Memberi maklum balas secara konsisten semasa perbincangan dengan <i>coachee</i>	95.24%	76.19%
(e)	Menggunakan lakaran minda yang sesuai untuk difahami	61.90%	57.14%
	Peratus	91.43%	85.71%

Untuk kontrak pengendalian sesi *coaching* bagi elemen komunikasi berkesan secara keseluruhannya bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 5 menunjukkan penurunan dari 91.43% kepada 85.71%. Ini menunjukkan elemen menggunakan laras bahasa yang sesuai difahami oleh *coachee*, memberi maklum balas secara konsisten semasa perbincangan dengan *coachee*, persetujuan bersama *coachee* sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*. *Coach* perlu berbincang dengan *coachee* dan mengambil tindakan susulan untuk mengatasi masalah tersebut.

Jadual 6  
Pendengar yang Aktif

<b>3. Pendengar yang Aktif</b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Membuat catatan maklumat yang diberikan oleh <i>coachee</i>	71.43%	57.14%
(b)	Membantu <i>coachee</i> melakarkan hasil	66.67%	47.62%

	perbincangan untuk kefahaman		
(c)	Memfrasa dengan ayat yang mudah difahami	100%	71.43%
(d)	Merumuskan hasil perbincangan	90.48%	71.43%
(e)	Membantu <i>coachee</i> membuat keputusan dengan berpandukan alat-alat yang sesuai	71.43%	66.67%
	Peratus	80.00%	62.86%

Untuk kontrak pengendalian sesi *coaching* bagi pendengar yang aktif bagi *coaching* pertama dan kedua secara keseluruhannya pada Jadual 6 menunjukkan penurunan dari 80.00% kepada 62.86%. Ini menunjukkan semua elemen pendengar yang aktif sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*

Jadual 7

## Penyoalan Bermakna

<b>4. Penyoalan Bermakna</b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Mengajukan soalan terbuka/tertutup sesuai dengan aliran perbincangan	100%	95.24%
(b)	Melakukan probing untuk mengumpulkan maklumat yang lebih jelas tentang isu yang dibincangkan	95.24%	90.48%
(c)	Mencetuskan pemikiran <i>coachee</i> ke arah pelbagai pilihan bagi menghadapi isu yang dibincangkan	90.48%	85.71%
(d)	Mengekalkan fokus kepada agenda <i>coaching</i> yang dipersetujui	90.48%	76.19%
(e)	Menyedarkan <i>coachee</i> membuat keputusan untuk penambahbaikan	90.48%	90.49%
	Peratus	93.33%	87.62%
	Keseluruhan aspek pengendalian sesi <i>coaching</i>	88.57%	80.48%

Untuk kontrak pengendalian sesi *coaching* bagi penyoalan bermakna bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 7 secara keseluruhannya menunjukkan penurunan dari 93.33% kepada 87.62%. Ini menunjukkan semua elemen penyoalan bermakna sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*. Secara keseluruhan bagi aspek pengendalian sesi *coaching* terdapat penurunan dari 88.57% kepada 80.48%.

**C. Keberhasilan *coaching***

Untuk kontrak keberhasilan *coaching* bagi penetapan matlamat bersama *coachee* bagi *coaching* pertama dan kedua secara pada Jadual 8 keseluruhannya menunjukkan penurunan dari 85.71% kepada 77.14%. Ini menunjukkan semua elemen penetapan matlamat bersama *coachee* sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*.

Jadual 8

Penetapan Matlamat Bersama *Coachee*

<b>1. Penetapan Matlamat Bersama <i>Coachee</i></b>	<i>Coaching 1</i> (Peratus)	<i>Coaching 2</i> (Peratus)
---	--------------------------------	--------------------------------

(a)	Memandu <i>coachee</i> mengenalpasti matlamat sesi <i>coaching</i>	85.71%		80.95%
(b)	Memandu <i>coachee</i> membuat refleksi tentang isu	85.71%		76.19%
(c)	Memandu <i>coachee</i> membuat analisis terhadap isu-isu yang diutarakan	76.19%		76.19%
(d)	Membimbing <i>coachee</i> membuat keputusan	95.24%		76.19%
(e)	Mengupayakan <i>coachee</i> memikirkan pelbagai pilihan penyelesaian/penambahbaikan	85.71%		76.19%
	Peratus	85.71%		77.14%

Jadual 9

Perancangan Pelan Tindakan Bersama *Coachee*

<b>2. Perancangan Pelan Tindakan Bersama <i>Coachee</i></b>		<i>Coaching 1</i> (Peratus)		<i>Coaching 2</i> (Peratus)
(a)	Membimbing <i>coachee</i> merangka pelan tindakan penyelesaian/penambahbaikan yang sistematik	80.95%		57.14%
(b)	Memandu <i>coachee</i> memikirkan cabaran-cabaran yang akan dihadapi untuk melaksanakan tindakan	95.24%		66.67%
(c)	Membimbing <i>coachee</i> mengenalpasti bukti-bukti yang boleh menunjukkan pencapaian matlamat	90.48%		85.71%
(d)	Mengupayakan <i>coachee</i> mengenalpasti pihak yang berkepentingan menyokong pelaksanaan	76.19%		57.14%
(e)	Mengupayakan <i>coachee</i> memikirkan pelan kontigensi	57.14%		42.86%
	Peratus	80.00%		61.90%

Untuk kontrak keberhasilan *coaching* bagi perancangan pelan tindakan bersama *coachee* bagi *coaching* pertama dan kedua pada Jadual 9 secara keseluruhannya menunjukkan penurunan dari 80.00% kepada 61.90%. Ini menunjukkan semua elemen perancangan pelan tindakan bersama *coachee* sebagai *coach* perlu ditambah baik semuanya dan diambil tindakan susulan oleh *coachee*.

